

MALAYSIA

Pimpinan Mahathir

Abu Hassan Adam

iBs

INTERNATIONAL BOOK SERVICE

UNIVERSITY
LIBRARY

UNIVERSITY OF MALAYA
LIBRARY
SERANG
NO. 11

INTERNATIONAL BOOK SERVICE

No. 33, Jalan 20/16,
Petaling Jaya, Malaysia

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan balik, disimpan dalam sistem simpankekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada elektronik, sawatan, salinfoto, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin dari penerbit

© Abu Hassan Adam 1984
Terbitan Pertama 1984

ISBN 967 - 950 - 006 - 3
ISBN 967 - 950 - 007 - 1

M
320.9595
ABU

413086
APB

Dicetak oleh Percetakan Perusahaan Printek Sdn. Bhd.

24 JUL 1986
Perpustakaan Negara
Malaysia

Kata Pengantar

DORONGAN yang paling kuat bagi saya untuk menghasilkan beberapa buah rencana yang dimuatkan dalam sebuah buku berjudul *MALAYSIA PIMPINAN MAHATHIR*, adalah berpunca daripada rasa penghargaan yang begitu tinggi terhadap kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed, Perdana Menteri Malaysia.

Terus terang dikatakan bahawa beberapa tindakan awal Dr. Mahathir selepas sahaja beliau menjadi Perdana Menteri sangat menakjubkan. Peristiwa 'Dawn-Raid', keengganannya menghadiri Persidangan Utara-Selatan di Cancun, dasar 'Buy British Last', dasar 'Memandang ke Timur' adalah beberapa tindakan Dr. M yang 'innovative'.

Ketika Dr. M sedang 'mengamuk', saya sedang berada di Manila mengikuti kursus pendek yang ada juga hubungan dengan soal-soal 'Innovation'. Saya mendapat tahu tentang beberapa tindakan Dr. M itu melalui akhbar-akhbar dari Malaysia (yang lewat dua minggu), dan juga majalah-majalah terbitan luar negeri.

Bertambah bangga saya terhadap tindakan Dr. M ialah apabila rakan pelajar dari Indonesia kerap berbincang dan memuji-muji Perdana Menteri kita.

Sekembalinya saya ke tanah air, timbullah hasrat untuk menulis sesuatu mengenai pentadbiran Dr. M. Sekurang-kurangnya dapat memberikan sokongan dan menguatkan lagi keyakinan rakyat terhadap kepimpinan beliau.

Karya saya yang pertama yang berorientasikan kepimpinan 2M ialah berjudul, 'Pimpinan 2M Yang Memikat'. Semenjak itulah saya telah bertekad untuk mengabdikan diri saya bergiat dalam bidang penulisan. Semenjak itu pena saya terus mengalir sehinggalah dapat saya kumpulkan sebahagian daripada rencana-rencana itu ke dalam sebuah buku.

Terdapat sembilan belas buah rencana yang dikumpulkan dalam buku ini. Rencana-rencana ini pernah tersiar dalam akhbar 'Berita Minggu' dan majalah 'Diges Malaysia'. Saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada pihak tertentu kerana membenarkan saya menerbitkan buku ini.

Buku ini dinamakan *MALAYSIA PIMPINAN MAHATHIR* kerana, bukan sahaja rencana itu dihasilkan dalam zaman pentadbiran Dr. M tetapi hampir keseluruhannya mengandungi hal-hal yang berkaitan dengan kepimpinan, pentadbiran, falsafah dan prinsipnya.

Akhir sekali saya ingin menyampaikan penghargaan saya kepada beberapa orang yang telah memberikan dorongan dan semangat dalam usaha saya ini. Di antaranya ialah isteri saya Puan Zamiah binti Haji Yeob, Encik Omar bin Mohd Hashim, Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pelajaran Malaysia, Prof. Khoo Kay Kim, Dekan Fakulti Sastera University Malaya dan Sutan Shahril bin Lembang, Bekas Pengarang Berita Minggu. Akhirnya tentulah sumbangan ibu bapa saya yang memberikan asas pencapaian ilmu.

Terima Kasih

Abu Hassan Adam
Lembah Ledang, Kuala Lumpur
3hb Mei 1984

Kandungan

Kata Pengantar v

POLITIK

1. Pimpinan 2M Yang Memikat 1
2. "The Magnificent Seven" 9
3. Perebutan Ketua Pemuda UMNO 12
4. Wanita, Politik dan Perjuangan 17
5. Kekeliruan Tanggapan Terhadap Barat 24
6. Tanggapan yang salah terhadap Nasionalis Melayu 27
7. Kemerdekaan Melalui UMNO 32
8. Memandang Ke Timur 39
9. "Watershed" Dalam Sejarah Perjuangan UMNO 48
10. Taktik Kita Mengusir Penjajah Membanggakan 55
11. Masalah Antartika 60
12. Jasa Perdana Menteri Malaysia 63

SOSIAL

13. Elit Melayu Seperti Kain Schelai 72
14. Universiti Islam Antarabangsa 76

EKONOMI

15. Pengkhianatan Amerika Harus Dikutuk 83
16. Langkah Elak Sepak Terajang Kuasa Barat 91
17. Penubuhan Persatuan Pengeluar Bijih—Inisiatif Dr. M 99
18. Bank Islam 107
19. Estet Padi 113

POLITIK

Pimpinan 2M yang Memikat

MUNGKIN Allah telah menunjukkan jalan yang sewajarnya kepada Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk mentadbirkan negara ini yang menyebabkan Sdr Anwar Ibrahim turut terikut, kerana jalan yang dilalui oleh Perdana Menteri itu adalah juga jalan yang sentiasa dicari dan dipohon dan ingin dirintis dan dilalui oleh Sdr Annuar Ibrahim.

Ramai yang memuji Dato' Seri Dr. Mahathir kerana kejayaannya menarik Sdr Anwar Ibrahim menyertai UMNO. Anwar Ibrahim dikatakan seorang pemimpin yang berpegang teguh kepada prinsip perjuangan dan tidak akan mudah dipujuk rayu. Ini ditegaskan sendiri oleh ayah dan ibunya.

Dalam zaman pentadbiran Tun Abdul Razak, Anwar pernah ditawarkan beberapa jawatan penting yang bergaji besar, tetapi semuanya ditolak dengan alasan belum sampai masanya. Tetapi apabila 'dipelawa' oleh Dr. Mahathir, maka Sdr Anwar terus memikirkan secara positif.

(Peristiwa 'kejayaan' Dr. Mahathir dapat disamakan atau hampir-hampir sama dengan kejayaan Presiden Ramon Magsaysay (Filipina) memujuk Lui Taruc, pemimpin Hukbalahap yang menentang pemerintah di sekitar tahun-tahun 1940-an dan 50-an.)

Perbezaannya ialah Sdr Anwar sebagai pemimpin yang berlandaskan Islam, sebaliknya Lui Taruc adalah pemimpin Hukbalahap yang asas perjuangannya Komunisme.

Pemimpin-pemimpin Filipina sebelum Magsaysay telah cuba menawan hati Taruc dan gagal, tetapi cara dan tindakan Magsaysay telah berjaya menarik Lui Taruc makan bersamanya dan terus menghentikan perjuangan Hukbalahap.

Penyertaan Anwar dalam Barisan Nasional bukanlah disebabkan oleh individu yang mempengaruhinya. Mengikut sumber yang tertentu, Tun Abdul Razak, Datuk Asri dan ramai pemimpin tanahair yang lain telah menemui dan 'memujuknya', tetapi tidak begitu berjaya.

Berdasarkan kepada hakikat ini, jelaslah bahawa Sdr Anwar

tidak mudah terpengaruh dengan pujukan pemimpin-pemimpin, tetapi sebaliknya akan tertarik dengan apa yang dilakukan atau yang akan dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin berkenaan.

Sdr Anwar Ibrahim pasti tertarik dengan cara pimpinan Dr. Mahathir dan sikapnya yang sentiasa menggalakkan agar orang Islam sentiasa bekerja keras untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.

(Tindakan Dr. Mahathir menghapuskan rasuah dan menghapuskan sebuah kerajaan yang bersih, di samping berusaha menghapuskan kemiskinan dan mengurangkan jurang antara yang miskin dengan yang berada adalah juga merupakan asas-asas perjuangan Islam)

Mungkin tidak pernah wujud dalam sejarah pentadbiran di Malaysia seorang pemimpin tertinggi dengan lantang mengeluarkan kata-kata yang agak kesat yang ditujukan kepada pemimpin-pemimpin bekas tanah jajahan seperti pernah dilakukan oleh Dr. M dan Dato' Musa Hitam. Tindak-tanduk kedua-dua pemimpin ini terhadap Barat, khasnya British, telah membuka mata setengah pemimpin dunia.

(Dr. M pernah melahirkan fikirannya dalam bukunya *The Malay Dilemma* bahawa penjajahan Britishlah yang menjadi punca utama orang Melayu dalam dilema. British pernah dan beberapa kali menempelak dengan mengatakan bahawa orang Melayu malas.)

Jadi mengikut Dr. M, kalau British boleh menyatakan begitu dan dengan lantang pula, mengapa pula kita tidak boleh berbuat demikian. Mengapa kita dikritik apabila menyatakan sesuatu keburukan mereka, tambahan pula apa yang diperkatakan itu betul.

Dasar dalam dan luar negeri yang dilaksanakan oleh Dr. M dewasa ini agak menyimpang dari dasar yang diketengahkan oleh ketiga-tiga pemimpin negara yang lalu, terutamanya dasar yang tidak berkiblat ke Barat. Sebaliknya dasar yang dipopularkan oleh Dr. M ialah berpaling ke Timur.)

Dr. Mahathir merasakan tidak ada ertinya negara kita membeli barang-barang British dengan harga yang mahal jikalau dengan berbuat demikian akan menggalakkan lagi kenaikan gaji pekerja dan menambah kemalasan.

Tindakan Perdana Menteri yang agak menggemparkan dunia

ialah keengganannya menghadiri persidangan negara-negara Komanwel yang mana pada masa lampau dianggap oleh Malaysia sebagai pertubuhan yang agung.

Walaupun timbul kecaman dan kutukan dari negara-negara lain yang menganggotai Komanwel terhadap sikap Perdana Menteri, terutama dari Australia (yang mana sebuah stesen pemancar di Queensland telah mengeluarkan kenyataan yang kurang enak mengenai sikap PM pada 4 September 1981), namun Dato' Seri Dr. Mahathir tetap berkeras dan sentiasa berpaut pada prinsip perjuangannya.

Dilaporkan ada beberapa perkara yang menyebabkan PM kurang senang dengan tindakan pertubuhan dunia itu. Antaranya ialah:

(1) Sifat persidangan itu yang lebih banyak bercakap dari bekerja yang mana pada pendapat Dato' Seri Dr. Mahathir lebih menguntungkannya berada di Malaysia dari membuang masa menghadiri persidangan itu.

2) Persoalan tentang kenaikan yuran pelajaran di Britain, yang mana penuntut-penuntut Malaysia adalah yang paling ramai di sana berbanding dengan penuntut-penuntut dari negara lain di luar Britain.

Pentadbiran British telah mengenakan yuran yang begitu tinggi terhadap penuntut-penuntut dari negara-negara yang tidak tergolong dalam kumpulan Pertubuhan Negara Ekonomi Eropah (EEC).

3) Keengganannya British membenarkan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) menambahkan lagi penerbangannya ke London.

4) Kedinginan sambutan negara-negara maju dalam bidang perindustrian untuk memberi bantuan teknikal sepenuh hati kepada negara-negara yang sedang membangun; terutama negara-negara di Asia Tenggara.

Agak tidak kurang mengejutkan dunia ialah kenyataan PM yang menyatakan tidak ada keikhlasan dari pihak negara-negara 'Utara' untuk membantu negara-negara 'Selatan' dari aspek kemajuan ekonomi. Kenyataan ini dikeluarkannya dalam hubungan dengan persidangan 'Cancun' yang diadakan di Mexico tidak lama dulu.

Alasan yang telah dikemukakan oleh PM ialah berhubungan dengan penjualan stok bijih timah oleh Amerika Syarikat.

Amerika Syarikat sedar bahawa ketika itu bijih timah bukan berkurangan di pasaran dunia, namun demikian Amerika Syarikat terus berdegil dan mengedarkan stok simpanannya di pasaran.

Kesannya ialah kejatuhan harga bijih timah di pasaran dunia yang kesan langsungnya ialah terhimpitnya ekonomi Malaysia.

Tidakkah Amerika Syarikat sedar bahawa Malaysia sebagai sebuah negara 'Selatan' sangat bergantung kepada bijih timah sebagai sumber pendapatan negaranya?

Oleh itu, di manakah letaknya keikhlasan negara-negara 'Utara' yang kononnya ingin membantu negara-negara 'Selatan' yang sedang membangun itu?

Imee Marcos, anak kepada Presiden Marcos (Filipina) yang bersama ayahnya menyertai 'North-South Summit', di Cancun, pada bulan Oktober tahun lalu telah memaparkan mengenai sikap setengah-setengah pemimpin dunia yang menghadiri persidangan itu.

Beliau terkejut dan hairan melihat telatah Presiden Francois Mitterand dari Perancis, yang sibuk menulis poskad dan membelek-belek 'brochure' pelancongan yang mana pada ketika itu persidangan sedang membincangkan tentang bantuan-bantuan yang harus diberikan oleh negara berada kepada yang tidak berada.

Mungkinkah keadaan yang serupa itu telah diramalkan oleh Dr. M akan berlaku di Persidangan Komanwel? Walau apapun tuduhan dan tohmah yang cuba dilemparkan terhadapnya, namun PM terus dengan sikapnya.

Kerajaan British mungkin bergegar juga dengan tindakan Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang mendapat sokongan kewangan dari Kerajaan, membeli sebahagian besar saham Guthrie yang British anggap sebagai 'dawn raid' atau 'serangan waktu fajar'.

Sebenarnya saham Guthrie telah dibeli secara peraturan biasa di pasaran saham berdasarkan cara dan peraturan perniagaan saham dan dikira sebagai sah. Tambahan pula pemegang sahamnya menjualkannya dengan rela hati, tertarik dengan harga tinggi yang ditawarkan. Dengan cara demikianlah saham-saham Guthrie bertukar tangan kepada PNB.

Suratkhabar di Britain menganggap tindakan Kerajaan ini se-

bagai 'back-door nationalisation' atau 'pemiliknegeraan mengikut pintu belakang', tetapi akhbar *The New Straits Times* Malaysia terus membidas dengan menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia dalam sejarahnya tidak pernah memiliknegerakan walaupun sebuah syarikat asing yang ada di Malaysia.

Tetapi kalau kita menungkan dan pandang ke zaman silam, apakah kita terusik benar dengan tuduhan 'dawn raid' dan beberapa tuduhan lain yang dilemparkan oleh British kepada negara kita, dibandingkan dengan tindakan mereka, tegasnya Syarikat Hindia Timur Inggeris merampas Pulau Pinang dari Sultan Kedah (negeri tempat lahir Dr. Mahathir), pengambilan Singapura oleh Raffles pada tahun 1819 dari Sultan Hussein Johor (negeri tempat lahir Dato' Musa Hitam) dan membuat beberapa perjanjian lagi secara tipu-helah dengan negeri-negeri Melayu.

Apakah British tidak sedar ataupun pura-pura lupa dengan 'raid' yang telah dilakukannya itu?

Kesan dari tindakan PNB menguasai Guthrie menyebabkan Britain terpaksa meminda Undang-undang Pasaran Saham di London, yang sememangnya ditujukan untuk menyakiti hati kita.

Berikutan dengan itu, Dr. M telah mengeluarkan arahan kepada semua jabatan Kerajaan Malaysia agar membeli barang-barang keluaran Britain apabila difikirkan amat perlu. Segala pesanan hendaklah dibuat melalui Jabatan Perdana Menteri.

Rupa-rupanya tindakan Dr. Mahathir itu telah menyebabkan Lord Carrington meluru datang ke Malaysia untuk berjumpa dengan Perdana Menteri merundingkan beberapa perkara kepentingan bersama.

Kehadirannya selama tiga hari di Malaysia (hanya dalam waktu yang singkat berkesempatan menemui PM), Dr. M telah dapat sebanyak sedikit memulangkan paku buah kerasnya kepada wakil British itu mengapa dia bersikap demikian terhadap Britain.

British atau lebih tegas lagi saudagar-saudagar British di sini cuba mengabaikan hasrat Kerajaan untuk menyusun semula ekonomi masyarakat Malaysia melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Saudagar British yang berkepentingan di Malaysia pura-pura tidak mengerti tentang hasrat Kerajaan menuju matlamat mem-

bahagikan kekayaan negara ini sebanyak 30% kepada Bumiputera pada tahun 1990 dan kaum-kaum lain 40% dan yang baki 30% adalah untuk pemodal asing.

Bukan sahaja saudagar-saudagar British tidak mahu menyokong dasar ini, malah mereka jadi petualang kepada pelaksanaannya. Mereka cuba mengenyepikan kewujudan golongan peniaga (pengusaha) Bumiputera, tetapi sebaliknya mereka bekerjasama rapat dengan kaum-kaum lain, seperti yang berlaku dalam zaman pemerintahannya dulu.

Agak tepat kata Dato' Musa Hitam yang cuba mengingatkan British bahawa masanya telah berlalu apabila 'tuan' masih berleluasa di sini. Tetapi, sayangnya masih ada lagi ahli-ahli lembaga pengarah ladang-ladang kepunyaan British yang menganggap negara ini sebagai Malaya.

Ramai pula yang berpendapat mengatakan bahawa kita tidak boleh mentadbirkan negara ini dan kononnya lama kelamaan negara akan hancur berkecai.

Segala tindak-tanduk 2M mungkin telah diperhatikan dengan penuh minat oleh Sdr Anwar Ibrahim. Seolah-olah segala soalan yang sentiasa menendang benaknya beberapa lama dulu telah terjawab sendiri dengan tindakan dua individu agung ini.

Dalam masa perjuangannya, sama ada di universiti sebagai pemimpin Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya ataupun sebagai pemimpin Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) atau ABIM, Sdr Anwar selalu meletakkan asas Islam sebagai 'priority' dalam apa jua hal.

Di samping itu, beliau selalu melaungkan suara hatinya tentang penubuhan universiti Islam. Slogan-slogan seperti 'perjuangan berdasarkan kepada "conscience of the majority"' sentiasa keluar dari mulutnya.

Jadi, segala hasrat, cita-cita yang diidamkan itu telah cuba dirintis oleh Dr. Mahathir. Kesannya ialah Allah telah membuka hati dan mendorong pemimpin muda ini tampil ke hadapan bersama seiring jalan dengan pemimpin tercinta memikul tanggungjawab menuju ke arah yang satu. Moga-moga diberkati Allah.

Di antara Anwar dan Dr. M memang banyak persamaan latarbelakang. Ini telah diakui sendiri oleh Sdr Anwar dalam masa temuramah di TV dan tentunya kenyataannya disetujui oleh Dr.

M. Semasa menghadapi pergolakan dalam peristiwa 13 Mei, Dr. M dan Sdr Anwar telah sama seiring jalan.

Dr. M dan Dato' Musa telah disingkirkan dari UMNO kerana perselisihan pendapat dengan Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri pada ketika itu. Dengan lain perkataan, 2M telah mengalami nasib yang sama sebelum sampai ke puncak.

Dan Sdr Anwar yang pada ketika itu masih di universiti turut menyokong perjuangan dua tokoh itu, walaupun pada ketika itu ia belum dikenali ramai.

Pada mulanya ramai berpendapat bahawa Dr. M dan Dato' Musa lebih condong kepada membela nasib orang Melayu dan akan membiarkan kaum-kaum lain.

Begitu jugalah anggapan ramai orang terhadap Sdr Anwar Ibrahim. Malah Sdr Lim Kit Siang sendiri telah membuat perhitungan yang agak silap tentang sikap 2M setahun yang lampau, berbanding dengan apa yang terlihat dan dilakukan oleh 2M.

Sdr Lim pernah mengatakan bahawa 2M telah menimbulkan keraguan di kalangan orang bukan Melayu. Ia juga berharap 2M sedar tentang hal ini dan mereka hendaklah berhati-hati dalam apa jua tindakan, agar pimpinannya untuk rakyat keseluruhan.

Keraguan Sdr Lim ini juga telah terjawab melihatkan tindakan pemerintahan 2M.

Mereka tidak mengira bangsa dan keturunan. Keraguan oleh bukan Melayu terhadap DEB juga terhapus apabila mereka dijelaskan dengan seikhlas-ikhlasnya tentang dasar dan falsafah DEB.

Sekiranya masih ada bukan Melayu yang masih mempersoalkan tentang DEB, dengan sendirinya mereka sengaja tidak mahu faham tentang dasar itu dan layak dipanggil anti-nasional.

Menyentuh tentang pimpinan 2M lagi, pernah beberapa orang ahli UMNO menyuarakan kebimbangan mereka tentang 'kelajuan' pentadbiran sekarang.

Datuk Hussein Onn mengambil masa 50 hari untuk mengumumkan kabinet barunya selepas beliau memegang jawatan Perdana Menteri pada bulan Januari, 1976. Ini agak berbeza dengan Dr. M yang mengumumkan susunan kabinetnya dua hari selepas dia mengangkat sumpah sebagai PM pada 16 Julai, 1981.

Dr. M memang pernah menegaskan bahawa pentadbirannya

adalah berbeza bukan dari segi dasar, tetapi dari segi penumpuan dan cara.

Dugaan awal yang dihadapi oleh Dr. M ialah berhubung dengan KGB. Siddiq Mohamed Ghaus yang ditangkap pada 13 Julai, 1981 ialah Setiausaha Politik Dr. M., semenjak Dr. M dilantik menjadi Menteri Pelajaran lagi.

Dr. M terus mengambalnya berkhidmat apabila beliau menjadi TPM pada tahun 1976 sehinggalah beliau tertangkap kerana terlibat dengan agen Komunis Rusia.

Sehingga ini, segala dugaan dan tindakan Dr. M telah dapat diatasi. Walaupun ada yang meragui kepimpinan Dr. M, namun ramai menganggap Dr. M sebagai pemimpin tulen. Ini ditambah pula dengan kejayaannya 'menjemput' Sdr Anwar Ibrahim menyertai UMNO.

Dan bagi diri Sdr Anwar Ibrahim pula, mungkin merasakan perjuangan dari luar tidak mendatangkan apa-apa kesan seperti yang telah dialaminya semasa menjadi Presiden ABIM dulu dan sebaliknya idealisme telah diperjuangkan oleh Dr. M dan menampilkan kesan positif. Jadi, kemasukannya dalam UMNO tidak bererti bahawa beliau telah mengorbankan prinsip perjuangannya malah, telah menambahkan kukuh lagi.

Berita Minggu 11 April 1982

'The Magnificent Seven'

ISU Pindaan Perlembagaan telah selesai. DYMM Timbalan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong telahpun berkenan menandatangani Pindaan Perlembagaan 1983 tersebut. Maka selesailah satu babak genting dan penting dalam sejarah Perlembagaan Malaysia.

Kini, kita telah sepakat. Masalah telah dapat diselesaikan. Mengikut kata Dato' Musa dalam ucapannya melalui televisyen Malaysia, tidak ada persoalan siapa yang menang dan siapa yang kalah. Penyelesaian itu menunjukkan kematangan Perlembagaan dan suasana perundangan di negara kita. Juga menunjukkan bahawa bangsa kita sememangnya dapat menyelesaikan satu-satu masalah melalui perundingan atau mesyuarat.

Pengumuman Dato' Musa itu sudah tentu disambut dengan penuh gembira oleh rakyat Malaysia yang inginkan kemajuan, kemakmuran, dan keamanan negara. Ini jelas merupakan satu kejayaan (bukan kemenangan) pucuk pimpinan dalam usaha ke arah penyelesaian itu.

Pucuk pimpinan negara, baik Dr. Mahathir mahupun Dato' Musa tidak kescorangan dalam usaha mencapai penyelesaian itu. Rakyat berada di belakang mereka. Itulah sebabnya Dr. Mahathir tidak merasa penat dan lelah menjalankan tugas yang telah diamanatkan kepadanya oleh rakyat.

Dalam kabinet, Dr. Mahathir telah mendapat sokongan padu daripada anggota kabinetnya, walaupun ada 'sokongan sumbang' dari sebahagian kecil anggotanya.

(Di suatu majlis perjumpaan di Batu Pahat yang dihadiri oleh 100,000 orang, Dato' Musa telah menjelaskan peranan 'The Magnificent Seven', dalam membantu Dr. Mahathir menyelesaikan masalah Pindaan Perlembagaan. Dengan berani nama-nama seperti Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Dato' Haji Sanusi Junid, Dato' Rais Yatim, Datuk Seri Adib Adam, Encik Anwar Ibrahim dan Dato' Shahril Samad telah disebut oleh Dato' Musa sebagai '*The Magnificent Seven*' yang sanggup 'tenggelam dan

timbul' bersama pucuk pimpinan.)

(Jika ditinjau dari sudut penglibatan mereka memanglah semenjak dari awal lagi mereka telah bersama-sama pucuk pimpinan.) Sekolah-olah mereka sanggup mempertaruhkan apa sahaja demi menegakkan prinsip perjuangan mereka. Mereka tidak mengikut rasmi 'lalang ditiup angin'. Mereka tidak seperti setengah pemimpin yang bersikap 'tunggu dan lihat'. (Suara mereka lantang dan tidak banyak bezanya dengan kelantangan suara Dr. Mahathir.)

Dato' Sanusi Junid dan Encik Anwar Ibrahim berpadu suara menyatakan kekesalan mereka terhadap pemimpin (mungkin pemimpin UMNO) yang bersikap 'talam dua muka'. Rakyat telah dinasihatkan agar bertenang dan menolak bulat-bulat pemimpin yang sedemikian rupa. Mengikut kata Dato' Sanusi, terdapat pemimpin yang berpura-pura menyokong pucuk pimpinan dalam satu persidangan tetapi apabila mereka di luar persidangan (terutama di luar penglihatan pucuk pimpinan) maka mereka itulah yang beria-ia menentangnya.

Jadi, menurut analisa Dato' Sanusi, mereka inilah yang sebenarnya yang bertanggungjawab menimbulkan kekeliruan di kalangan rakyat. Mungkin benar kenyataan ini kerana semenjak isu ini mula dipersoalkan di Parlimen pada bulan Julai, 83 terlalu sedikit rakyat yang tahu tentang perkembangan ini. (Ini adalah disebabkan kerajaan ingin menyelesaikan masalah secara damai dan bukan bertujuan untuk menyembunyikan satu-satu isu.)

Dari segi media massa, hanyalah sebuah majalah luar negeri yang ada mengulas serba sedikit tentang Pindaan Perlembagaan ini. Tetapi disebabkan adanya 'petualang' yang ingin mengeksploit isu itu, maka isu telah diketengahkan dan diputar-belitkan; akhirnya menimbulkan kerumitan.

Di antara enam orang pemimpin yang dinyatakan itu, tiga daripadanya amat jelas peranan yang dimainkan oleh mereka. Jika Dato' Sanusi Junid menggunakan penyelia-penyelia KEMAS dan MAYC sebagai *base* perjuangannya, Anwar Ibrahim pula menggunakan Pemuda UMNO sebagai teras semangatnya. Dan Datuk Seri Adib Adam pula bersandarkan kepada alat penyiarannya untuk menyebarkan apa saja yang ada kaitan dengan usaha menyelesaikan Pindaan Perlembagaan.

Atas daya usahanya, Dato' Sanusi telah mengadakan beberapa perjumpaan dengan penyelia-penyelia KEMAS bagi menerangkan kedudukan sebenar mengenai isu yang dipertikaikan. Diharapkan penyelia-penyelia itu nanti akan menyebarkan berita itu ke seluruh kampung.

Dalam usaha menyebarkan berita itu juga maka Datuk Seri Adib Adam selaku Menteri Penerangan telah merangkakan satu program TV khusus untuk menjelaskan kepada rakyat mengenai Perlembagaan. Rancangan itu mungkin memakan masa antara lima hingga sepuluh minit dan segala ceramah akan disampaikan oleh penceramah-penceramah yang pakar dalam bidang undang-undang. Di samping itu kementeriannya juga sedang berusaha untuk menyusun sebuah buku kecil mengenai Perlembagaan yang akan dapat dibaca dan difahami oleh rakyat.

Mereka ada di mana-mana perhimpunan yang dianjurkan oleh Dr. Mahathir. Tidak syaklah kalau Dato' Musa mengatakan bahawa mereka inilah merupakan sebagai sumber inspirasi pucuk pimpinan dalam usaha meneruskan perjuangan itu.

Kini isu Pindaan Perlembagaan telah dapat diselesaikan. Kemungkinan juga timbulnya isu ini telah membawa rahmat kepada Perdana Menteri kerana dengan ini beliau dapat melihat, menganalisa, meneliti yang manakah dikatakan 'kaca' dan yang mana 'intan'. Dapatlah diketahuinya pemimpin mana yang betul-betul ikhlas dan bekerjasama dengannya dan yang manakah sebaliknya. Mungkin dulu Dr. Mahathir hanya mempunyai pandangan kabur tentang seseorang pemimpin, tetapi dengan peristiwa ini akan dapat 'menerangi' pandangannya yang kabur itu.

Dalam proses isu pindaan itu berjalan, kita tentu geli hati melihat telatah anggota masyarakat yang bergelar 'pemimpin' itu. Mungkin sekarang baru dapat dijelaskan oleh Dr. Mahathir siapa dia 'talam dua muka', yang mana pemimpin 'lalang'. Kita perhatikan ada pemimpin yang terus diam membisu semasa isu itu hangat dibincangkan, tetapi apabila Datuk Seri Adib Adam mengeluarkan kenyataan di akhbar yang menyatakan bahawa harapan untuk menyelesaikan agak cerah berikutan dengan inisiatif yang diusahakan oleh golongan istana, maka satu demi satu pemimpin muncul dengan kenyataan yang berapi-rapi. Barulah nampak 'belang' siapa sebenarnya yang menyokong pucuk pimpinan.

Perebutan Ketua Pemuda UMNO

SEKALI lagi perhatian dunia akan tertumpu ke Malaysia. Jikalau pun tidak seluruh dunia, sekurang-kurangnya negara-negara Asia Afrika ataupun negara-negara Islam Timur Tengah akan penuh minat mengikuti detik perkembangan politik Malaysia, kerana Sdr Anwar Ibrahim (yang telah memang terkenal di negara-negara tersebut) akan bertanding untuk jawatan Ketua Pemuda UMNO, menentang sahabat karibnya Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin.

Hakikat yang tidak harus dilupakan ialah Sdr Anwar terpaksa berhadapan dengan sahabat karibnya sendiri. Mereka dari satu sekolah dan mungkin mendapat pengajaran dari guru yang sama pula. Dari segi perjuangan pun, memang tidak banyak bezanya. Dan kini, mereka juga memegang jawatan yang sama—Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Awal-awal lagi Sdr Anwar berharap pertandingan ini nanti betul-betul mengikut lunas-lunas demokrasi dan segala kempen hendaklah menyentuh isu-isu asas yang berkaitan dengan pokok perjuangan. Diharapnya juga akan tidak ada kempen yang menyentuh peribadi.

Ramai pemerhati politik beranggapan bahawa 'pertarungan' kali ini adalah betul-betul pertarungan fikiran, idea dan kepimpinan dua intelek yang datang dianggap menjadi contoh untuk diikuti kelak.

Datuk Haji Suhaimi pula telah menegaskan bahawa beliau tidak perlu menyatakan apa jasa yang telah dilakukannya, kerana masyarakat boleh melihat dan mengadilkan sendiri caranya dalam mengendalikan teraju pucuk pimpinan. Yang terakhir (kalau boleh disifatkan begitu), ialah Datuk Haji Suhaimi telah mengetuai tunjuk perasaan Kumpulan Rakyat Malaysia terhadap kedatangan kumpulan peguam-peguam yang ingin meninjau kes-kes tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri di negara kita.

Beliau berterus terang menyatakan bahawa bentuk dan cara pimpinannya tidak serupa dengan pemimpin Datuk Harun.

Hujahnya bahawa dalam zaman Datuk Harun, kebanyakan ahli Exco Pemuda UMNO adalah di luar kerajaan, iaitu tidak memegang jawatan dalam kerajaan, kecuali Datuk Harun sendiri.

Jadi, demikianlah bezanya cara pimpinannya dan tidak ada 'konfrantasi politik' dalam zaman 'era bertindak'nya. Cuma Datuk Haji Suhaimi pernah beberapa kali menegaskan, kumpulan pimpinannya adalah 'Kumpulan Halia'.

Para pemerhati politik selalu menganggap bahawa cawangan Pemuda UMNO berperanan cukup penting menggerakkan kegiatan parti. Sekiranya senyap cawangan Pemuda UMNO, maka akan senyap jugalah cawangan-cawangan lain, seperti Wanita.

Sejarah telah membuktikan bahawa semenjak ditubuhkan pada Ogos 1949, Pemuda UMNO telah memainkan berbagai peranan. Zaman menuntut kemerdekaan, pencapaian kemerdekaan, mengisi kemerdekaan dan selepas peristiwa 13 Mei, Pemuda UMNO bukan kepalang. Ia dianggap 'Pressure Group' yang segala tindak-tanduknya harus mendapat perhatian pucuk pimpinan. Malah, memerlukan implementasi segera.

Cawangan Pemuda UMNO ditubuhkan dalam perjumpaan di Butterworth, dihadiri oleh 24 orang perwakilan dari empat cawangan. Dalam perjumpaan/persidangan itu, terlantiklah Encik Hussein bin Onn (Tun Hussein bin Onn sekarang, bekas Perdana Menteri Malaysia ketiga) yang ketika itu baru berusia 27 tahun, menjadi Presiden. Sayangnya Encik Husein tidak lama memegang jawatan itu kerana diberi tugas menjadi Setiausaha Agung UMNO, dalam tahun 1950. Ketika itu, pucuk pimpinan UMNO dipimpin oleh Datuk Onn bin Jaafar.

Tugas memimpin Pemuda UMNO telah diserahkan kepada tenaga muda yang baru, iaitu Abdul Razak bin Hussein [Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein (Allahyarham), bekas Perdana Menteri Malaysia kedua], yang pada ketika itu baru saja berumur 25 tahun.

Dalam usia yang begitu muda, beliau telah berjaya dan mendapat keyakinan semua pihak untuk meneruskan perjuangan pemimpin Pemuda.

Tun Abdul Razaklah yang telah berjaya mendesak UMNO menukarkan slogan 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka'. Hal ini beliau nyatakan dalam persidangan UMNO di Kuala Lumpur, pada Februari 1951, selepas dua tahun Pemuda UMNO ditubuh-

kan.

Walaupun, dalam persidangan itu, berbagai pihak menentang cadangan itu, namun keputusan tetap meluluskannya.

Semenjak tarikh itulah Pemuda UMNO menampakkan taring dan menunjukkan bisanya. Ramai menganggap kepimpinan Pemuda tidak harus diperkotak-katikkan dan sesuailah kalau dikatakan bahawa 'Pemuda Harapan Bangsa'. Dan semenjak tarikh itu jugalah Pemuda UMNO bersifat 'committed' dalam apa sahaja perjuangan, apa juga isu yang berkaitan dengan politik dan 'survival' orang Melayu.

Pucuk pimpinan pemuda UMNO telah berpindah tangan dari Tun Abdul Razak kepada Sardon Zubir (Tun Sardon bin Haji Zubir, bekas Gabenor Pulau Pinang). Beliau menyandang jawatan itu selepas Tun Abdul Razak dilantik Naib Presiden UMNO pimpinan Tunku Abdul Rahman.

Tiga belas tahun Tun Sardon mengendalikan pucuk pimpinan Pemuda UMNO. Dalam zaman inilah dapat dikatakan paling penting—kerana dewasa inilah perjuangan menuntut kemerdekaan. Beliau telah mendapat keyakinan, pengalaman dan pengaruh untuk berjuang mencapai kemerdekaan dan kedaulatan hak bangsa dan agama orang Melayu.

Tidak hairanlah kalau Pemuda UMNO dapat bergerak licin dan jaya, kerana ketika memegang jawatan tersebut, Tun Sardon berumur 34 tahun dan berpengalaman banyak memimpin berbagai pertubuhan/persatuan. Beliau pernah menjadi Presiden Kesatuan Melayu Singapura di samping ahli yang aktif berjuang dalam Parti Kebangsaan Melayu.

Dalam tahun 1956, Pemuda telah berani berusaha memerdekakan Tanah Melayu dari pemerintahan Inggeris, mendesak Inggeris membebaskan orang Melayu dari cengkamannya. Dan apabila kemerdekaan tercapai, tidak pula selesai tugas Pemuda. Malah, seolah-olah tugas dan laungan Pemuda baru hendak bermula, 'era bertindak' bentuk baru pun bermula.

Sekali lagi Pemuda UMNO berada di barisan hadapan untuk memperjuangkan kemajuan pelajaran dan kedudukan ekonomi orang Melayu. Sejak zaman itu lagi, Pemuda UMNO telah sedar tentang kelemahan kedudukan orang Melayu dari beberapa segi.

Dan laungan ini masih berterusan sehingga kini. Yang berbeza adalah lantang tidaknya laungan itu.

Di samping cuba merubah sosio-ekonomi orang Melayu, Pemuda UMNO juga lantang menyuarakan agar Bahasa Melayu dijadikan Bahasa Kebangsaan tunggal bagi Persekutuan Tanah Melayu, di samping Islam menjadi agama rasmi.

Dan, sebagaimana terbukti hari ini, perjuangan Pemuda UMNO itu berhasil. Bahasa Melayu, kini dinamakan Bahasa Malaysia, dan Islam sekarang adalah Agama rasmi Negara ini.

Sehingga tamatnya pimpinan Tun Sardon sebagai Ketua Pemuda UMNO, setiap era itu ada isu besar yang diperjuangkan.

Dan, apabila Datuk Senu Abdul Rahman mengambil alih kepimpinan Pemuda, beliau juga tidak sunyi dengan isu 'Revolusi Mental'nya yang bertujuan menggerakkan tenaga orang Melayu ke arah pembangunan fizikal dan mental. Rakyat, terutama yang tinggal di desa-desa, digerakkan agar bersemangat dan bergerak maju berperanan dalam bidang ekonomi dan sosial, setelah negara Merdeka.

Dalam masa dua puluh tahun (1949-1969), Pemuda UMNO yang dipimpin oleh tokoh-tokoh berkaliber, giat berpolitik dan masyarakat telah nampak dan merasakan impaknya.

Selepas Peristiwa 13 Mei, 1969, timbul pula isu yang berkehendakkan Pemuda UMNO dipimpin oleh seorang yang tegas, berani dan bijak. Pada saat itulah munculnya Datuk Harun Idris (bekas Menteri Besar Selangor) yang dipertanggungjawabkan memimpin Badan Pemuda ini. Dan telah terbukti bahawa Datuk Harun bukan sahaja berkesan memimpin Pemuda, malah tempatnya itu susah hendak digantikan dengan yang lain, kerana apabila disebut saja Pemuda UMNO, ahli UMNO sentiasa menamakan Datuk Harun.

Ketiadaan Datuk Harun memimpin Pemuda UMNO, walaupun dirasakan, tidaklah begitu berkesan kerana penggantinya, Tan Sri Syed Jaafar Albar, yang bergelar 'Singa UMNO' itu, tidak kurang juga bisa dan sengatnya. Pemuda UMNO masih beberpuas hati dengan pimpinannya.

Dalam masa pimpinannya yang singkat itulah, dua Menteri, Abdullah Ahmad dan Abdullah Majid, ditangkap atas tuduhan berfahaman komunis. Tan Sri Syed Jaafar dapat mengemburkan isu ini sehingga beliau meninggal dunia pada Januari, 1977.

Apabila pucuk pimpinan Pemuda UMNO beralih ke tangan

Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin, ramai mengatakan peranan Pemuda sudah menjadi pasif, kerana dalam zaman Datuk Haji Suhaimi itu, tidak banyak timbul isu hangat, sehangat isu-isu lampau.

Walaupun Datuk Haji Suhaimi dapat menewaskan Ketua Pemuda sebelumnya, iaitu Datuk Mohamad Rahmat, namun kenaikannya itu juga adalah atas sokongan ahli yang mahu 'melepaskan geram' kepada Dato' Mohamad Rahmat. Dan, kenaikan Datuk Haji Suhaimi juga bertalian dengan penahanan Datuk Harun Idris.

Sekarang ramai pemerhati politik meramalkan bahawa Sdr Anwar Ibrahim dapat meletakkan semula Pemuda UMNO ke tahap zaman keemasannya dahulu, memandangkan kebolehan tindak-tanduk luar biasa beliau, di dalam dan luar negeri.

Bagaimanapun, tidaklah bererti Sdr Anwar yang banyak pengalaman memimpin persatuan di dalam dan luar negeri itu, mesti berjaya memimpin Pemuda UMNO. Mungkin beliau tidak dapat memenuhi kehendak ahli-ahli yang terlalu 'demanding' itu. Ramai telah menyatakan bahawa pimpinan Datuk Haji Suhaimi tidak begitu memenuhi hasrat majoriti Pemuda UMNO.

Walau apa pun keputusan persidangan itu nanti, Pemuda akan menerimanya dengan hati yang terbuka. Jikalau ditakdirkan Datuk Haji Suhaimi menang, kita tunggulah apa strategi baru yang akan dibawanya. Tetapi, jika Anwar pula berjaya, maka isunya yang penting dirasakan, ialah Islam.

Tercapaikah hasrat untuk menumbuhkan kesedaran masyarakat, mengembalikan maruah umat yang sudah terjejas, melihat kebendaan dan pengasingan hidup dari kehendak dan prinsip agama?

Berita Minggu 22 Ogos 1982

Wanita, Politik dan Perjuangan

BERBANDING dengan prestasi yang telah ditunjukkan oleh wanita di negara-negara lain, masih ada ruang yang perlu dilakukan oleh wanita di negara kita.

Ini tidaklah bermakna apa yang telah dilakukan oleh kaum wanita negara kita kini, tidak berfaedah dan tidak perlu mendapat perhatian. Oleh kerana masyarakat dunia sedang berkembang dalam beberapa aspek, adalah perlu juga wanita kita turut sama rentak dan tempo itu.

Perayaan Hari Wanita baru sahaja berlangsung dan Persidangan Agung UMNO pula akan menjelang. Pemilihan Ketua Pergerakan Wanita UMNO akan berlaku.

Soal siapa yang menang dalam pemilihan itu nanti bukan menjadi tumpuan perhatian rencana ini, walaupun pada kebanyakan ahli wanita khususnya dan ahli UMNO umumnya, perkara itu adalah perkara utama.

Dirasakan, soal siapa yang menjalankan atau yang menjadi teraju memimpin sesuatu pertubuhan itu, tidak penting. Tetapi, soalan yang harus dijawab ialah bagaimana nanti seseorang itu menjalankan tugasnya memimpin pertubuhan UMNO yang penting ini.

Pada tempat-tempat tertentu, wanita negara ini perlu melihat dan mendongak tentang apa yang telah dilakukan oleh wanita dari negara lain. Kehebatan Puan Indira Gandhi yang telah sekian lama memimpin negara India, patut dicontohi.

Bukan setakat kejayaannya menewaskan kaum lelaki lain untuk merebut jawatan Perdana Menteri tetapi falsafah dan prinsip pegangannya mengendalikan ratusan juta rakyat India.

Kita juga ingin melihat adanya wakil wanita kita yang dapat berperanan bagi negaranya seperti yang telah dilakukan oleh Puan Marcos, misalnya. Beliau bukan sahaja 'berkokok' di negaranya, tetapi mendapat perhatian wakil negara-negara asing apabila berucap di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Rakyat Filipina telah begitu yakin melepaskannya untuk me-

wakili mereka dalam persidangan di negara luar.

Setakat ini, banyak perkara 'besar' telah dilakukannya. Beliau pernah berunding dengan Muammar Gaddafi Libya berkaitan masalah pemberontakan golongan Muslim pimpinan Nur Misuari, di selatan. Beliau berjaya mendapatkan jumlah pinjaman yang besar dari negara-negara Arab bagi membiayai beberapa projek negaranya.

Mungkin ada yang menyatakan bahawa kejayaan Puan Marcos disebabkan beliau adalah isteri Presiden Marcos. Tidak dapat dinafikan hakikat itu. Tetapi, anehnya, ada tempat-tempat, Presiden lebih yakin pada isterinya daripada beliau sendiri menjalankan sesuatu tindakan.

Lagipun, sekiranya sesuatu kejayaan seseorang itu dikaitkan dengan kaliber suaminya, maka lambat laun akan luntur juga. Tetapi, berlainan halnya dengan Puan Marcos.

Peranan pemimpin wanita di negara kita juga tidak harus diperkecilkan. Kita tidak harus melupakan jasa Tan Sri Fatimah Hashim, Aishah Ghani, Zaleha Ismail, Rafidah Aziz, Rahmah Othman dan seumpamanya, yang telah banyak dan akan terus berjasa pada negara. Dan kebetulan pula, kecuali Tan Sri Fatimah, keempat-empat nama yang disenaraikan itu akan bertanding merebut jawatan Ketua dan Timbalan Ketua Pergerakan Wanita UMNO.

Pada hemat kita, siapa yang terpilih nanti tentunya akan menghadapi era pimpinan yang penuh cabaran. Ini didasarkan kepada corak pentadbiran 2M yang jauh berlainan rentak dan temponya dari pemimpin-pemimpin yang lampau.

Dapatkah pemimpin-pemimpin yang terlantik nanti 'berlari' bersama pemimpin '2M'? Tentunya Dr. Mahathir tidak mahu pemimpin yang lembab dan tidak berdaya membuat sesuatu perubahan yang radikal.

Tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan 'syor' Raden Adjeng Kartini telah banyak dilakukan oleh wanita kita. Dan untuk memasuki era yang akan datang, tidak perlu lagi, agaknya, kita sentiasa melaungkan nama Adjeng Kartini walaupun jasa dan bakti Kartini tidak dilupakan, dan sentiasa terpendam di hati dan sanubari kita.

Mungkin kalau Kartini masih hidup pun, perjuangannya tentulah selaras dengan Margaret Thatcher atau Indira Gandhi atau

Puan Marcos dan pemimpin-pemimpin wanita lain di dunia.

Kegiatan peringkat awal Kaum Ibu UMNO di Tanah Melayu adalah di bidang sosial dan kebajikan, seperti yang Kartini lakukan di Indoensia. Oleh kerana kebanyakan tindak-tanduk rakyat negara ini banyak dipengaruhi oleh tindak-tanduk 'saudara' tuanya dari Indonesia, maka kemungkinan besar pengaruh Kartini juga telah meresap ke Tanah Melayu.

Jikalau Kartini sering mengecam adat kahwin paksa di Indonesia, maka dalam Persidangan UMNO di Johor Baharu, pada September, 1947, para perwakilan wanitanya ada juga menyebut tentang soal anak gadis yang dikahwin paksa dengan lelaki tua.

Raden Adjeng Kartini sering membangkitkan tentang soal pelajaran putera bumi Indonesia (Jawa) yang ketinggalan dalam penjajahan Belanda. Dengan demikian, Kartini mahu pendidikan orang Jawa, terutama anak-anak gadisnya, tidak diabaikan. Bagaimanapun, kata Kartini:

'Bukanlah sekali-kali maksud kami untuk cuba-cuba membikin mereka itu menjadi orang Jawa Eropah dengan memberikan pendidikan liberal itu; tujuan kami adalah untuk mengembangkan nilai-nilai halus yang ada pada mereka dan dengan menghubungkan mereka dengan kebudayaan lain itu, kami ingin membantu mereka untuk lebih memperhalus lagi nilai-nilai kebudayaan mereka sendiri, bukan untuk membuangnya.'

Sehubungan dengan ini, di negara kita telah timbul sedikit 'kekelamkabutan' dalam soal perjuangan kaum wanita. Disebabkan terlampau kuat dipengaruhi Barat, wanita kita juga telah terikut-ikut dengan idea 'women's lib' di Barat tanpa mempersoalkan kewajarannya, dan kesesuaiannya dengan iklim sosial negara kita.

Seperkara yang kurang disenangi ialah Barat telah dijadikan contoh untuk diikuti dengan tidak mempersoalkan langsung nilai-nilai Islam yang seharusnya dipertimbangkan juga.

Sesuai dengan dasar pentadbiran 2M, yang dalam banyak hal, berdasarkan prinsip-prinsip Islam, maka sudah sewajarnya bakal Ketua Wanita itu nanti mestilah sanggup mengikut arus ini dan tidaklah seperti zaman lampau, walaupun unsur Islam itu ada, tetapi tidak dititik-beratkan.

Sekiranya, ditakdirkan, pucuk pimpinan Pemuda UMNO

berpindah kepada tokoh-tokoh yang kuat berpaut kepada prinsip-prinsip Islam, maka sudah sewajarnya pemimpin Wanita UMNO juga sanggup seiringan.

Pergerakan Wanita UMNO bukan tidak pernah memberikan penumpuan khusus kepada hal-hal yang berkaitan dengan Islam. Pernah dalam persidangan di Arau (Perlis) dan Alur Setar, usul mencadangkan agar anak perempuan Melayu (Islam) yang berkelulusan agama dihantar ke Mesir untuk melanjutkan pelajarannya dalam bidang agama.

Sesuai dengan ketika kita menyambut ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-25, molek, rasanya, disorot kembali sejarah penubuhan Wanita UMNO. Ahli-ahli Wanita UMNO khususnya, tidaklah mudah melupakan jasa tokoh-tokoh pengasas pertubuhan ini.

Usaha untuk menubuhkan Pergerakan Kaum Ibu UMNO (nama asal Wanita UMNO) telah mula disuarakan oleh tiga wakil dalam Persidangan UMNO tahun 1946. Mereka ialah Datin Puteh Mariah (wakil Perikatan Melayu Perak), Puan Zainab Abdul Rahman (wakil Persatuan Melayu Seberang Perai) dan Puan Saleha Ali (Persatuan Melayu Selangor).

Tujuan asal penubuhannya adalah untuk Pertubuhan UMNO mendapat sokongan penuh masyarakat Melayu.

Sebagaimana termaklum, tahun 1946 adalah tahun yang penuh cabaran pada orang Melayu, tahun yang menentukan jatuh bangunnya orang Melayu. Pada tahun itulah munculnya cadangan 'Malayan Union' Inggeris yang bertujuan mengurangkan kuasa Raja-Raja Melayu dan seolah-olah mahu menafikan yang Tanah Melayu ini kepunyaan Melayu, di samping menganggap bahawa bangsa asing juga diberi hak kerakyatan yang sama.

Pada ketika itulah muncul Datuk Onn bin Jaafar yang dengan beraninya menentang penubuhan Malayan Union melalui Pertubuhan UMNO. Dengan semangat waja yang ada pada ahli UMNO, ketika itu, maka Inggeris telah 'menyerah kalah' dan menarik kembali cadangan 'Malayan Union'nya.

Dan atas dasar untuk berganding bahu dengan kaum lelaki yang menyebabkan kaum wanita ingin menubuhkan pertubuhan yang berasingan, tapi bergabung dalam UMNO.

Secara rasmi, Pergerakan Kaum Ibu UMNO mula ditubuhkan pada awal 1947, dengan nama Jabatan Kaum Ibu. Tetapi, nama

ini telah ditukarkan kepada Pergerakan Kaum Ibu, pada 25 Ogos, 1949.

Mungkin dengan sebab itulah, agaknya, Wanita UMNO merayakan Hari Wanitanya pada 25 Ogos.

Seperti juga di negara-negara Asia Tenggara yang lain, Pergerakan Wanita di Tanah Melayu juga mengalami beberapa masalah kekurangan pemimpin wanita yang dianggap terpelajar. Kebanyakan pemimpin wanita, pada ketika itu, berkelulusan sekolah rendah sahaja.

Dan tidaklah seperti hari ini, ada kaum wanita yang mencapai kelulusan tinggi.

Di samping itu, jasa pemimpin-pemimpin lampau tidak harus dilupakan. Negara turut berbangga dengan sumbangan Allahyarhamah Azizah Jaafar dan Hajah Zainon Sulaiman yang telah menjadi Ahli Majlis Mesyuarat apabila Persekutuan ditubuhkan pada tahun 1948. Begitu juga dengan Datin Puteh Mariah yang pernah menjadi wakil di Persidangan Raja-Raja Melayu, dan juga dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Perlembagaan, 1947.

Menyentuh penglibatan wanita desa dalam Pertubuhan Wanita UMNO, sehingga 1957, dapat dikatakan sambutan dari desa agak pasif.

Ada beberapa faktor yang menyebabkan sedemikian. Di antaranya, ialah kekurangan ilmu pengetahuan. Hal ini telah menimbulkan perasaan rendah diri di kalangan mereka, segan bergaul mesra dengan orang terpelajar yang biasanya dari bandar. Di samping itu, adat juga menjadi faktor yang mengongkong dan menyekat penglibatan wanita desa untuk bergerak aktif dalam pertubuhan wanita.

Tetapi, mengikut satu sumber, sambutan wanita luar bandar ini mula bertambah baik selepas tahun 1950-an. Hal ini ada kaitannya dengan usaha pemimpin wanita yang agak serius menjemput wanita desa bergerak secara aktif. Tambahan pula, pada ketika itu, saat negara akan mengadakan pilihanraya, 1957.

Jikalau keadaan pada masa itu diambil sebagai contoh dan dibandingkan pula dengan Wanita UMNO sekarang, apakah telah nampak kemajuan dan perubahan yang besar. Apakah dengan kehadiran wanita yang begitu ramai dalam setiap persidangan UMNO itu memberikan 'impact' yang berkesan pada perjuangan

mereka?

Soalan itu mungkin susah dijawab. Tetapi, susah hendak dinafikan kalau ramai yang menyatakan bahawa kehadiran wanita ke Persidangan UMNO adalah semacam 'lawatan tahunan' ke Kuala Lumpur. (Begitu jugalah, agaknya, dengan setengah-setengah ahli UMNO yang lain.)

Mungkin, agaknya, ada yang datang untuk melawat Muzium Negara atau Taman Titiwangsa atau Zoo Negara. Kalau, dikatakan, begitulah tujuan wanita mahupun wakil Pemudanya datang ke persidangan yang penuh erti ini, maka dapat disimpulkan bahawa mentaliti kaum wanita kita tidak banyaklah berubah dari keadaan zaman lampau.

Pernah dalam perjumpaan-persidangan pada tahun 1975, mesyuarat agak 'kelam-kabut' sedikit disebabkan ramai ahli yang mengalihkan tumpuan perhatian dari membincangkan usul yang penting kepada melihat dan menjengah wajah Muhammad Ali (pada ketika itu mengadakan pertarungan tinju di Kuala Lumpur).

Pergerakan Wanita UMNO telah pun menganggap pergerakan mereka pertubuhan yang matang. Kematangan sesuatu pertubuhan diukur dari tindakan dan program konkrit yang akan dijalankan.

Jikalau hendak berdiri sama tinggi dengan lelaki dan duduk sama rendah, pemimpin wanita hendaklah sanggup 'berkokok' dan 'berketak' bukan sahaja di negara sendiri, tetapi walau di mana sekalipun.

Dalam dunia yang kebanyakan tindak-tanduk manusia banyak berdasarkan otak dan fikiran, seharusnya pemimpin wanita juga bergerak ke arah itu.

Perhimpunan UMNO kali ini dianggap sangat penting kerana akan berlaku pemilihan Ketua Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita. Penting, di sini, bermaksud para ahli yang hadir terpaksa membuat sesuatu keputusan yang sungguh kritikal kerana dalam pimpinan 2M ini, negara kita sedang bergerak maju dan mendapat perhatian dunia.

Jikalau pemimpin Pemuda boleh bergerak seperti 2M dan beriring pula dengan pemimpin Wanitanya yang berkebolehan dan berkaliber, maka kita tidak dapat membayangkan bagaimana rupa negara kita di masa hadapan.

Yang pastinya, rakyat tidak pernah lupa bahawa 'Pemuda harapan bangsa dan Pemuda tiang negara'. Dan kata-kata hikmat orang Melayu yang, kononnya, dijelaskan oleh Hang Tuah, 'Takkan Melayu hilang di dunia'.

Kekeliruan Tanggapan Terhadap Barat

RAMAI di kalangan kita masih menganggap bahawa apa yang berbentuk positif adalah kepunyaan orang putih dan apa saja yang berbentuk negatif dikaitkan dengan orang yang bukan berkulit putih. Memang sukar untuk mengikis perasaan yang 'tak lekang dek panas dan tak lapuk dek hujan'.

Walau dalam aspek apapun, kita selau sangat membuat perbandingan dengan negara-negara Barat. Kalau kemajuan diperkatakan, maka orang Baratlah yang maju tanpa membuat sebarang perimbangan tentang asas yang rasional yang boleh membuatkan seseorang itu boleh mengatakan Barat memang maju.

Tidak ada siapa yang boleh menafikan tentang kemajuan yang dicapai oleh Barat dalam bidang sains dan teknologi. Kejayaan Amerika Syarikat (AS) mencipta roket yang mendarat di bulan sengaja dilaung-laungkan oleh AS dengan tujuan untuk memberikan gambaran kepada dunia: "Amerikalah sahaja yang berjaya berbuat demikian".

Dengan itu negara-negara lain terutama negara yang kurang maju dalam bidang teknologi moden terus 'melutut' apabila berhadapan dengan orang AS. Inilah mainan psikologi yang digembur-gemburkan oleh AS, sehingga ramai orang yang tidak boleh berfikir waras mengenai sesuatu perkara.

Berapa ramaikah di kalangan kita yang mahu memikirkan sesuatu berkaitan dengan filem-filem tahyul dan karut yang ditayangkan oleh televisyen Malaysia? Ketika anak-anak kita masih kecil, mereka telah diperbodoh-bodohkan oleh AS. Di ajarnya anak kita menonton siri televisyennya yang diedarkan atas nama fiksyen sains. Berduyun-duyunlah anak-anak kita (anak golongan kelas menengah dan atas, misalnya, di Kuala Lumpur) pergi melihat *Superman III*, atau *The Return of the Jedi*. Ibu bapa turut merasa bangga kerana anaknya telah berminat kepada sains.

Bukankah filem-filem ini merupakan filem karut yang men-

dedahkan perkara yang tidak termasuk akal? Cerita serupa ini samalah dengan cerita-cerita yang selalu diceritakan oleh datuk nenek kita zaman dahulu (sewaktu hendak tidur). Banyak cerita datuk nenek kita yang ada hubungan dengan kayangan, pari-pari dan sebagainya. Sayangnya cerita mereka dikatakannya karut, tak masuk akal, tahyul dan berbagai lagi hinaan.

Ramai di antara kita yang turut mengiakan. Kita tidak mahu lagi dengar cerita hantu yang diceritakan oleh nenek kita. Anak-anak dilarang mendengar cerita itu kerana kononnya 'anak-anak jangan diasuh dengan bahan-bahan yang karut-karut'. Sebaliknya anak-anak digalakkan menonton filem fiksyen sains Barat.

Di sinilah yang dikatakan pada awal-awal tadi bahawa sebenarnya kita telah dikecewakan sehingga ramai yang tidak boleh berfikir secara rasional. Orang Melayu terutamanya terlalu melayan perasaan rendah dirinya apabila berhadapan dengan orang yang dikatakan mempunyai peradaban tinggi.

Anak-anak kita telah meniru (tanpa ada usaha untuk memikirkkan) apa saja yang dibuat oleh orang putih yang mempunyai 'peradaban tinggi'. Ramai anak-anak muda kita yang memakai pakaian ala *hippie*, berseluar pendek, baju tak berbutang dan rambut diikat dengan stail aneh. Oleh kerana orang putih yang berpakaian demikian, lantas diikuti oleh anak-muda kita yang memikirkkan itulah satu trend moden.

Bagaimana kalau bukan orang putih yang memakainya? Dan kebetulan pula pakaian itu ketika di kampung. Tentu masyarakat akan menyangkakan dia 'orang gila'. Alangkah bahagianya menjadi orang putih di Malaysia! Orang putih boleh berjalan secara kaki ayam dan masih dianggap satu kemajuan berbanding dengan kanak-kanak kita yang datang ke sekolah tidak berkasut dan akan dipukul oleh guru.

Orang putih boleh memakai seluar pendek yang koyak rabak tetapi masih mahu ditiru oleh anak-anak muda dengan memakai seluar yang bertampal. Sayangnya apabila si Mat yang memakai seluar bertampal (dek kerana kemiskinan), orang akan memandang sebelah mata sahaja.

Orang putih boleh memakai baju di paras dada dan masih dikatakan fesyen orang bertamadun, tetapi apabila Mak Limah berkemban ketika menyidai kain di ampaian dikatakan 'biadab'.

Inilah yang dikatakan *double standard* yang menghantui fikir-

an dan perasaan sebahagian masyarakat kita yang masih lagi ada di Malaysia. Apa sahaja yang berbau Barat semuanya baik-baik belaka. Mungkinkah atas dasar itu yang menyebabkan Perdana Menteri kita mencadangkan dasar 'Pandang ke Timur'? Mungkin telah difikirkannya bahawa inilah sahaja cara yang boleh mengasuh dan mengubah fikiran masyarakat kita ke arah merenung diri sendiri dan berbangga dengan apa yang telah dilakukan oleh datuk nenek kita.

Bagi sesiapa yang pernah menjejakkan kaki di benua *Red Indian* akan tahu bahawa sebenarnya masyarakat AS sedang sakit tenat. Masyarakat AS hampir hilang kesemua nilai yang dibanggakan oleh manusia. Entah ke mana perginya budi dan bahasa orang AS. Sudah tidak ada lagi perasaan hormat-menghormati kepada orang tua dan ibu bapa mungkin dianggap hanya sebagai 'agen pengeluaran' sahaja! Bagi mereka, hubungan jenis di antara lelaki dan perempuan telah merupakan perkara biasa. Diadakan pula pesta bertelanjang bulat yang disaksikan oleh ribuan manusia. Seolah-olah bagi mereka satu kebanggaan mengadakan pesta serupa itu kerana tempat lain belum mengadakannya. Inikah satu kemajuan yang dicapai oleh mereka?

Masyarakat AS sedar yang mereka sedang 'sakit' dan mungkin mereka merasa iri hati melihatkan masyarakat di tempat lain masih lagi belum 'meletakkan jawatan sebagai seorang manusia'. Ramai pelancong-pelancong luar negeri yang ditemui merasa amat kagum dengan apa yang ada di Malaysia; iaitu tentang masyarakat yang berbudi bahasa, tentang politik yang stabil, hubungan antara kaum yang harmoni dan berbagai lagi.

Mungkinkah dengan sebab-sebab demikian menyebabkan AS sentiasa berusaha untuk memburukkan masyarakat negara luar dan menonjolkan kepada dunia bahawa AS yang maju dalam segenap lapangan kehidupan? Dan mungkinkah juga ada niat jahat untuk merosakkan masyarakat negara luar agar kerosakan itu sama dengan yang mereka alami kini? Sekiranya begitulah keadaannya maka kita sedang menghadapi satu ujian yang penuh cabaran yang sekiranya tidak dapat diatasi, maka kemungkinan satu malapetaka besar akan menimpa kita kelak.

Tanggapan yang salah terhadap Nasionalis Melayu

SEBELUM terperpinci diteliti intipati istilah atau fungsi atau tugas Lanun, molek juga ditinjau pendapat 'orang putih' bernama L.A. Mills yang dalam bukunya—*British Malaya 1824-1867* Oxford in Asia Historical Reprints, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1966—bersahaja berkata:

'Sebut saja perkataan 'Melayu', kepada orang kebanyakan, maka akan dapatlah satu gambaran tentang bangsa yang sentiasa berkeris dan sentiasa dahagakan darah. Pekerjaan yang disukainya ialah melanun dan kadang-kadang mengamuk; dan orang Eropah yang belayar di laut timur, sentiasa menjadi mangsanya.'

Satu perenggan daripada tulisan yang panjang itu sudah cukup menyentuh tulang sumsum manusia yang mahu menggelarkan dirinya Melayu. Tidak dapat jelas diketahui tentang apakah sebenarnya 'begitu' pandangan Mills tentang orang Melayu atau sememangnya Mills sengaja mahu memburukkan Melayu.

Untuk tambah menyakiti kita lagi dia menyatakan bahawa:

'Pelanunan Melayu—konsep yang biasa digunakan, tetapi kadang-kadang tidak begitu tepat—adalah pekerjaan yang mulia dan disukai ramai pada tahun 1825. Ia bukan saja pekerjaan bagi pegganas-pegganas, tetapi juga bagi golongan saudagar, bangsawan dan Sultan.'

Bagi siapa sahaja yang membaca dua petikan ini—yang tidak tahu keadaan orang Melayu—akan mendapat gambaran yang cukup buruk mengenai Melayu. Dia tidak akan percaya jika dikatakan bahawa orang Melayu adalah bangsa yang lemah lembut, bersopan santun dan sentiasa mementingkan budi bahasa dalam kehidupan seharian.

Kita tidak begitu peduli apa orang lain kata, sekadarkan jangan bangsa kita turut menyokongnya, sedangkan hakikat yang sebenarnya tidak begitu. Melayu adalah bangsa yang 'pantang anak Melayu menderhaka.'

Melanun atau merompak memanglah 'profesion' orang Mela-

yu. Tetapi, tidak semua orang Melayu, termasuk sultan-sultannya, merompak.

Orang-orang Inggeris atau Portugis atau Belanda pun begitu. Kalau Francis Drake, John Hawkins dan Walter Raleigh merompak dan membunuh kejam orang kulit hitam di Afrika, tidak pula kita mengatakan yang semua orang Inggeris itu perompak dan pembunuh.

Sejarah membuktikan 'Orang Laut' (pada ahli sejarah Barat, Orang Laut itu ialah lanun dan perompak) berperanan sangat penting dalam sejarah pertumbuhan Kerajaan Melayu Melaka. L. Andaya, ahli sejarah yang terkenal dan banyak menyelidiki sejarah tradisional rantau Nusantara, telah mensifatkan 'Orang Laut' itu sebagai pengikut Sultan yang taat setia.

Sejarah penghijrahan Parameswara dari Sumatera (Palembang) adalah sejarah bermulanya timbul konsep 'Orang Laut'. Merekalah 'orang kuat' Raja yang sentiasa berada di samping. Mereka menjadi tiang seri sesuatu pentadbiran dan pemerintahan.

Sejarawan Barat tidak tahu dan tidak faham bahawa terdapat 'tali' pengikat paling halus menjalini dua perasaan pemerintah dengan 'Orang Laut'. 'Orang Laut' iaitu orang Melayu, tidak menghormati semua pemerintah. Bukan sebarang orang yang mereka tumpahkan kasih sayang, cinta, hormat.

'Pantang anak Melayu menderhaka' bukan untuk semua orang. Peribahasa itu hanya 'hak keistimewaan' raja-raja tertentu.

"Hei ... hei, hendak derhakakah kamu ke bukit?" tanya Bendahara kepada sekumpulan anak muda (rakan Tun Besar bermain sepak raga) yang ingin membunuh Raja Muhamad, waris kesultanan Melaka.

Peristiwa ini berpunca akibat tindakan Raja Muhamad membunuh Tun Besar disebabkan bola raga yang disepak oleh Tun Besar itu terkena destar Raja Muhamad. Bendahara marah anak buahnya menderhaka ke 'Bukit'. Bukit bermakna Bukit Seguntang Maha Miru, asal keturunan sultan-sultan Melaka.

Untuk memperkuatkan lagi hujah yang mengatakan bahawa 'Orang Laut' hanya taat kepada keturunan Bukit Seguntang Maha Miru, peristiwa Kesultanan Johor, 'Sultan Mahmud Mangkat Dijulang', dalam sejarah Kesultanan Johor, amat berkesan menje-

laskannya.

Pada tahun 1699, setelah Sultan Mahmud dibunuh oleh pembesar yang bergelar Megat Seri Rama, maka pembesar-pembesar negeri pun memutuskan melantik Bendahara menjadi Sultan Johor (Sultan Mahmud tidak mempunyai putera untuk menggantikan baginda).

Keadaan ini berlaku disebabkan 'Orang Laut' tidak mahu bertuankan pemerintah negeri yang bukan berketurunan Bukit Seguntang Maha Miru. Bendahara bukan berketurunan 'Bukit'. Talian darah Bukit Seguntang penting untuk menentukan tumpahan taat setia 'Orang Laut'.

L.A. Mills tidak tahu hal ini. Ramai ahli sejarah Barat tidak faham selok-belok kebudayaan Melayu. Mereka menulis mengenai apa yang dapat mereka lihat ketika itu. Mereka lupa kebudayaan sesuatu bangsa adalah elemen paling penting dalam penulisan sejarah sesuatu bangsa itu.

Seorang penulis Barat yang menerokai sejarah Perak telah agak kritikal menulis tentang sebahagian dari sejarah Perak. Tetapi, disebabkan terdapat ayat yang berbunyi 'after their morning prayers at nine', maka telah dapat memberi gambaran penulis masih tidak mendalami selok-belok kebudayaan/agama orang Melayu. Dikatakan begitu kerana orang Islam tidak bersembahyang subuh pada jam 9 pagi.

Tome Pires dalam bukunya, *Suma Oriental of Tome Pires 1512-1515*, vol. 11, London 1944, telah menyatakan:

'Raja Melaka kadang-kadang mewujudkan jawatan Captain General yang digelar Paduka Raja. Ini adalah jawatan wakil Sultan yang kedudukannya terendah sedikit daripada Sultan. Kepada beliaulah pembesar-pembesar menyerahkan hasil cukai.'

Di sini, kita dapati Tome Pires melakukan dua kesilapan—mengatakan Paduka Raja sebagai satu jawatan dan menyamakan Mandarin dengan pembesar-pembesar di Melaka dalam kurun ke-15.

Paduka Raja, sebenarnya adalah gelaran kepada Bendahara di Melaka.

Dalam hal 'jawatan' Paduka Raja, Alfonso de Albuquerque dalam buku, *The Commentaries of the Great Alfonso d Al Buquerque; vol. III, Haklyut Society* oleh W. De Gray Birch, juga sependapat dengan Tome Pires.

'Pernah wujud lima jawatan pembesar di Melaka. Yang pertama dan yang paling penting ialah Paduca Raja, yang bertindak sebagai wakil raja dan kurang sedikit mertabatnya dari Raja. Yang kedua ialah Bendahara yang memerintah negeri. Kadang-kadang Bendahara juga memegang jawatan Paduca Raja dan Bendahara....'

Berdasarkan buku *Sejarah Melayu*, Paduca Raja itu adalah suatu gelaran. Penyusun *Sejarah Melayu* ialah Tun Muhammad namanya, Tun Sri Lanang timang-timangannya, Paduca Raja gelarannya, Bendahara. Sepanjang penelitian penulis berdasarkan *Sejarah Melayu*, gelaran Paduca Raja itu hanya digelarkan kepada Tun Perak dan cucu Tun Perak, iaitu Anak Paduca Tuan.

Dengan demikian, dapatlah disimpulkan memang ramai ahli sejarah Barat yang menulis sejarah Malaysia hanya mampu menyentuh 'lapisan atas' sesuatu episod sejarah tanpa berdaya menyerapi intipati episod itu sendiri.

Oleh itu, kebanyakan penulisan mereka tentang lanun dan Orang Laut, tidak begitu tepat. Contohnya lagi, ahli sejarah Barat mengatakan kemakmuran Melaka dari segi perdagangan adalah disebabkan Orang Laut 'memaksa' kapal-kapal saudagar asing singgah di pelabuhan Melaka, sedangkan pada hakikatnya tidak sedemikian.

'Orang Laut' di Melaka bertanggungjawab menjaga ketenteraman Selat Melaka. Saudagar-saudagar luar merasa terjamin berdagang di Melaka kerana adanya perlindungan daripada orang laut itu. Perompak lanun tidak akan berani merompak kapal yang berlabuh di Melaka. Inilah yang menyebabkan ramai saudagar luar datang berdagang.

Jikalau kekerasan dijadikan hujah—sebagai penyebab ramai saudagar datang ke Melaka—mengapakah apabila Portugis berkuasa di Melaka dan menggunakan kekerasan terhadap saudagar, mereka tidak berjaya sepertimana kejayaan yang dicapai oleh Sultan Melaka?

Kekerasan mungkin digunakan apabila saudagar, seperti Portugis, Belanda dan Inggeris, datang secara biadab. Mereka datang bukan untuk berdagang secara aman, tetapi membolot dan menakluki kawasan di sebelah sini. Hati mana yang tidak panas, perasaan siapa yang tidak marah....

Wajar atau tidak 'Orang Laut' menentang? Apakah dayus benar bangsa Melayu yang tidak berani 'mengangkat muka' apabila maruah bangsanya tergugat? Ke mana perginya pegangan 'takkan Melayu hilang di dunia'?

Jadi, kegiatan lanun itu adalah perjuangan nasionalis menentang Barat yang telah menodai maruah bangsa Melayu. Orang Melayu tentu tidak berdaya menentang Barat dengan bermacam kelengkapan modennya berbanding dengan keris dan tombak saja. Oleh itu, sebagai pernyataan kebencian dan penentangan-nya terhadap Barat, mereka pun melanun. Tak dapat tanduk, telinga dipulas!

Inilah hakikat sebenar wujudnya institusi perlanunan pada orang Melayu. Dan bukan semua orang Melayu itu adalah pejuang-pejuang kebangsaan yang rela mati kerana Raja mereka.

Namun, ada juga yang melanun untuk kepentingan diri, bukan pejuang bangsa. Golongan ini dipanggil perompak laut.

Berita Minggu

Kemerdekaan Melalui UMNO

RANCANGAN Malayan Union adalah 'catalyst' yang mempercepat penubuhan UMNO.

Kalaupun tidak disebabkan adanya ura-ura kerajaan Inggeris menubuhkan Malayan Union, UMNO tetap akan wujud kerana, pada masa itu, orang Melayu telah pun sedar tentang betapa pentingnya membebaskan Tanahair ini daripada cengkaman penjajahan Inggeris.

Kegiatan gerakan nasionalis negara-negara jiran, seperti Indonesia dan Filipina, telah dapat mempengaruhi fikiran orang Melayu di Tanah Melayu supaya berjuang mendapatkan kembali hak dan merdeka. Tambahan pula perjuangan Sukarno dan PNI (Parti Nasional Indonesia) telah diketahui dan perkembangannya sentiasa diikuti oleh pejuang kebangsaan tanahair kita seperti penuntut-penuntut dari Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim.

Walaupun semangat perjuangan telah sedia tersemam dalam tahun 1920-an dan 1930-an, namun tidak ada peristiwa yang betul-betul boleh dijadikan unsur yang boleh mempercepatkan proses mendapatkan kemerdekaan itu. Tegasnya, Tanah Melayu tidak mengalami sesuatu peristiwa yang menyayat hati seperti yang berlaku di Filipina atau Indonesia.

Di Filipina, misalnya, ada peristiwa pembunuhan di Cavite pada tahun 1872 di mana tiga paderi berbangsa Filipina telah ditembak mati di hadapan 'firing squad'. Mereka ditembak kerana dituduh menghasut rakyat untuk bangun menentang pemerintahan Sepanyol.

Kezaliman Sepanyol itulah yang telah menimbulkan kemarahan rakyat. Dan lahirlah pemimpin-pemimpin kebangsaan seperti Joze Rizal, Mabini dan Aguinaldo.

Pada tahun 1896, Joze Rizal, yang dianggap 'hero' orang Filipina telah ditembak di hadapan 'firing squad' juga.

Kedua-dua peristiwa zalim itu telah dapat membakar perasaan rakyat dan lantas merintis jalan ke arah pencapaian kemer-

dekaan Filipina.

Bagi Tanah Melayu pula, rancangan Malayan Union yang diperkenalkan oleh Inggeris itulah yang boleh membawa rakyat merintis jalan ke arah kemerdekaan. Hasrat Inggeris itu telah benar-benar menyakiti hati orang Melayu.

Bagi setengah-setengah ahli sejarah, pada saat-saat kemunculan Malayan Union itulah yang benar-benar dapat dikira sebagai kelahiran dan cetusan semangat kebangsaan orang Melayu.

Bagi orang Melayu, 'Nasionalisme' itu ialah cetusan semangat perjuangan. Semangat perjuangan mula tercetus bukan disebabkan oleh tertubuhnya Negeri-Negeri Melayu Bersekutu atau Malayan Union, melainkan kelahirannya adalah semenjak tertandatanganinya Perjanjian Pangkor dan penjejakan kaki James Birch di Negeri Perak.

Ataupun mungkin semangat perjuangan ini telah mula muncul semenjak kerajaan Melayu Melaka, apabila Hang Tuah pernah mengatakan: "Takkan Melayu hilang di dunia". Pengucapan sedemikian adalah pengucapan pejuang bangsa.

Kelahiran UMNO dan kemunculan para pemimpinnya, pada peringkat awal, adalah kelahiran pejuang bangsa dalam bentuk yang lain dari zaman sebelumnya. Disebabkan oleh pendidikan Barat atau pendidikan agama, mungkin, telah menukarkan corak perjuangan orang Melayu dari menggunakan keris dan lembing kepada lidah dan pena.

'Peperangan' menghadapi Malayan Union dianggap sebagai ujian bagi pejuang-pejuang bangsa menggunakan senjata 'lidah' dan 'pena' itu.

Hasrat untuk memperkenalkan Malayan Union itu timbul dari keyakinan Inggeris bahawa mereka telah begitu berjaya mentadbirkan Tanah Melayu dengan cara pemerintahan tidak langsungnya (*indirect rule*) dan ingin pula mencuba satu sistem yang lebih kemas (pada anggapan Inggeris), lebih formal dan lebih langsung. Lantas diwujudkan Malayan Union.

Inggeris cuba memasukkan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu ke dalam satu pentadbiran bersama dengan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat (tidak termasuk Singapura). Tujuan sebenar Inggeris bertindak sedemikian, masih lagi menjadi isu yang perlu dibincangkan.

Tetapi, satu hakikat yang nyata ialah kemunculan Malayan

Union ini menjadi semacam 'penghinaan' paling jelas kepada orang Melayu, khususnya Raja-raja Melayu. Hak dan kekuasaan Raja-raja Melayu telah dilenyapkan dan sebagai gantinya, orang Melayu akan disuruh menumpukan taat setia kepada Raja Inggeris.

Dari sinilah bertolaknya penentangan habis-habisan orang Melayu yang bersendikan prinsip, 'langkah mayat aku dulu' ataupun 'biar putih tulang, jangan putih mata'.

Tentulah tidak seorang pun orang Melayu yang rela melihat raja dan bangsanya tercemar.

Dengan pengumuman itu, orang Melayu telah sanggup melupakan sikap kenegerian mereka. Mereka telah melupakan buat sementara dari negeri mana mereka datang. Yang penting bagi mereka ialah berjuang untuk menegakkan maruah bangsa.

Inggeris pula berasa 'bingung' melihat perkembangan itu kerana hal yang sedemikian tidak pernah diduganya akan berlaku.

Mungkin Inggeris telah memikirkan bahawa segala tindak-tanduk mereka tidak dapat dimengertikan oleh orang Melayu. Dan walaupun ada bangkangan nanti, Inggeris yakin akan dapat menenteramkannya.

Lagipun, Inggeris sedar bahawa golongan Melayu yang berpendidikan Inggeris telah khayal dengan beberapa layanan istimewa yang diberikan kepada mereka. Sudah ada di antara mereka yang sanggup melupakan perjuangan bangsa setelah berkahwin dengan 'orang putih'.

Mujurlah masih ada di antara orang Melayu yang berpendidikan Barat itu, beberapa tokoh yang masih ingat dan sayangkan bangsanya dan ingin terus berjuang untuk menegakkan maruah bangsa.

Walaupun rata-rata pelajar-pelajar yang mendapat didikan dari Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim itu bersemangat perjuangan, tetapi mereka masih memerlukan pemimpin yang betul-betul dapat menyatukan seluruh bangsa Melayu. Walaupun kepemimpinan Ibrahim Yaakub, Hassan Manan hampir berjaya menyatukan orang Melayu, namun kemunculan Datuk Onn telah menampakkan beliau sebagai pemimpin ulung bangsa Melayu.

Sebenarnya, Malayan Union itu bukan sahaja ditentang oleh

orang Melayu, tetapi juga dikritik oleh pegawai Inggeris yang pernah bertugas di Tanah Melayu. R.O. Winstedt, dalam bukunya *Malay and Its History*, telah membuat ulasan yang menarik mengenai cadangan Malayan Union itu. Katanya:

“... bukan sahaja dia tidak menunjukkan perasaan timbang rasa (yang sepatutnya) kepada rakyat yang tertekan, Whitehall sebaliknya, telah ‘merempuh’ masuk ke Tanah Melayu (yang baru saja pulih) dengan cara yang sama sepertimana dilakukan oleh James Birch ‘melanggar’ Perak dalam tahun 1874.... Langkah yang diambil itu terlalu tergesa-gesa....”

Seolah-olah Winstedt mengakui bahawa tentangan orang Melayu terhadap Malayan Union itu adalah sama dengan tentangan yang dilancarkan oleh Datuk Maharaja Lela terhadap James Birch.

Dan kedua-dua tindakan Inggeris tersebut membayangkan tindakan silap Inggeris yang mengakibatkan kehancurannya.

Whitehall mempunyai rasional yang tersendiri ke arah pembentukan Malayan Union. Pengalaman Belgium, Holland, Denmark dan Norway dalam usaha mereka menentang Jepun telah dijadikan asas hujah ke arah pembentukan Malayan Union.

Inggeris berpendapat bahawa pengwujudan sebuah kerajaan yang bersatu dan kukuh di Tanah Melayu adalah perlu bagi menentang Jepun. Tambahan pula Inggeris beranggapan bahawa sememangnya orang Melayu telah bekerjasama dengan Jepun untuk menentang Inggeris.

Sehubungan dengan pembentukan Malayan Union ini, Pejabat Tanah Jajahan di London telah pun mengeluarkan arahan, dalam tahun 1933, mengenai pandangan dan prinsip yang harus diikuti oleh pegawai-pegawai Inggeris:

“... adalah jelas bahawa bagi pengekalannya kedudukan, kewibawaan dan maruah Raja-raja Melayu seharusnya dijadikan petunjuk dalam menentukan Dasar Inggeris....”

Jadi, tindakan yang bertentangan dengan arahan inilah menyebabkan timbulnya kemarahan orang Melayu. Bukan itu saja, tindakan Inggeris yang cuba memperbodoh-bodohkan Raja Melayu, iaitu dengan memberikan masa yang singkat untuk menandatangani perjanjian persetujuan, boleh menyebabkan jatuh banggunya maruah bangsa.

Ada syarat-syarat dalam perjanjian itu bertujuan mengurangkan

dan melemahkan kedudukan Raja-raja Melayu. Misalnya, segala perlantikan pembesar ke Dewan Negeri mestilah ditandatangani oleh Raja England.

Sepatutnya, hal itu adalah di dalam bidang kuasa Raja Melayu.

Datuk Onn telah bangun dan menentang segala dasar dalam Malayan Union melalui UMNO. Kerana kepemimpinannya, orang Melayu telah berdiri teguh bersamanya. Kesannya, Inggeris terpaksa mengalah dengan rancangan Malayan Union itu.

Namun demikian, Malayan Union muncul juga dengan memakai 'baju baru' dan nama baru itu ialah Persekutuan Tanah Melayu.

Pengenalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dengan konsep *jus solinya* menjadi semacam pelarian orang Melayu dari 'mulut harimau' masuk ke 'mulut buaya'. Inggeris memang tidak habis-habis berusaha menyakiti hati orang Melayu.

Melalui konsep *jus solinya* Inggeris telah memberikan hak kerakyatan kepada orang bukan Melayu yang telah buat beberapa ketika bermastautin di negara ini.

Inggeris mengambil langkah demikian, kononnya, untuk mengelakkan perbalahan antara kaum—Melayu, Cina dan India—yang mungkin berlaku. Hujah ini didasarkan kepada beberapa peristiwa yang telah dan sedang berlaku di dunia, pada ketika itu.

Misalnya, pertempuran antara kaum sedang berlaku di India dan begitu juga di antara Arab dengan Yahudi di Palestin. Peristiwa inilah yang telah dijadikan alasan dan dalih Inggeris bagi meyakinkan orang Melayu tentang perlunya diperkenalkan konsep *jus soli* itu.

Sayangnya, Inggeris tidak mahu mendedahkan sikap sebenar dasar itu diperkenalkan. Ramai yang tahu bahawa Inggeris memang tidak mahu bertanggungjawab terhadap golongan imigran yang telah dibawanya masuk beramai-ramai ke negara ini.

Dulu, ketika mereka diperlukan bekerja di lombong bijih dan di ladang getah, Inggeris telah memberikan layanan yang istimewa. Dan apabila sampai masa tenaga mereka tidak diperlukan, maka Inggeris telah mencari jalan untuk meninggalkan mereka.

Segala beban untuk menyelesaikan masalah itu diletakkan ke

atas bahu orang Melayu. Dengan sebab itulah UMNO bertindak menentanginya habis-habisan.

Dalam persidangan yang diadakan di Hotel Majestic, Kuala Lumpur, dari 20 hingga 21 Mei 1950, isu *jus soli* hangat dibincangkan dan tidak terdapat walau seorang perwakilan UMNO pun yang berpendapat supaya diterima taraf kerakyatan *jus soli* itu. Tegasnya semua tidak rela menerima konsep *jus soli* itu.

Berdasarkan buku *25 Tahun Merdeka* karangan Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris, diterangkan bahawa antara yang menentang konsep *jus soli* itu ialah sekumpulan penuntut Melayu dari Universiti Malaya, Singapura. Mereka, antaranya, termasuklah Mahathir bin Mohamd dan Siti Hasmah binti Muhammad Ali.

Penuntut-penuntut lain yang turut menandatangani memorandum bertarikh 16 Mei, 1950 itu, antaranya, ialah Abdullah Ayub, Aminuddin bin Baki, Ariffin bin Marzuki, Zaharah binti Mokhtar dan Raja Ahmad Nordin.

Di antara lain, memorandum itu berbunyi:

“Kami yang bertandatangan di dalam memorandum ini, adalah penuntut-penuntut dan dengan keadaan demikian fikiran dan pandangan kami mestilah bersifat maju dan luas. Tetapi setelah menimbang dengan sehalus-halusnya tentang betapa buruknya keadaan sekarang kami merasa bahawa kami tidak dapat mengorbankan apa jua ‘hak istimewa’ yang sedikit yang tidak dijangka memperolehinya bagi faedah kemajuan”.

Di sini jelas menunjukkan bahawa penuntut-penuntut juga memangnya memainkan peranan menyuarakan isi hati mereka terhadap segala perkembangan di tanahair mereka. Dan kebanyakan mereka yang menandatangani memorandum itu adalah nasionalis yang kini menjadi pemimpin di negara ini.

Selain Dr. Mahathir dan isterinya, Siti Hasmah, dapat juga dilihat nama Aminuddin Baki, Raja Ahmad Nordin dan Abdullah Ayub yang bukan kecil peranan mereka dalam membangun dan menyuburkan kemerdekaan negara. Mungkin yang lain tidak begitu terkenal, tetapi masyarakat akan menghargai jasa dan perjuangan mereka walaupun dilakukan dalam diam-diam.

Kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa dengan perpaduan dalam UMNO, orang Melayu telah dapat menumpaskan cadangan Malayan Union dan apabila konsep *jus soli* diperkenalkan pula, orang Melayu sekali lagi bersatu untuk menggegarkannya.

Semangat dan perjuangan orang Melayu terus bersemarak dari satu tahap ke tahap yang lain sehinggalah tercapai kemerdekaan.

Kini, tugas nasionalis sekarang pula untuk mengisi dan mengukuhkan kemerdekaan yang telah dicapai. Semoga berjaya, insya Allah.

Berita Minggu 10 Ogos 1983

Memandang ke Timur

(DASAR 'Memandang Ke Timur' mungkin juga terlintas di kepala, sama ada Tunku Abdul Rahman atau Tun Abdul Razak, mahupun Tun Hussein Onn. Tetapi, apabila Dr. Mahathir memimpin negara ini, dasar itulah yang cuba disogokkannya kepada rakyat. Di sini tidaklah pula bermakna yang dasar itu lebih baik dari yang lain.)

Tepat sebagaimana diterangkan oleh Dr. M, perbezaan pentadbirannya dengan pemimpin-pemimpin negara yang terdahulu darinya ialah dari segi pendekatan dan penumpuan.

Telah berzaman, telinga kita sentiasa dibisik dan dibuaikan dengan nyanyian yang mengagungkan Barat. Mata kita telah dicelikkan untuk dipaksa melihat tentang kehebatan Barat. Dalam bidang pelajaran, Englandlah yang paling baik. Begitu juga dengan sikap membeli barang, mata kita telah dilatih mencari barang yang bertanda 'made in England' atau 'imported from England'. Barang-barang sedemikianlah yang dikatakan 'standard'.

Setinggi mana kelulusan seseorang yang diperolehi dari universiti dalam negeri, tidaklah setanding dengan kelulusan yang dicapai di Great Britain atau Amerika.

Walaupun panggilan 'bapak' dan 'emak' itu telah kita warisi dari nenek moyang kita, lebih moden dan lebih hebat lagi, kononnya, panggilan 'daddy' dan 'mummy'. Ia semata-mata untuk menunjukkan bahawa 'akulah orang yang terpelajar di negara ini'.

Dalam suasana yang sedemikian, (Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita, telah membuat 'about turn' yang sungguh mendadak. Beliau mengarahkan agar rakyat Malaysia memandangi ke Timur—Jepun dan Korea.)

(Ramai yang mengatakan Dr. Mahathir bersikap demikian kononnya kerana mendapat didikan dalam negeri dan tidak di England atau di negara Barat yang lain, seperti Perdana Menteri sebelumnya.)

Alangkah mudah kesimpulan dibuat dengan mengeneipkan langsung faktor-faktor yang boleh membentuk sikap Dr. Mahathir berpaling ke Timur itu.

Tentulah kita terfikir juga bahawa Inggerislah yang telah menjajah negara kita dan 'menjajah' fikiran, perasaan dan segenap lapisan hidup rakyat, yang kesannya menjadikan kita porak peranda.

Bukankah Inggeris juga yang mengatakan Melayu malas, 'easy going', dan baru-baru ini meluas tersiar melalui buku yang mengatakan orang Malaysia masih tinggal di atas pokok. Pada mereka orang Melayu masih bodoh, kolot. Begitu hinanya Malaysia ini pada mereka, sehinggakan suara burung di Malaysia ini pun tidak semerdu suara burung di England.

Tentu ada sebab-sebab tertentu yang menyebabkan Dr. Mahathir mengarahkan kita memandang ke Timur.

Kalau rapi diteliti tentang tindakan pemimpin Korea, sama ada dulu ataupun sekarang, terdapat banyak persamaan dengan tindakan pemimpin negara kita.

Ini tidak pula bererti bahawa pemimpin negara kita sentiasa meniru apa yang pemimpin Korea atau Jepun lakukan, hingga menimbulkan implikasi bahawa pemimpin negara kita tidak ada idea.

Mungkin Dr. Mahathir telah pun mempunyai idea yang hampir mirip dengan idea Park Chung Hee. Perbezaannya, mungkin kerana Park telah dapat melaksana dan mempraktikkan ideanya lebih awal disebabkan dia telah menjadi Presiden Korea, tetapi bagi Dr. Mahathir hanya baru sahaja diberi kesempatan untuk bertindak, mempraktikkan idea yang tersirat, mengotakan apa yang dikata.

Bak kata pepatah Melayu 'seindah mana sekalipun sebutir intan, kalau tidak digilap, tidak akan mengerdip cahayanya.' Walau sebernas mana sekalipun ideanya, kalau tidak diberi peluang, tidak akan nampak jasanya.

Malay Dilemmanya dikuburkan kononnya takut kalau-kalau tersebarnya buku itu, akan timbul kacau-bilau dan keadaan yang tidak diingini. Takut kalau perbalahan antara kaum melelus kembali.

Yang anehnya, setelah buku itu 'dihidupkan' kembali keadaan di Malaysia semakin aman—lebih aman, makmur dan bahagia

dari zaman sebelum 1969. Pokoknya, bukan buku yang menimbulkan kacau-bilau. Yang pentingnya, kerajaan yang perlu Bersih, Cekap dan Amanah. .

Sejak Presiden Chun Do Hwan memegang tampuk kerajaan berasaskan perlembagaan yang diperkenalkan dalam bulan Mac, 1981, Korea Selatan telah menempuh perubahan yang begitu pesat, bukan sahaja di bidang politik, malah ekonomi dan sosial juga. Ini semata-mata untuk kepentingan rakyat, dan kalau boleh mahu menandingi kejayaan pemimpin sebelumnya.

Chun menjadi Presiden adalah atas sokongan tentera, berikutan pembunuhan Presiden Park Chung Hee dalam bulan Oktober 1979. Sudah tentulah tugas Presiden Chun itu terlalu berat.

Di antara tindakan ke arah memajukan ekonomi negaranya ialah dengan menggerakkan rakyat ke arah memajukan diri dan negara, mengurangkan pegawai-pegawai kerajaan bagi menjimatkan perbelanjaan negara, menyekat perniagaan yang mendapat biaya kerajaan, yang tidak menguntungkan, dan tidak ketinggalan juga, menghapuskan rasuah.

Di Malaysia, pentadbiran 2M telah menjalankan langkah yang hampir sama. Dato' Musa Hitam, selepas sahaja menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri, telah bertindak tegas menutup beberapa badan ekonomi negara (yang bergantung kepada pembiayaan kerajaan) yang tidak menguntungkan.

Ramai pegawai dari badan ekonomi negeri yang tidak cekap, dan 'berniaga' untuk kepentingan sendiri, ditukarkan atau dinasihatkan meletak jawatan. Begitu juga dari segi penghapusan rasuah. Kerajaan 2M terus-menerus memerangi wabak penyakit ini dengan menubuhkan dan mewartakan Badan Pencegah Rasuah, menggantikan Biro Siasatan Negara yang telah sedia ada.

Di Korea, kempen mencegah rasuah telah menular bukan sahaja terhadap pegawai-pegawai kerajaan, malah ke sektor-sektor masyarakat yang lain juga.

Tidak lama dulu, Badan Pencegah Rasuah Korea telah bertindak ke atas pegawai-pegawai bank yang menerima rasuah dalam bentuk komisen sebagai 'ganjaran' meluluskan permohonan pinjaman.

Dalam persidangan 'Dewan Rakyat' Januari lalu, Chun mengemukakan beberapa langkah untuk menghapuskan apa yang dipanggilnya 'tiga sikap negatif dalam masyarakat Korea'.

Pertama: Hasrat kerajaannya hendak menghapuskan rasuah.

Usaha kerajaan dalam masa dua tahun kebelakangan ini, tidak dapat lagi menghapuskan sepenuhnya amalan rasuah.

Presiden Chun pernah menyeru agar ahli-ahli politik dan pegawai-pegawai kerajaan berganding bahu untuk mewujudkan imej yang baik, menjalankan tugas untuk mencapai hasil yang maksimum dengan menggunakan perbelanjaan minimum.

Di Malaysia, sungguhpun penubuhan BPR menggantikan BSN seolah-olah menggambarkan pada dunia bahawa Malaysia adalah negara yang betul-betul bergelumang dengan rasuah, tetapi sebenarnya, kata Dr. Mahathir, walaupun ada amalan rasuah dijalankan, belumlah lagi sampai ke tahap di mana pegawai-pegawai telah menerima rasuah secara terbuka.

Amalan rasuah memang mudah bertunas, terutama dalam sistem ekonomi *Laissez Fair* seperti di Malaysia atau Korea. Jadi, untuk melenyapkannya sama sekali adalah tugas yang maha berat, tetapi boleh dilaksanakan.

Kejayaan Malaysia menguasai inflasi adalah hampir sama dengan Korea. Hal ini dapat dilihat berpandukan kedudukan negara itu dalam tahun 1981.

Tahun lepas, kerajaan Korea berjaya membendung harga barang-barang, dari 36% pada tahun 1980 ke 13% pada tahun 1981.

Dan sebagaimana di Malaysia, Korea juga sedang mengalami masalah 'recession'. Eksport Korea Selatan hampir tidak bergerak seperti yang diharap-harapkan. Akibatnya, terpaksa negara itu menghadkan pengeluaran barang-barang industrinya di samping menghadapi permintaan dalam negeri yang berkurangan.

Di samping persamaan dalam tindakan, tentulah ada aspek-aspek dari Korea yang perlu kita pelajari dan contohi. Kalau tidak, tak mungkin pemimpin kita mengarahkan agar mencontohi Korea.

Untuk meninjau aspek mana yang harus dicontohi itu, perlulah kita menoleh ke belakang, menyingkap sejarah perkembangan ekonomi Korea, terutama dalam masa pemerintahan Presiden Park Chung Hee.

Sebenarnya, sejak zaman itu lagi, Korea telah mula bergerak ke arah pembangunan.

Ketika Korea mula melaksanakan program pembangunannya, ramai yang ragu tentang keupayaan Korea mencapai apa juga kejayaan di bidang teknologi.

Walaupun pendapat mengenai perkara itu berbeza-beza, namun kesimpulannya ialah, 'tidak harus diperkecil-kecilkan kebolehan dan ketekunan rakyat Korea, sungguhpun agak sukar bagi mereka mencapai apa yang diharapkan!'

Bekas diplomat British, Mathir Filmer Evans, yang kemudiannya menjadi pengarang terkenal, pernah menyatakan sesuatu mengenai orang Korea. Di dalam bukunya *The Land and People of Korea* (1962), beliau menyatakan orang Korea sangat pantas mempelajari sesuatu, tetapi agak sukar mengajar mereka.

Hakikat ini, katanya, berpunca dari sikap mereka yang selalu mengambil 'short cut' dalam apa jua tindakan.

Pendapat lain pula menegaskan bahawa kejayaan Korea di bidang ekonomi bukanlah kejayaan dasar ekonomi *Laissez Fair*, tapi adalah oleh tindakan secara praktik kuasa-kuasa yang terlibat secara langsung dalam ekonomi.

Apa juga perbincangan yang berkisar tentang teori ekonomi atau sistem ekonomi yang ideal, hampir tidak pernah diadakan dalam masa pemerintahan Presiden Park Chung Hee. Sebaliknya, pihak kerajaan sentiasa menyelesaikan sebarang masalah yang timbul, sekiranya difikirkan perlu, dan kalau itu pun tidak dapat dijalankan, kerajaan hanya membiarkan pengusaha persendirian menjalankan tindak-tanduknya sendiri..

Dengan tindakan sedemikain itulah Korea berjaya memajukan ekonominya.

Pada penghujung tahun 1974 dan 1975, Korea kekurangan (*deficit*) US\$2,000 juta dalam belanjawan negaranya, tetapi pada tahun 1976, keadaan ini dapat diperbaiki sehinggakan 'deficit' itu menurun ke US\$280 juta sahaja.

Ini membayangkan tentang perkembangan ekonomi yang begitu pesat.

Para wartawan, sama ada dalam atau luar negeri, telah membandingkan tentang kejayaan Korea itu dengan kejayaan Jepun pada tahun 1968, apabila negara itu berjaya mencapai eksport bernilai US\$10,000 juta.

Dengan kejayaan Korea itu, sebuah majalah di Jepun *Diamond* memberi amaran kepada Jepun bahawa Korea Selatan

berkemungkinan dapat menyamai atau menandingi ekonomi Jepun.

Hasil perkembangan itu juga telah dapat menukarkan corak negara Korea dari negara miskin yang tergolong dalam 'negara membangun'—yang bergantung kepada kegiatan pertanian dan mengalami imbalan pembayaran yang lemah di samping bergantung kepada bantuan kewangan dari luar negeri—kepada negara industri yang mempunyai imbalan pembayaran yang teguh dan berkemungkinan menewaskan negara-negara industri di Barat.

Suatu hal yang boleh mengkagumkan kita ialah tentang kejayaannya itu, tanpa memiliki bahan-bahan mentah yang secukupnya.

Bahan mentah yang dimilikinya ialah tungsten. Berbanding pula dengan negara kita yang memiliki berbagai jenis bahan mentah dan banyak pula. Tanah Melayu (kini Malaysia) telah berpuluh-puluh tahun menjadi pengeluar utama bijih timah dan getah.

Kini kita telah juga mengeluarkan kelapa sawit, minyak dan lain-lain. Menerusi Dasar Ekonomi Baru, kerajaan berusaha menggalakkan agar anak negeri mengusahakan bahan-bahan ini.

Tetapi sayangnya, sedang anak negeri baru merangkak-rangkak belajar cara mengeksploit dan memproses hasil dari buminya, bahan-bahan itu telah hampir habis di perut bumi yang bertuah ini dikerjakan oleh kapitalis Inggeris dan tauke-tauke Cina yang lebih dulu mengerjakannya.

Kesannya, ialah tinggalan lombong-lombong tinggal atas tanah milik kerajaan di mana didirikan rumah-rumah haram bagi kaum bumi yang berhijrah ke Kuala Lumpur untuk mencari rezeki sesuap pagi dan sesuap petang.

Ataupun, jikalau lombong itu dimajukan menjadi sebuah taman bunga, maka telah menjadi tempat menungan anak-anak muda dari kampung yang berhijrah ke kota untuk menjadi buruh kontrak tauke-tauke Cina.

Oleh kerana kepakaran yang agak tinggi, walaupun kekurangan bahan mentah, tidak pula mengurangkan keupayaan Korea untuk menanggung penduduk yang semakin meningkat. Ini Korea jalankan dengan meneroka ke negara-negara lain.

Di negara kita, banyak projek kerajaan yang diselenggarakan

oleh pengusaha-pengusaha dari Korea. Sebagai contoh, kita ambil satu projek orang Korea di Perak.

Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh Datuk Seri Wan Muhammad bin Haji Wan Teh telah menandatangani satu kontrak dengan pengusaha dari Korea untuk memulakan usaha kilang batu di Gunung Pondok, Padang Rengas.

Projek ini dikatakan yang terbesar di Tenggara Asia (mengikut apa yang dilaporkan oleh akhbar tidak berapa lama dahulu). Laporan itu juga mengatakan bahawa kemungkinan besar, sekiranya projek itu dilancarkan, akan menjejaskan kesihatan penduduk di sekitar lima belas batu.

Kita tidak tahu sejauh manakah projek itu menguntungkan rakyat, khususnya negeri Perak. Dan kita juga tidak tahu langkah-langkah yang kerajaan Perak ambil bagi mengatasi masalah pencemaran di kawasan itu.

Mungkin agaknya, perkara ini turut juga dibincangkan dengan Dr. Mahathir (secara informal) ketika Dr. Mahathir bertemu EXCO Negeri Perak baru-baru ini. Walau apa pun kemungkinannya, yang jelas ialah sudah tentu ada keuntungan dan faedah yang akan diperolehi pihak-pihak yang terlibat.

Bagi Korea, sungguhpun penduduknya bertambah dari 26 juta dalam tahun 1962 ke 35 juta pada tahun 1976, pendapatan per kapita rakyatnya juga bertambah dari US\$87 ke US\$692. Kadar pertumbuhan ekonominya telah meningkat dari 7.7% dalam masa pelaksanaan Rancangan Lima Tahun Pertamanya (1962-1966) ke 10.5% dalam masa Rancangan Lima Tahun Kedua (1967-1971) dan ini telah meningkat lagi ke 10.9% dalam pelaksanaan Rancangan Lima Tahun Ketiga.

Antara kejayaan Korea dalam ekonominya ialah tentang penumpuannya kepada industri berat, terutama di bidang kapal-kapalan, kejuruteraan dan elektronik. Di samping itu, eksport masih menjadi tenaga penggerak dalam pertumbuhan ekonomi Korea. Kadar eksportnya meningkat amat pesat—pertumbuhan purata tahunan 40% antara tahun 1962 dan 1976. Dengan nilai yang bermula dari US\$55 juta ke US\$7560 juta. Kemajuan ini dapat dikatakan hasil tindakan kerajaan menukarkan dasar ekonomi negara dengan mengutamakan perkembangan eksport.

Walaupun ekonomi Korea dikatakan moden, tetapi sebenarnya masih lagi di peringkat awal. Sehingga tahun 1960-an, per-

dagangan antarabangsa masih lagi dalam genggamannya monopoli Amerika dan Jerman. Kemudian dari itu barulah muncul tunas-tunas segar yang bergiat dalam sektor bank, industri dan sebagainya, hasil galakan dan bantuan kerajaan.

Eksport dalam bentuk loji-loji besar masih lagi kecil dan dalam proses perkembangan. Korea telah banyak menjalankan projek-projek besar di Saudi Arabia. Sebuah lagi firma Korea telah memulakan perusahaan simen di Papua New Guinea dan Korea juga telah mengikat beberapa perjanjian dagang dengan Sudan.

Kejayaan Korea mengeluarkan dan memasarkan bahan-bahan seperti kasut dan kain adalah juga asas pertumbuhan ekonomi. Dan berdasarkan kepada bahan eksport ini juga, Korea mengalami kelebihan dalam imbalan pembayaran negara dalam tahun 1976.

Tetapi, kemakmuran yang Korea alami telah menimbulkan rasa cemburu kepada Amerika Syarikat, Jepun dan negara Pertubuhan Ekonomi Eropah yang telah mengancam pasaran eksport Korea dengan mengenakan cukai perlindungan. Dengan hal yang demikian, Korea telah mencari jalan keluar bagi menjamin pasaran bahan-bahan siapnya.

Korea tidak lengah bertindak untuk mengalihkan pandangan negaranya daripada berkiblat ke Barat terus ke Timur Tengah. Di sanalah munculnya 'tangan simpati', pasaran yang luas bagi kepentingan kedua pihak.

Pengalaman yang sama juga sedang negara kita alami. Pengalaman yang pahit ini adalah berikutan tindakan Amerika yang 'bermain' dengan 'Stock Exchange'nya sehingga perusahaan bijih timah kita mengalami kesulitan.

Apakah kita juga akan mengikut langkah Korea dengan menumpukan ke Timur Tengah? Jalan telah dirintis oleh Dr. Mahathir tidak berapa lama dahulu. Beliau telah melawat beberapa negara Teluk, dan khabarnya, telah mendapat sambutan yang sungguh menggalakkan.

Rasanya, kalaulah Malaysia berhasrat hendak mengikut jejak langkah Korea itu, tidaklah begitu banyak halangan yang akan ditempuhi, bagi memenangi hati saudara yang seagama dengan kita.

Bagi Korea, langkah mengurangkan penggantungan kepada

Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah yang lain, tetapi sebaliknya bertumpu ke Timur Tengah ternyata membuahkan hasil. Jikalau sebelum langkah itu diambil, Jepun dan Amerika Syarikat telah menguasai lebih kurang 70% daripada pengaliran eksport-import Korea, tetapi kesan dari tindakan sedemikian, telah turun ke paras 55% sahaja.

Berhubung dengan tekanan dan tindakan negara-negara maju ke atas negara-negara yang sedang membangun, pernah Dr. Mahathir menyuarakan pendapatnya melalui kertas-kertas yang dibentangkan, ketika beliau menjadi Ahli Jawatankuasa Tertinggi UMNO pada tahun 1971 dahulu.

Dr. Mahathir mengkritik tindakan setengah-setengah negara yang sedang membangun yang sentiasa mencontohi negara membangun sebagai asas untuk menjalankan rancangan pembangunannya.

Katanya lagi, kebanyakan ahli dan perancang ekonomi, di samping memuja-muja negara maju (seperti England dan Amerika) telah mempunyai sikap yang agak negatif dari kaca mata Malaysia—apa saja yang diamalkan oleh negara maju akan dicontohi oleh negara-negara yang sedang membangun.

Berita Minggu 6 Jun 1982

'Watershed' dalam Sejarah Perjuangan UMNO

MUNGKINKAH Persidangan Agung UMNO yang akan diadakan pada pertengahan bulan Ogos depan akan merupakan satu persidangan yang coraknya lain daripada yang lain? Tentulah ada alasan yang memungkinkan ia menjadi demikian.

Yang jelasnya para perwakilan yang hadir nanti tidak berada dalam keadaan *suspense* seperti tahun-tahun yang lampau. Pada tahun lepas para perwakilan, khususnya Pemuda datang dengan penuh debar ingin melihat siapakah yang akan jadi jago dalam pertandingan merebut kerusi Ketua Pemuda UMNO Malaysia yang dipertandingkan di antara Datuk Haji Suhaimi dengan Encik Anwar Ibrahim. Setelah keputusan diumumkan, para perwakilan telah bersetuju memilih Anwar untuk memimpin Pergerakan Pemuda itu. Dan hilanglah debar segala perasaan perwakilan.

Pada tahun sebelumnya pula telah ada pertandingan yang sungguh hebat, walaupun tidak merupakan pertandingan yang paling hebat, sekurang-kurangnya merupakan di antara pertandingan yang terhebat dalam sejarah persidangan UMNO. Yang dimaksudkan ialah perebutan jawatan Timbalan Presiden UMNO di antara Dato' Musa Hitam dengan Tengku Razaleigh Hamzah.

Beberapa minggu sebelum persidangan diadakan, demam pertandingan telah pun menjalar ke serata pelosok bandar dan desa. Satu hakikat yang tidak boleh dilupakan berkaitan dengan pertandingan ini ialah, ia telah membuatkan para perwakilan dalam keadaan serba-salah, ditelan mati emak diluah mati bapa. Para perwakilan sangat sayang kepada kedua-duanya. Tetapi disebabkan prinsip demokrasi itu sendiri telah menyebabkan mereka berdua bertarung. Kesannya ada yang menang dan ada yang kalah.

Prinsip demokrasi yang diamalkan oleh UMNO bukan sahaja membenarkan jawatan Timbalan Presiden dipertandingkan tetapi jawatan Presiden juga boleh tercabar. Dalam Persidangan

UMNO tahun 1978, ketika Datuk Hussein Onn (Tun) ingin mendapatkan mandat daripada para perwakilan untuk meletakkan beliau sebagai Presiden, beliau telah ditentang oleh Haji Sulaiman Palestin.

Tidak ada cacat dan celanya timbul daripada pertandingan itu, malah ia merupakan satu pendedahan kepada masyarakat Malaysia khususnya dan dunia umumnya bahawa, perlembagaan UMNO mengamalkan prinsip demokrasi yang tulen. Para perwakilan telah membuat pemilihan dan setelah keputusan diumumkan, Datuk Hussein betul-betul merasa yakin bahawa pimpinannya adalah sangat-sangat diperlukan.

Dalam persidangan agung kali ini, tidak ada pertandingan diadakan. Namun begitu tentu tidak pula akan sunyi persidangan itu tanpa sebarang perbincangan. Tiap-tiap perwakilan yang akan hadir telah mempunyai satu-satu isu yang ingin dibangkitkan supaya dapat didengar oleh para perwakilan.

Dalam persidangan yang diadakan pada tahun 1979, lebih daripada 1000 perwakilan menyuarakan tentang masalah pendatang haram Vietnam. Pada ketika itu, masalah pendatang haram ini telah merupakan satu masalah negara yang sangat kritikal yang perlu diselesaikan segera. Dan tentulah dalam persidangan itu merupakan forum yang paling baik untuk membincangkan hal ini.

Apakah persidangan tahun ini, para perwakilan akan mencungkil kembali perkara yang seakan-akan tenggelam itu? Mengikut laporan akhbar, jumlah pendatang haram di Kem Bidung dan Sungai Besi telah meningkat kepada 11,747 orang, melebihi daripada jumlah sepatutnya. Kedua-dua kem itu hanya boleh menampung lebih kurang 5,000 pendatang haram sahaja tiap-tiap tahun. Kini di Pulau Bidung sudah terdapat 6,300 orang manakala di Sungai Besi berjumlah 5,447 orang.

Mengikut jurucakap Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini sahaja sebanyak 7,226 pendatang haram Vietnam telah mendarat dengan menggunakan 184 buah bot. Dan dalam tempoh 18 hari pertama bulan Julai sejumlah 678 orang telah mendarat.

Pertambahan jumlah pendatang haram tentulah sangat memerunsingkan kita kerana ia mungkin boleh menimbulkan berbagai implikasi. Yang agak menghairankan ialah kedatangan pen-

datang haram ini agak berkurangan pada tahun lalu. Misalnya penempatan di Pulau Bidung pada tahun lalu pernah mencatatkan jumlah terkecil seramai 3,600 orang manakala di Sungai Besi pula ialah 3,473 orang.

Mungkinkah 'gelombang' kedatangan pendatang haram itu ada kaitannya dengan dasar dan tindakan pentadbiran di negara kita? Mungkinkah berkurangnya kedatangan mereka pada tahun lepas disebabkan mereka 'takut' kepada tindakan Dr. Mahathir yang pada ketika itu baru saja menjawat jawatan Perdana Menteri? Dan pendatang haram tentunya lebih kenal siapa dia Dr. Mahathir ataupun mereka telah dikenalkan oleh agen-agen mereka yang ada di Malaysia.

Persidangan Agung UMNO kali ini akan diketemukan dengan soalan siapakah agen pendatang haram di Malaysia. Pihak kerajaan harus mengambil langkah mengenal pasti kumpulan ini dan bertindak dengan tegas untuk menghapuskan terutama dalam saat negara kita sedang memperjuangkan isu Kampuchea.

Di samping itu tentulah ada beberapa isu lain yang ingin dibincangkan oleh sidang perwakilan nanti. Di antaranya mungkin tentang kegiatan Bank Bumiputera yang memberikan pinjaman di Hong Kong, kisah keributan berkaitan dengan penentuan tarikh berpuasa, peristiwa kemalangan Tan Sri Ghazali Shafie, dan perkara-perkara lain yang ada kaitan dengan pembangunan negara.

Yang sudah jelas mendapat perhatian para perwakilan tentunya mengenai kegiatan Cawangan Bank Bumiputra di Hong Kong, yang telah bertindak memberikan pinjaman ratusan juta ringgit kepada peniaga di sana.

Hal ini tentunya sangat menarik minat para perwakilan. Mereka tahu bahawa di Persidangan Agung UMNOlah biasanya mereka akan dapat mengetahui dengan jelas tentang satu-satu isu, dibandingkan dengan apa yang mereka peroleh dari akhbar-akhbar.

Tambahan pula kisah kegiatan Bank Bumiputra ini telah begitu lama digembar-gemburkan, sehinggakan Dato' Musa Hitam sendiri pernah menyatakan tentang betapa senangnya Bank Bumiputra memberi pinjaman berjuta ringgit kepada orang lain, sedangkan bagi golongan Bumiputra yang mahu membuat pinjaman lima ribu ringgit terpaksa menunggu beberapa minggu

dan kadang-kadang lebih sebulan.

Jadi kes Bank Bumiputra di Hong Kong bukanlah lagi merupakan perkara rahsia dan perlu disorok-sorok. Malah Perdana Menteri sendiri telah menyentuh dengan panjang lebar mengenai kes Bank Bumi dalam temuramah bersempena dua tahun beliau memegang jawatan Perdana Menteri. Dengan adanya beberapa kenyataan yang dikeluarkan oleh Dr. Mahathir dan Dato' Musa itu bererti mereka telah memberikan lampu hijau agar isu ini dibahaskan dalam persidangan. Dan segala keputusan daripada persidangan tentunya memberikan jalan yang lebih senang lagi bagi kerajaan untuk bertindak.

Tambahan pula kisah pembunuhan Jalil Ibrahim selaku Penolong Ketua Pengurus Besar Bank Bumiputra Malaysia Finance Bhd. (BMF) telah menambah menghangatkan suasana. Dilaporkan bahawa Allahyarham adalah seorang pegawai yang bekerja dengan penuh dedikasi dan kehadirannya di Hong Kong pada Februari yang lalu telah banyak membawa perubahan. Dan pembunuhannya secara kejam itu tentulah ada kaitannya dengan krisis yang wujud di BMF itu.

Tetapi satu perkara yang perlu difikirkan pula oleh para perwakilan ialah tentang wajar tidaknya isu ini dibangkitkan dalam persidangan kalau ditinjau dari segi publisiti dan kejatuhan moral Bank Bumiputra itu sendiri. Mungkin hasrat para perwakilan untuk membangkitkan isu Bank Bumiputra itu semata-mata membuka mata kerajaan untuk bertindak ke atas golongan yang bertanggungjawab cuba menghancurkan harapan orang Melayu. Di samping itu harus jangan dilupakan bahawa mungkin dengan pendedahan nanti akan menambah tercemar nama Bank Bumiputra di mata dunia.

Wartawan-wartawan luar negeri yang tidak ingin melihat kemajuan Malaysia umumnya dan Bank Bumi khususnya akan memutar-belitkan berita yang boleh menimbulkan kekeliruan di mata dunia. Dan implikasinya tentulah maruah Bank Bumi akan tercemar. Sebagaimana yang diketahui berita tentang kekecohan Bank Bumi di Hong Kong itu adalah tersebar melalui majalah luar negeri yang disebarkan di Malaysia, dan tujuan mereka menyiarkan ialah untuk mendedahkan tentang tidak efisiennya pentadbiran Bank Bumiputra.

Kalau difikirkan secara terperinci bukan sahaja Bank Bumi

yang mengalami keadaan demikian, malah banyak lagi Bank lain yang begitu. Bak kata Pak Pandir, 'bukan anak aku seorang saja yang mati'. Yang ingin dibangkitkan oleh para perwakilan ialah mengapa 'anak kera di hutan disusui dan anak sendiri dibiarkan'. Dan dalam mengutarakan hujah inilah, ditakuti kalau-kalau 'disebabkan nila setitik akan rosak susu sebelanga'.

Isu 'anak bulan' atau penetapan tarikh mula berpuasa adalah merupakan isu yang paling penting dan paling sensitif. Sudah tentu ramai para perwakilan ingin mendebatkannya tetapi takut menyinggung perasaan golongan tertentu. Penyelesaian kepada masalah ini adalah seperti menarik rambut dalam tepung, yang memerlukan ketelitian yang bukan kepalang. Mungkin yang boleh disuarakan oleh para perwakilan ialah tentang wajar tidaknya diadakan satu seminar khas di peringkat antarabangsa khusus untuk membincangkan tentang 'anak bulan'.

Seminar ini mungkin melibatkan seluruh negara Islam di dunia dan tidak salah kalau Malaysia mengambil inisiatif untuk menjadi tuan rumah. Tambahan pula Malaysia telah menempa kejayaan dengan mengadakan persidangan negara-negara Islam untuk membincangkan isu Palestin. Dan Malaysia tentu tidak dilupai kerana peranannya mengadakan Pertandingan Membaca Al-Quran. Sekiranya ini dapat dilakukan dan satu ketetapan telah dicapai maka akan dapat diatasi masalah penetapan permulaan berpuasa yang berlainan di antara beberapa negeri di Malaysia.

Persidangan Agung UMNO kali ini mungkin pula terjelma dalam bentuk yang lain. Mungkin persidangan tahun ini tidak lagi terdengar suara lantang yang penuh dengan kritikan dan cemuhan. Sebaliknya mungkin ia akan muncul dalam suasana penuh mesra dan puji-pujian ke atas apa yang dibuat oleh para pemimpin. Kalau selama ini para perwakilan telah 'bertegang leher', apalah salahnya pada persidangan kali ini diadakan majlis bersyukur kepada apa yang telah dilakukan.

Apakah kita tidak perlu menyatakan terima kasih kepada Dr. Mahathir dan Dato' Musa Hitam yang telah meletakkan prestasi negara ke tahap bukan sahaja boleh membanggakan rakyat negara ini tetapi juga mendapat penghormatan dunia keseluruhannya. Harus juga disedari bahawa di bawah pimpinan 2M jugalah orang Melayu telah bertambah yakin pada diri sendiri dalam

menjalankan apa jua tindakan. Melalui slogan 'Kepimpinan Melalui Teladan'nya orang Melayu telah nampak mara lebih laju ke hadapan dibandingkan dengan orang Melayu zaman sebelumnya.

Dalam lapangan ekonomi, telah banyak menampakkan kemajuan bukan sahaja secara fizikal tetapi mental juga. Orang Melayu telah mula berani berdikari dan tidak lagi mengharap 'baba' untuk menjalankan satu-satu perniagaan. Perkongsian bukan lagi dengan 'baba' tetapi dengan ahli-ahli keluarga sendiri. Penubuhan Bank Islam dengan cara-cara pentadbiran kewangan yang agak berbeza dengan pentadbiran kewangan bank-bank yang ada, juga merupakan satu detik pembukaan lambaran baru dari segi sejarah institusi kewangan di negara ini.

Penubuhan bank itu adalah penting tetapi yang lebih penting lagi ialah kepercayaan dan keyakinan yang ditunjukkan oleh rakyat terhadap bank itu. Mereka tidak teragak-agak untuk pergi ke bank dan membuka apa jua bentuk akaun simpanan. Kini kerajaan negeri sedang menunggu dengan penuh debar bilakah Bank Islam akan ditubuhkan di tempat mereka.

Bank Islam dan Universiti Islam Antarabangsa adalah saudara kembar yang tarikh kelahiran mereka hampir sama. Hanya sege-lintir manusia yang masih ragu-ragu tentang kebolehan kedua-dua institusi ini dalam memenuhi aspirasi rakyat. Sayangnya se-golongan kecil rakyat yang beragama Islam saja yang mencemuh dan meraguinya. Bagi yang bukan Islam pula tidak hairanlah kalau ada suara menentang kelahiran 'Saudara Kembar' ini kerana mereka tahu dan sedar, kedua-dua 'Saudara Kembar' ini akan memperolehi kemajuan dengan cara yang tersendiri dan besar kemungkinan akan menggugat institusi yang ada.

Kewujudan Universiti Islam dan Bank Islam tentulah tidak dapat dipisahkan dengan Anwar Ibrahim. Walaupun Anwar mendiamkan diri (tidak menonjolkan) namun masyarakat tahu bahawa kewujudan kedua-dua institusi ini, ada kaitan dengannya. Sidang perwakilan UMNO tentu dapat menilai hakikat yang sebenar dan tentulah sukar untuk menggugat kewibawaan Anwar dalam usahanya memimpin Pemuda UMNO.

Walaupun Persidangan Agung UMNO pada kali ini seolah-olah semacam tidak menarik tetapi mungkin akan lebih menarik daripada persidangan-persidangan yang lepas. Jika persidangan lepas, perhatian perwakilan hanya tertumpu kepada

soalan, siapa yang akan menewaskan siapa? dalam perebutan satu-satu jawatan, tapi kali ini sidang perwakilan akan menilai, apakah isu penting yang akan diperdebatkan?

Diges Malaysia Ogos 1983

Taktik Kita Mengusir Penjajah Membanggakan

DULU, pernah dipersoalkan tentang kemerdekaan yang diperolehi oleh Tanah Melayu. Kononnya, kemerdekaan negara kita dihidangkan atas dulang emas. Yakni, kemerdekaan dalam bentuk yang murah, tanpa sebarang perjuangan yang menumpahkan darah.

Lantas terfikir pula apakah setiap kemerdekaan 'tulen' itu mesti diperolehi dari perjuangan tumpah darah? Apakah apabila beribu-ribu rakyat mati dalam peperangan menuntut kemerdekaan maka baru boleh ia dianggap sebagai kemerdekaan tulen? Kalau begitulah keadaannya Negeri Thai yang tidak menumpahkan setitik darah itu pun belum boleh diiktiraf sebagai merdeka.

Tentu pula ada yang menghujahkan Negara Thai memang selama-lamanya merdeka, kerana Negara Thai tidak pernah dijajah Barat. Oleh itu, Negeri Thai masih tetap memegang rekod Asia Tenggara sebagai negara yang tidak pernah berada di bawah ke-tiak penjajah. Thai terselamat dari dijajah.

Sebaliknya, negara Thai pernah menjadi penjajah pada suatu ketika. Di antara negeri-negeri yang pernah dijajah oleh Negara Thai (Siam) ialah Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perak (utara Tanah Melayu). Namun demikian penjajahan Siam itu tidaklah semacam penjajahan kuasa-kuasa Barat ke atas negara-negara tanah jajahannya di Asia Tenggara.

Jikalau dihujahkan, sebenarnya, negara Thai juga pernah dijajah secara tidak langsung. Pemerintah Thai telah mengambil beberapa penasihat Barat untuk menolong pemerintah Thai mentadbirkan negaranya. Dan terlepasnya negara Thai daripada penjajahan Barat adalah kerana kedudukan negara Thai yang begitu rupa: 'tersepit' di antara Burma (kepunyaan Inggeris) dengan Indochina (kepunyaan Perancis).

Kedua-dua kuasa itu (Inggeris dan Perancis) tidak begitu gemar persengketaan berterusan yang boleh menjejaskan tanah jajahan masing-masing. Dan untuk mengelakkan berlakunya pertum-

pahan darah inilah maka kedua-dua kuasa itu bersetuju menjadikan negara Thai bebas dan 'mending' kedua-dua kuasa. Di sinilah pemerintah Thai bebas terselamat dari dijajah.

Berbanding dengan negara-negara lain di Asia Tenggara, bolehlah dikatakan bahawa Siam agak bertuah tidak dijajah secara langsung. Jikalau dilihat lebih kurang 400 tahun negara Filipina menderita dalam penjajahan. Begitu juga Indonesia yang dijajah Belanda lebih kurang dalam tempoh yang sama. Dan juga Burma serta Vietnam.

Dalam usaha negara-negara tersebut mencapai kemerdekaan, dapat dilihat semacam ada persamaan perjuangan pejuang-pejuang Filipina dan Indonesia.

Di Filipina siapa yang boleh melupakan Jose Rizal, Aguinaldo, Mabini, Sergio Osmena, Manuel Quezon, Magsaysay dan seumpamanya. Mereka inilah, di samping beberapa ramai pejuang kebangsaan lain, yang bermatian menentang Sepanyol dan kemudiannya Amerika.

Kalau di Indonesia pula jasa Sukarno, Tjokroaminoto, Hatta, Sharil, dan beberapa pemimpin lain sentiasa disebut apabila memperkatakan usaha ke arah pencapaian kemerdekaan.

Jose Rizal telah menggadaikan nyawanya demi menegakkan kemerdekaan tanah air dan pemimpin-pemimpin lain, sama ada di Filipina atau Indonesia, sentiasa 'berulang-alik' ke kem-kem tahanan.

Di Tanah Melayu juga, pemimpin-pemimpin kita seperti Ibrahim Yaakub, Boestamam dan Dr. Burhanuddin telah berjinak-jinak dengan kem tahanan dan keluar masuk penjara.

Hakikat yang agak sangat berbeza di antara Tanah Melayu dengan Indonesia dan Filipina ialah orang-orang Melayu tidak pernah mengadakan pemberontakan besar-besaran menentang Inggeris, seperti yang berlaku di Indonesia dalam tahun 1926 atau pemberontakan orang Filipina menentang Sepanyol di Cavite pada tahun 1872 ataupun pemberontakan Katipunan 1896.

Di Tanah Melayu tidak ada pertumpahan darah seperti yang berlaku di dua negara berkenaan.

Perjuangan komunis di Tanah Melayu, antara tahun 1948 sehingga 1960, tidak boleh disamakan dengan perjuangan komunis (PKI) di Indonesia (1926) menentang Belanda. Perbezaan

ini amat jelas jika ditinjau dari penglibatan orang Melayu (puterabumi) dalam perjuangan itu.

Namun demikian, agak tidak adil sekiranya mahu dikatakan bahawa perjuangan orang Melayu menuntut kemerdekaan negaranya berada di tahap yang rendah berbanding dengan negara-negara lain di Asia Tenggara. Jikalau Raja Tondo berjuang mati-matian menentang Sepanyol di Filipina dan Sultan Agung menentang Belanda di Mataram, maka Sultan Mahmud Melaka juga berjuang mati-matian menentang Portugis.

Tidak dapat dinafikan bahawa semangat orang Melayu tidak pernah pudar dalam perjuangan menentang penjajahan. Tiga bangsa Barat telah menodai kesucian tanah air kita. Kedudukan Temasik dan Melaka adalah ibarat dara jelita yang sentiasa memikat hati para pemuda. Dan bangsa kitalah yang sentiasa menderita berjuang mempertahankan dara tercinta yang akhirnya ternoda juga.

Entah berapa puluh pejuang kita yang gugur. Negara masih berbangga dengan Tun Fatimah, Datuk Maharajalela, Datuk Bahaman dan Tuk Janggut.

Jikalau Jose Burgos, Mariano Gomez dan Jacinto Zamorna (bangsa Filipina) sanggup menggadaikan nyawa berjuang demi menegakkan maruah bangsa, apakah kematian Datuk Maharajalela dan Tuk Janggut itu boleh dipandang ringan dan bukannya kematian seorang pahlawan?

Dan mungkin dengan kematian beberapa pahlawan bangsa itulah yang menyebabkan pahlawan Melayu kita menukar corak perjuangan dari melawan secara kekerasan berubah kepada taktik diplomasi dan perlembagaan. Sekiranya tidak ada tokoh-tokoh seperti Sultan Idris (Perak) atau Sultan Abu Bakar (Johor) kemungkinan besar Malayan Union diwujudkan lebih awal dari tahun 1946.

Bukankah usaha Frank Swettenham menubuhkan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (1896) itu, langkah pertama ke arah penubuhan Malayan Union? Dan bukannya dengan penubuhan Negeri Melayu Bersekutu itu juga, helah Inggeris untuk menyalpkan kuasa sultan dan pembesar-pembesar Melayu?

Inggeris cuba mengabui mata orang Melayu (khususnya sultan) dengan penubuhan Negeri Melayu Bersekutu yang akan menyalpkan bukan saja kuasa sultan, tapi juga kuasa residen dan

dewan negeri.

Taktik Swettenham itu tidak dapat memperdayakan Sultan Idris (Perak). Dengan lantang beliau mempersoalkan tentang 'kapal yang mempunyai dua nakhoda' itu. Baginda mempersoalkan tentang kedudukan baginda sebagai pemerintah negeri Perak.

Dan, terbukti suara itu dapat mengubah dasar Inggeris. Frank Swettenham, yang ketika itu Residen Jeneral (dan berusaha untuk memusatkan pentadbiran ke Kuala Lumpur), telah 'tersentak' dengan suara garang Sultan Idris. Baginda mahukan Inggeris berbuat sesuatu untuk memulihkan kuasanya.

Berikutan itulah maka dilaksanakan dasar 'desentralisasi' atau pengembalian kuasa. Walaupun kuasa sultan tidak dipulangkan sepenuhnya dalam proses pengembalian kuasa ini, namun, sekurang-kurangnya, Inggeris ternyata ragu-ragu untuk melaksanakan sesuatu tindakan pentadbiran dan teragak-agak dalam menguatkuasakan sesuatu undang-undang.

Pada dasarnya, Inggeris memang tidak mahu memulangkan kuasa sultan. Tetapi disebabkan desakan yang bertubi-tubi, maka terpaksa diusahakan pelaksanaannya (walaupun tidak keseluruhannya). Anderson, Lawrence Guillemard dan Clementi adalah antara pegawai-pegawai Inggeris yang cuba menjadi 'champion' mengendalikan proses pengembalian kuasa, yang pada hakikatnya, hanyalah untuk 'melepaskan batuk di tangga' saja.

Sehingga pecah Perang Dunia Kedua, usaha pengembalian kuasa itu tidak sepenuhnya dijalankan. Dan setelah tamat perang, Inggeris kembali sekali lagi dengan prinsip pegangan 'hidung tak mancung, pipi tersorong-sorong'.

Kali ini kedatangan Inggeris adalah bersendikan semangat penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Inggeris mahu menubuhkan konsep 'Negeri-Negeri Melayu Bersekutu' yang lebih besar, iaitu Malayan Union.

Perhitungan Inggeris terbukti menemui jalan yang lebih buntu. Tentangan yang diterima bukan lagi seperti tentangan orang Melayu terhadap penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Tentangan bukan lagi datangnya dari sultan dan pembesar-pembesar negeri, tetapi rakyat jelata. Pemimpinnya bukan lagi bergelar sultan dan raja, tetapi orang kebanyakan.

Dan lahirlah UMNO, pertubuhan Melayu, yang terus menagih kemerdekaan daripada Inggeris secara aman, tetapi berkesan.

Satu hal yang kadang-kadang kurang disedari ialah perjuangan orang Melayu menuntut kemerdekaan adalah mengikut tempo dan rentak di samping memerhatikan suasana sesuatu zaman. Jikalau zaman berkeris, berlembing maka lembinglah diasah. Dan sekiranya lembing diasah dan senapang musuh yang menunggu, maka berundurlah mereka dulu. Berundur bukan kalah, tapi sekadar bersedia mengatur serangan.

Apabila tempo berubah kepada perjuangan melalui pena, maka pena jugalah senjata orang Melayu menuntut kemerdekaan. Begitulah seterusnya, sehingga pemimpin demi pemimpin datang dan pergi.

Akhirnya, tercapai sudah kemerdekaan. Inilah kebanggaan kita. Kemerdekaan masih bersama kita. Perjuangan kita tidak banyak mengorbankan nyawa dan tidak banyak juga meninggalkan anak-anak yatim dan janda.

Namun demikian maruah kita tetap terpelihara. 'Ular telah pun mati, tetapi kayu tidak patah dan tanah tidak juga lebam.'

Mungkin inilah bentuk perjuangan kita seterusnya?

Berita Minggu 28 Ogos 1983

Masalah Antartika

DR. MAHATHIR Mohamad akan menghujahkan sekali lagi isu Antartika dalam persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang akan datang. Perdana Menteri kita benar-benar mahukan kesejahteraan dan keamanan dunia menjadi kenyataan untuk dikecapi nikmatnya.

Secara kasar dapat dikatakan bahawa kawasan Antartika adalah diluputi oleh salji dan bahan kehidupan yang ada ialah seal, anjing laut dan beberapa jenis ikan yang dapat hidup dalam suasana sedemikian. Kini, ada pula dijumpa bahan-bahan galian emas dan uranium.

Sekiranya masalah Antartika tidak dapat diselesaikan dari sekarang oleh badan dunia itu, kemungkinan timbul masalah yang lebih rumit pada masa akan datang. Lihat sajalah betapa Amerika dan Rusia di samping negara-negara lain seperti Australia, New Zealand, Jepun, Norway dan Argentina berlumba-lumba mendapatkan tempat di Kutub Selatan itu. Ini akan membolehkan juga timbulnya blok penyokong Amerika dan blok penyokong Rusia, misalnya, yang tidak diingini.

Mungkin kesan inilah yang ditakuti oleh Dr. Mahathir. Tetapi, mengapa pemimpin-pemimpin lain di sebelah barat dan timur berdiam atau pura-pura tidak nampak akan bahaya akibatnya?

Sejarah kita membuktikan bahawa kedatangan Portugis dan Belanda ke daerah Nusantara disebabkan 'lambaian' hasil kawasan ini seperti lada hitam dan rempah.

Mereka berlumba-lumba cuba menguasai kawasan ini dan tandatanganilah beberapa perjanjian sesama mereka membahagikan kawasan Nusantara kepada sempadan tertentu, tanpa disedari oleh pemimpin-pemimpin tempatan.

Kegiatan yang dijalankan zaman dahulu seakan-akan serupa dengan tindak tanduk beberapa kuasa yang cuba membahagikan kawasan-kawasan Antartika ini sekarang.

Portugis dan Belanda, terbukti telah menjadikan Kawasan

Nusantara sebagai 'pentas' peperangan mereka dalam kurun ke-16, 17, dan 18. Punca peperangan ialah merebut tanah jajahan dan bahan-bahan mentah.

Banyak negeri di kawasan Nusantara khasnya dan kawasan Asia Tenggara amnya, menjadi mangsa. Bak kata pepatah, 'Gajah sama gajah berperang, pelanduk mati di tengah'.

Dan sebab bahan-bahan lada hitam dan rempah jugalah menyebabkan negeri Melaka jatuh ke tangan Portugis dan kemudiannya diambil alih pula oleh Belanda melalui peperangan yang berakhir pada tahun 1641.

Apakah catatan sejarah Melaka jatuh ke tangan Portugis dan Belanda itu tidak boleh dijadikan teladan sebagai asas untuk menghujahkan isu Antartika? Jikalau tidak mahu contoh hanya bertapak di bumi Semenanjung, Negeri China telah menjadi pentas peperangan orang-orang Barat. Apakah peristiwa 'The Cutting of the Watermelon' di China itu berkemungkinan terjadi juga di kawasan Antartika? Kesan daripada peperangan itulah maka negara-negara Barat membahagikan kawasan tanah di negara China kepada bangsa-bangsa yang terlibat.

Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 atau Perjanjian London telah membahagikan dunia bangsa serumpun kepada dua bentuk pemerintahan. Asas timbul pergaduhan ialah perebutan kawasan tanah jajahan.

Selepas Portugis dan Belanda, datang pula Inggeris, Perancis, Belanda, Sepanyol dan sebagainya. Lihat sajalah Tanah Melayu yang dikuasai Portugis, Belanda dan Inggeris. Indonesia kaku di bawah Belanda dan begitu juga Vietnam di bawah Perancis.

Nampak sangat gelojohnya negara-negara di dunia cuba menerokai kawasan di Antartika. Sifat tamak, mementingkan diri sendiri nampaknya telah menguasai segala sifat baik yang cuba dianuti oleh negara dunia.

Kejujuran negara-negara besar seperti Amerika akan dipersoalkan. Tentulah ramai yang akan mengatakan bahawa Persidangan Utara-Selatan di Cancun pada tahun 1981 itu hanyalah semacam pesta berseronok pemimpin-pemimpin dunia. Bukankah peristiwa itu bertujuan menyelesaikan bentuk bantuan yang harus diberikan oleh negara-negara Utara kepada negara Selatan? Bukankah syor Dr. Mahathir itu boleh dipertimbangkan sebagai syor ke arah bantuan yang boleh diberikan oleh ne-

gara-negara besar kepada negara yang sedang membangun? Mengapakah sehingga kini masih banyak lagi negara maju mem-bisu atas syor dan cadangan itu?

Melihat kepada sikap Amerika dan Rusia kini seolah-olah me-rekalah yang mewarisi sikap Portugis, Sepanyol, Inggeris dalam kurun-kurun yang lampau. Seolah-olah telah timbul idea penja-jahan bentuk baru. Mungkin penaklukan tanah jajahan tidak dapat dijalankan secara meluas, namun hasrat untuk menjajah sesuatu negara lain tetap ada.

Diharapkan dalam persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ini, banyak negara lagi, hendaknya, akan menyokong pendirian tegas Malaysia mengenai masalah Antartika itu. Biar-pun usul itu ditentang oleh negara-negara maju, namun pendiri-an negara-negara ketiga harus ditonjolkan. Sekurang-kurangnya ia dapat memberi gambaran kepada dunia bahawa negara-negara kecillah, sebenarnya, yang selalu memikirkan tentang keselamat-an dan kesejahteraan manusia sejagat.

Berita Minggu 25 Sept. 1983

Jasa Perdana Menteri Malaysia

DENGAN kebijaksanaan pemimpin-pemimpin negara, maka kita telah dapat hidup dengan 'aman, makmur dan bahagia' sehingga kini, setelah 25 tahun mengalami beberapa perjalanan pahit dan manis kemerdekaan negara.

Jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang sedang membangun, khususnya negara-negara di Asia Tenggara, Malaysia dapat dikatakan negara yang sentiasa stabil, aman dari segi ekonomi ataupun politiknya. (Usaha menjadikan negara kita sedemikian, tentulah atas kebijaksanaan pemimpin-pemimpin khususnya keempat-empat Perdana Menteri yang telah mentadbirkan negara ini: Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj, (Allahyarham) Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein, Tun Hussein Onn dan Datuk Sri Dr. Mahathir bin Mohamad.)

(Rakyat Malaysia menghargai jasa kesemua Perdana Menteri ini dan tidak satu pun yang boleh dikatakan lebih baik berbanding dengan yang lain. Kesemuanya mempunyai matlamat memajukan negara, meletakkan bangsa Malaysia ke tahap yang boleh dibanggakan.)

Yang dapat membezakan antara satu PM dengan yang lain ialah keadaan yang wujud pada sesuatu ketika yang dapat mempengaruhi corak pemerintahan mereka. Ataupun yang boleh dikatakan perbezaan ialah tentang ada PM yang lebih bernasib baik dari yang lain.

Sebelum dibincangkan tentang era, atau aspek-aspek tertentu dalam pentadbiran negara sepanjang 25 tahun, elok diperkatakan secara menyeluruh tentang corak pemimpin dan pentadbiran keempat-empat PM.

(Tunku Abdul Rahman mensifatkan dirinya sebagai PM yang sentiasa riang, beruntung dan bernasib baik. / Apa tidaknya, sepanjang lebih kurang dua belas tahun pentadbirannya tidak timbul masalah besar yang menggugat kedudukannya. Kalau ada pun, dapat diselesaikan dengan cara dan 'style'nya sendiri.

Kejayaan Tunku boleh juga dikatakan di atas sumbangan be-

berapa faktor lain. Misalnya, mungkin Tunku bernasib baik kerana mempunyai Timbalan yang sentiasa bekerja kuat membantunya seperti (Allahyarham) Tun Abdul Razak. Ataupun mungkin keadaan masyarakat di negara ini ataupun politik dunia/se-rantau, ketika itu, tidak begitu 'demanding' seperti kini.

Tunku sentiasa disanjung dan dihormati. Dagi segi psikologi, orang Melayu khususnya, terhutang budi kepada Tunku yang telah berjaya mendapatkan kemerdekaan dan membebaskan negara ini dari belenggu penjajahan dan Tunku jugalah yang banyak mendapat gelaran seperti 'Bapak Kemerdekaan', 'Bapak Malaysia' dan sebagainya.

Bagaimanapun, bak kata datuk nenek kita, 'Bumi mana yang tidak ditimpa hujan' dan 'gading mana yang tak retak', maka begitu jugalah dengan pentadbiran Tunku. Peristiwa 13 Mei, dalam masa pentadbiran beliau, telah menjadi titik hitam di atas kain yang putih bersih. Dan ia tidak mudah 'dipadamkan'.

Selepas lebih sedekad berlaku, peristiwa itu masih diperkatakan. Adakah peristiwa itu menjadi satu sempadan dalam perkembangan sejarah Malaysia?

Telah dikatakan bahawa berlakunya peristiwa 13 Mei adalah berpunca dari ketidak-seimbangan pembahagian kekayaan di negara ini.

(Dr. Mahathir, dalam bukunya *The Malay Dilemma*, menyatakan bahawa 'persamaan' itu ialah apabila setiap rakyat bukan sahaja sama dari kaca mata Perlembagaan, tetapi hendaklah juga setiap kaum itu diwakili dalam sektor-sektor perindustrian, pekerjaan dalam pentadbiran kerajaan, peluang mendapat pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi dan sebagainya.

Dalam zaman pentadbiran Tunku Abdul Rahman, bukan tidak ada undang-undang yang bertujuan memajukan orang Melayu, tetapi mungkin disebabkan sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan, perkara ini tidak dijalankan. Timbullah tuduhan-tuduhan, ketika itu, menyatakan orang Melayu lemah dalam perniagaan, orang Melayu lemah dalam mata pelajaran sains dan hisab, orang Melayu lemah itu dan lemah ini.

Dan dalam pentadbiran Tun Abdul Razak iaitu selepas Tunku menyerahkan pimpinannya, barulah usaha ke arah memperseimbangkan ekonomi antara kaum diperkuatkan.

Orang Melayu telah disedarkan tentang hakikat yang sebenar-

nya iaitu mereka bukan malas. Orang Melayu disedarkan tentang kesilapan yang telah dilakukan yang mengakibatkan keadaan jadi sedemikian.

Di samping itu, Kerajaan juga berusaha mencari jalan memulihkan keadaan itu. Oleh itu, timbullah Dasar Ekonomi Baru dan berbagai dasar yang lain.

Sekurang-kurangnya Tun Abdul Razak telah merintis jalan ke arah membuat sesuatu memajukan orang Melayu yang digelar 'Bumiputera' itu. Cuma, yang agak mendukacitakan pada masa itu, masih ada juga yang cuba menyelewengkan dasar yang dibuat oleh Tun Abdul Razak itu.

Diperhatikan, usaha ke arah penyelewengan masih berterusan hingga ke zaman pentadbiran Tun Hussein Onn. Walaupun ada usaha untuk 'combat' perbuatan terkutuk itu, namun penghapusannya susah dicapai. Seratus usaha dijalankan Kerajaan, seribu usaha pula diikhtiar mengelakkannya.

Tetapi, apabila sampai ke zaman pentadbiran Dr. Mahathir, nampaknya, hampir semua 'lubang telah tertutup'. Dr. M yang mengharungi zaman Tun Abdul Razak dan Tun Hussein, mungkin telah teliti memerhatikan keadaan ini.

Mungkin beliau telah dapat mengesan 'barah' yang perlu di-bedah.

(Tidak hairanlah kalau pada 7 September, 1981, selepas sahaja Dr. M memegang tampuk pemerintahan negara, Permodalan Nasional Berhad berjaya mengambil-alih pengawalan Syarikat Gurthrie—syarikat kepunyaan Inggeris yang mempunyai ladang getah yang luas dan mempunyai kepentingan di Malaysia)

(Pada 29 September, 1981 pula, Syarikat Dunlop, yang mempunyai 58,000 ekar ladang di Malaysia, juga diletakkan di bawah pengawalan Malaysia selepas ditandatangani perjanjian di Zurich antara Dunlop Holdings dengan Multi Purpose Holdings dan Pegi-Malaysia.)

(Dan selepas itu pula, pada 2 Oktober, 1981, Dr. M melancarkan dasar 'Buy British Last' iaitu dasar yang cuba mengelakkan membeli barang-barang dari England sekiranya ada barang dari negara lain (terutamanya Jepun dan Korea) yang lebih murah dan bernilai.)

Dari tindakan Dr. M itu seolah-olah yang menjadi petualang menggagalkan beberapa rancangan Kerajaan memajukan orang

Melayu ialah Inggeris. Seolah-olah Inggeris sakit hati benar melihat kemajuan Malaysia. Dan mungkin kehendak hati Inggeris, biar negara ini porak peranda setelah tampuk pemerintahan dipindahkan pada orang Melayu.

Dr. M dalam *The Malay Dilemma*nya terang-terang mengakui bahawa Inggeris bukan sahaja telah memisahkan orang Cina dengan Melayu, tetapi juga telah memisahkan orang Melayu Bandar dengan orang Melayu Desa. Dan Inggerislah yang memutuskan hubungan orang Melayu bandar dengan orang Melayu desa.

Inggeris telah nampak dan sedar bahawa orang Cina telah memasuki lapangan perniagaan yang dulunya dimonopoli oleh orang Melayu. Dan Inggeris bukannya cuba mengubati penyakit itu, tetapi membunuh langsung minat orang Melayu dengan membawa masuk lebih ramai orang Cina mengerjakan lombong bijih dan jenis perniagaan lain.

Dr. M terlalu kurang menyalahkan orang Cina dan India dalam soal kemunduran Melayu. Bagaimanapun orang Cina dan India hendaklah sedar hakikat sejarah dan hasrat Kerajaan untuk menaikkan taraf ekonomi Melayu selaras dengan pencapaian kaum-kaum lain di Malaysia.

Dan Dr. M telah mengatakan bahawa soal memajukan orang Melayu terletak pada keikhlasan dan kesanggupan orang-orang bukan Melayu memahami hasrat Kerajaan itu. Sekiranya ini belum dapat difahami, maka masalah Melayu akan berterusan.

Satu lagi aspek yang menjadi penyakit masyarakat dan yang cuba dibanteras semenjak zaman Tunku Abdul Rahman lagi ialah rasuah.

Pentadbiran Tunku Abdul Rahman bukan tidak berjaya dalam hal ini. Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah menangkap Datuk Sri Ahmad bin Said, Menteri Besar Perak, yang dikatakan terlibat dalam rasuah. Apabila mahkamah mendapati Datuk dari Perak itu bersalah, maka beliau telah 'dinasihatkan' agar meletakkan jawatannya.

Walaupun ada tangkapan dibuat dalam masa Tun Abdul Razak, namun ia tidaklah seperti era Datuk Harun Hashim itu.

'Peperangan Rasuah' zaman Datuk (kini Tun) Hussein Onn diketuai oleh 'panglima perang' Hassan Ibrahim dilantik menjadi Ketua Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan, seolah-olah

sama dengan zaman 'peperangan rasuah' pimpinan Datuk Harun Hashim. Dan kerajaan juga menaikkan pangkat Datuk Hassan Ibrahim kerana jasanya yang cemerlang. Beliau kini bertugas di Bahagian Pencegah.

Dan apabila 2M memegang tampuk Kerajaan, muncul pula seorang panglima perang, Tan Sri Ahmad Nordin. Pernah beliau dituduh sebagai anasir subversif oleh Tan Sri Othman Saat, Menteri Besar Johor ketika itu, kerana menegur sikap Kerajaan Johor membazir wang yang begitu banyak. Banyak jabatan kerajaan lain yang masuk perangkap 'Auditor General' yang menyebabkan ketua-ketua jabatan terpaksa berhati-hati menguruskan akaun mereka.

Untuk menepati konsep Bersih, Cekap, Amanah, pentadbiran 2M telah bergerak setapak lagi dengan menukar nama biro Siasatan Negara (BSN) ke Badan Pencegah Rasuah (BPR).

Dan, setakat ini, terbukti bahawa tindakan BPR memang bergerak menepati konsep Bersih, Cekap dan Amanah.

Tidak pernah didengar, sebelum ini, BPR sanggup membatalkan majlis jamuan yang bernilai beribu-ribu ringgit dan tidak juga pernah didengar sebelum ini supermarket mengalami kerosotan penjualan hamper menjelang hari-hari perayaan dan tidak juga pernah didengar sebelum ini BPR masuk campur dalam urusan penjualan/pembelian tanah kerajaan kepada pegawai-pegawai tinggi kerajaan dan ahli-ahli politik yang berpengaruh. Dan tidak juga kita dengar, sebelum ini, Perdana Menteri mengadakan majlis perkahwinan anaknya secara paling sederhana dan paling kurang publisiti.

Tetapi, ini semua berlaku dalam pentadbiran 2M.

Datuk Sri Dr. Mahathir agak kurang bernasib baik, jika ditinjau dari keadaan ekonomi dunia, dalam masa pemerintahannya. Mungkin juga Tun Abdul Razak mengalami nasib yang sama sehinggalah Tun Razak terpaksa beberapa ketika, membekukan pekerjaan. Kenaikan Dr. M bertepatan dengan kemelesetan yang menimpa seluruh dunia. Jadi, pentadbiran 2M terpaksa mengambil beberapa langkah mengatasi keadaan ini.

Antara langkah yang dijalankan oleh 2M ialah berjimat cermat yang melibatkan beberapa aspek. Ia mendatangkan kebaikan. Apa tidaknya. Sebelum Kerajaan membekukan pinjaman perumahan, pinjaman kereta, harga rumah di pasaran melam-

bung. Dan begitu juga harga kereta.

Tetapi, setelah adanya pembekuan itu, ternampak kejatuhan harganya. Jadi, jelas kenaikan harga rumah dulu adalah sengaja dinaikkan oleh pemaju-pemaju perumahan untuk mengaut untung besar. Dirasakan, di sinilah terperangkapnya pemaju-pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab.

Dan pasti, selepas itu, 2M akan pintar bertindak mengatasi masalah ini.

Berkaitan dasar luar Malaysia, sebuah majalah tanahair telah menyebutkan tentang empat peristiwa penting yang mematang dan meningkatkan peranan Malaysia dalam dunia politik antara-bangsa:

1) Kejayaan Malaysia menghadapi konfrontasi Indonesia pimpinan Presiden Sukarno (1963-65).

2) Kejayaan Malaysia yang diwakili oleh Tan Sri Ghazali Shafie dan Encik Ramani, mematahkan hujah tuntutan Filipina terhadap Sabah, yang termasuk dalam gugusan Persekutuan Malaysia.

3) Tun Abdul Razak telah berjaya membentuk pakatan setengah dari negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) yang sehingga kini masih lagi bergerak dan berperanan sangat penting dalam arena politik kawasan ini khususnya dan dunia amnya.

4) Penglibatan Malaysia yang aktif dalam perkembangan politik negara-negara Islam. Dalam masa pentadbiran Dr. M, penglibatan ini masih diteruskan, malah semakin diperluaskan. Malaysia mengikuti setiap detik perkembangan yang berlaku di Lubnan, berkaitan dengan perang Arab Israel.

Berhubung dengan kejatuhan kerajaan Saigon dan Phnom Penh ke tangan komunis Vietnam pada Mei 1975, berbagai usaha telah dijalankan untuk mengelakkan ancaman keselamatan negara kita khususnya dan negara ASEAN yang lain.

Sehingga Julai lepas, iaitu dalam masa pentadbiran 2M, baru timbul usaha penyelesaian iaitu dengan penubuhan Persekutuan Republik Kampuchea. Walaupun usaha ini adalah usaha ASEAN, namun dengan peranan Tan Sri Ghazali Shafie, ditambah pula dengan penandatanganinya dilakukan di Rumah Malaysia, Kuala Lumpur, telah menjadikan satu lagi detik sejarah dalam khazanah perkembangan politik di Malaysia.

Sebagai kesimpulan, dapat dikatakan bahawa sepanjang dua

puluh lima tahun negara kita Merdeka, berbagai cabaran telah kita hadapi dan atasi. Adakalanya Perdana Menteri terpaksa menghadapi saat genting dan kalau tidak disebabkan kebijaksanaan dan kepintaran pemimpin, besar kemungkinan negara boleh hancur. Kekacauan 13 Mei, misalnya, sudah menampakkan bahaya yang betul-betul mengancam. Tetapi, dengan kebijaksanaan Tun Abdul Razak, negara dapat pulih aman sediakala.

Pada masa Tun Hussein Onn telah berlaku juga kekacauan di Kelantan. Yakni, timbulnya kumpulan dalam Dewan Negeri Kelantan menentang kepimpinan Datuk Mohd. Nasir selaku Menteri Besar. Kekacauan itu juga berjaya diselesaikan. Dan berikutan itulah PAS keluar dari Barisan Nasional, yang diasaskan oleh Tun Abdul Razak.

Keistimewaan yang perlu dipuji bukan sahaja oleh rakyat negara ini, malah ada pemimpin dunia yang mengaguminya, ialah kebijaksanaan pemimpin dalam UMNO, parti yang memerintah.

UMNO bukan tidak pernah berkekrisis. Semenjak zaman Tunku Abdul Rahman, Aziz Ishak yang ketika itu menjadi Menteri Pertanian telah bercanggah atas soal prinsip dengan Tunku Abdul Rahman yang menyebabkan Encik Aziz Ishak meletakkan jawatan sebagai Menteri.

Begitu juga Tun Dr. Ismail pernah meletakkan jawatan sebagai Menteri dalam Kabinet Tunku. Dan Dr. Mahathir juga pernah diambil tindakan oleh pucuk pimpinan UMNO.

Namun demikian, UMNO sebagai satu institusi, tetap kukuh.

Zaman pentadbiran Tun Abdul Razak dapat dikatakan zaman yang paling kurang berlaku pergeseran dalam parti. Kebijaksanaan Tun Razak memimpin negara sentiasa mendapat pujian kawan dan lawan. Bukan sahaja Tun dapat menyatukan ahli dalam partinya, tetapi beliau juga dapat menyatukan beberapa parti (yang sebelumnya parti pembangkang) ke dalam Barisan Nasional yang masih kekal hingga hari ini.

Jasa Tun tidak dapat dinilai. Cukup kalau dikatakan Tun Razaklah yang telah menemukan semula saudara dua serumpun apabila beliau bersama Tun Adam Malik berjaya menyelesaikan konfrontasi Indonesia. Kematian Tun Razak secara mengejut menyebabkan Tun Hussein Onn, terpaksa mengambil alih pucuk pimpinan.

Dalam masa pentadbiran Tun Hussein, perkara yang menjadi duri dalam daging ialah kisah Datuk Harun Idris. Masalah ini terus hidup sepanjang zaman pentadbirannya. Berpunca dari masalah itu jugalah, agaknya, Tun Hussein terpaksa memecahkan rekod sebagai Presiden UMNO yang mula-mula sekali dicabar oleh Haji Sulaiman Palestin. Dan dalam eranya jugalah, tertangkapnya dua menteri, Abdullah Ahmad dan Abdullah Majid, kerana terlibat dengan kegiatan komunis.

Dalam hubungan ini juga, apabila Dr. Mahathir mula-mula mentadbirkan negara, Sidek Ghaus, Setiausaha Politik Dr. M, ditangkap atas dasar terlibat dengan kegiatan-kegiatan komunis.

Rakyat merasakan bahawa zaman 2M inilah, zaman yang penuh dengan penentuan. Pemimpin setegas dan seberani 2M ini tentunya mendapat sanjungan rakyat.

Berita Minggu 29 Ogos 1982

SOSIAL

Elit Melayu seperti Kain Sehelai

DI DALAM keadaan negara yang sedang membangun ini elit atau golongan bijak pandai Melayu boleh diibaratkan seperti kain sehelai. Di atas tak mencukupi dan di bawah tak kesempai-an. Dalam semua aspek dan lapangan kehadiran mereka diperlukan.

Mungkin pengalaman sebegini bukan sahaja berlaku ke atas negara kita tetapi juga bagi setiap negara yang baru terlepas dari cengkaman penjajahan. Tetapi yang jelas menghadapi masalah sebegini adalah negara-negara di Asia Tenggara atau khususnya negara-negara ASEAN.

Di Malaysia selepas sahaja kita mencapai kemerdekaan, telah diketemukan dengan masalah mencari pegawai-pegawai pentadbir Melayu yang mencukupi untuk mengisi kekosongan jawatan pentadbiran yang dikosongkan oleh pegawai-pegawai British. Agak lama juga negara mengalami 'kemarau' itu. Pada ketika itu negara bukan sahaja mengalami kekurangan pegawai tadbir yang terlatih malah kita juga memerlukan ribuan guru siswazah untuk mengajar di sekolah-sekolah menengah, ribuan para doktor, jurutera dan lain-lain.

(Berbagai langkah telah dijalankan oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah itu. Universiti Malaya adalah merupakan satu-satunya kilang yang dapat memproses demi untuk keperluan negara itu. Dari Universiti Malayalah dihasilkan siswazah-siswazah untuk mengisi jawatan pentadbiran, guru, para doktor dan jurutera di samping ratusan lain yang dilatih di luar negeri.)

Di satu peringkat negara telah diketemukan dengan berbagai masalah iaitu kekurangan anak Melayu yang berkelayakan. Sebagai contoh, terlalu sedikit bilangan anak Melayu yang 'survive' jika mereka mengikuti kursus di Fakulti Sains dan Kejuruteraan di Universiti Malaya. Jadi negara sentiasa mengharapkan golongan profesional ini tetapi bilangan mereka yang lulus tidak dapat memenuhi kehendak negara yang berkembang.

Agak hairan juga tentang mengapa begitu ramai pelajar Me-

layu yang mengikuti kursus kejuruteraan di Universiti Malaya terkandas di tengah jalan sedangkan mereka telah memenuhi syarat untuk mengikuti kursus sedemikian. Lagipun, jika dibandingkan dengan rakan-rakan mereka yang mengikuti kursus yang sama di universiti-universiti seberang laut, kejayaan rakan-rakan mereka lebih membanggakan.

Sehinggalah tertubuhnya Fakulti Perubatan di Universiti Kebangsaan, negara mengalami kekurangan doktor Melayu yang agak runcing. Sehingga kini kita masih lagi mengalami keadaan sedemikian tetapi masalah itu tidaklah seburuk sepertimana yang dihadapi beberapa tahun yang lampau.

Sciring dengan keperluan untuk menambah bilangan pegawai tadbir dan profesional, negara juga beberapa tahun yang lampau sedang bergiat untuk menggalakkan orang Melayu atau Bumi-putra menceburkan diri dalam lapangan perniagaan. Tambahan pula dengan wujudnya Dasar Ekonomi Baru telah menampakkan sebagai satu gesaan agar orang Melayu bergiat dalam perniagaan. Soalnya orang Melayu yang macam mana yang akan menceburkan diri dalam perniagaan.

Pada masa itulah zaman kita sering mendengar cerita kegagalan orang Melayu dalam perniagaan. Jarang-jarang sangat kita mendengar orang Melayu yang berjaya. Jikalau pun ada, adalah disebabkan perniagaan Ali Baba. Orang Melayu hanyalah sebagai 'sleeping partner'. Orang Melayu berpuas hati dengan melihat namanya terpampang di dinding-dinding lori sedangkan yang makan 'isi' ialah orang lain. Mereka agak berpuas hati dengan hanya sekadar menghirup kuah sahaja.

Bidang perniagaan cara begini telah dimonopoli oleh tokoh-tokoh politik ataupun orang yang rapat dengan parti politik pemerintah. Mereka tidak menjalankan perniagaan itu tetapi menyerahkan kepada tauke-tauke Cina. Tokoh-tokoh politik itu kaya juga akhirnya tetapi tauke Cina yang 'ber Ali Baba' dengannya menjadi kaya sepuluh kali ganda daripadanya.

Era Mahathir telah menukarkan keadaan ini. Walaupun masih ada konsep Ali Baba tetapi si Ali bukan lagi 'sleeping partner' tetapi Si Ali telah bertukar menjadi 'consultant'. Si Ali telah berbangga dengan kejayaannya kerana kejayaan yang dicapai adalah hasil usahanya sendiri dan bukan atas daya usaha orang lain.

(Kejayaan orang Melayu di bidang perniagaan dalam zaman Mahathir adalah disebabkan orang Melayu yang berkecimpung dalam perniagaan itu adalah orang berilmu. Mereka tahu selok belok lapangan yang dimasuki oleh mereka. Kebanyakan mereka telah menempuh dan menghadiri kursus perniagaan.)

(Berbanding dengan zaman sebelumnya, orang Melayu yang menceburkan diri dalam perniagaan itu tidak bersedia dengan kelengkapan yang secukupnya. Lantas mereka tertipu ataupun tertewas apabila bertemu dengan beberapa gergasi yang semanganya sudah mantap dalam bidang yang diceburinya. Akhirnya mereka gagal.) Tetapi oleh kerana mereka 'pandai makan dan pandai simpan', maka cerita kegagalan golongan ini tidak banyak dihebohkan. Kebetulan pula zaman itu tidak suka menghebohkan keburukan.

(Kebanyakan pengusaha yang berjaya kini adalah pada asalnya pegawai-pegawai Kerajaan. Mereka telah berhenti bekerja dengan kerajaan dan menjalankan perniagaan sendiri. Mereka adalah berilmu. Kini perniagaan yang diceburi oleh mereka telah menjadi teguh dan berjaya.)

(Dalam hal ini sekali lagi orang Melayu berada di persimpangan yang penuh dengan dilema. Apa tidaknya. Negara memerlukan golongan profesional ini untuk berkhidmat dengan kerajaan kerana sumbangan mereka sangat-sangat diperlukan untuk pembinaan negara.) Dan telah terbukti pula jika golongan ini pula menceburkan diri dalam perniagaan maka mereka akan berjaya. (Ini juga diperlukan oleh kerajaan bagi menaikkan imej orang Melayu dalam bidang perniagaan.)

(Jadi golongan elit Melayu telah menjadi seperti kain sehelai. Mereka diperlukan di mana-mana. Memang tepat pepatah Melayu yang menyatakan jika dari benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau....)

(Dalam keadaan negara kini satu trend yang sedang berlegar di kalangan masyarakat Melayu kini ialah penumpuan ke bidang perniagaan.) Ramai pegawai-pegawai Kerajaan yang meletakkan jawatan untuk menjalankan perniagaan sendiri. Dan ramai yang berjaya diukur daripada 'perhiasan' diri mereka. Jikalau dulu tinggal di rumah kembar dua tingkat tetapi telah berpindah ke rumah banglo. Kalau dulu hanya memandu sebuah 'Volvo' yang separuh umur tetapi kini sudah memandu BMW dan entah ber-

apa buah kereta lagi.

(Kesemua ini dicapai dalam era Mahathir. Dr. Mahathir telah berjaya menanamkan berbagai semangat dan insentif di dalam sanubari rakyat Malaysia keturunan Melayu. Melalui 'Kepimpinan Melalui Teladan'nya beliau telah meneroka sendiri ke dalam bidang yang dulunya hanya diterokai oleh orang lain. Beliaulah yang telah menyemaikan semangat yakin diri kepada orang Melayu yang masih takut-takut menempuh cabaran.)

Persediaan untuk menjadi seorang ahli perniagaan memang telah disediakan oleh Tun Abdul Razak lagi. Terdirinya Institut Teknologi Mara adalah usaha yang bergerak ke arah itu. Dan kini entah berapa ribu pemegang diploma dari ITM, yang sedang menjalankan berbagai perniagaan.

(Bukanlah bererti zaman sebelum Mahathir, orang Melayu tidak mempunyai semangat yakin diri dalam lapangan perniagaan. Ada juga orang Melayu yang telah menjadi kaya raya. Tetapi yang perlu diperjelaskan ialah (era Mahathir ini adalah merupakan 'turning point'. Tambahan pula apabila diwujudkan konsep 'privatization' yang betul-betul memberikan peluang pada orang Melayu untuk bergiat dalam perniagaan.)

Sepuluh tahun yang lampau, ramai yang mempersoalkan sama ada matlamat Dasar Ekonomi Baru dapat dicapai apabila tiba masanya kelak. Dan ramai yang mempersendakan usaha kerajaan itu. Kini dengan beberapa langkah dan strategi kerajaan yang sedang bergerak ke arah itu—seolah-olah merupakan satu usaha untuk membuktikan kepada pembangkang bahawa DEB akan dicapai apabila tiba masanya—Insyaallah.

Universiti Islam Antarabangsa

UNIVERSITI Islam (UI) pasti menjadi kenyataan.

Walaupun hasrat penubuhannya diumumkan menjelang pilihanraya umum baru lalu, dia bukannya isu politik. Ia sebenarnya kebetulan dengan ketika pilihanraya diadakan.

Isu UI adalah besar yang melibatkan soal-soal antarabangsa. Ini tidak pula bererti bahawa penubuhan dan penyelenggaraannya adalah di luar kemampuan Malaysia. Dan, tidak juga akan timbul penentangan dari rakyat negara ini, kerana UI bukan khas untuk orang Melayu.

Hasrat penubuhan UI bukanlah baru. Telah lama difikirkan bahawa universiti serupa itu sangat perlu bagi negara ini dan juga boleh dilaksanakan. Telah lama juga diperdebatkan oleh sama ada bijak-bijak pandai di universiti, kolej atau persatuan guru-guru bahawa UI wajar didirikan.

Entah berapa kongres telah diadakan, dan entah berapa puluh kertaskerja dibahaskan mengenai ini. Kita tidak tahu entah berapa memorandum berkaitan dengan UI ini pula dihantar oleh pihak tertentu dalam Kerajaan, sebelum Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri.

Tidak berapa lama selepas beliau memegang tampuk pentadbiran negara, Dr. M terus mengumumkan penubuhan UI. Di sini-lah letaknya kehebatan Dr. M, Perdana Menteri Malaysia, yang mencipta banyak rekod pertama.

Bertambah tinggi lagi penghargaan rakyat terhadap Dr. M apabila Sdr Anwar Ibrahim (kini Yang Berhormat), dengan rela hati menyertai UMNO.

Saudara Anwar, sebagaimana dimaklum, adalah antara 'panglima' barisan hadapan yang berjuang untuk melahirkan UI itu. Malah, penubuhan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) itu juga berkait rapat dengan isu dan hasrat menubuhkan UI. Mungkin tidak salah agaknya kalau dikatakan bahawa ketegasan Dr. M dalam soal penubuhan UI inilah menyebabkan Saudara Anwar 'terpaksa' berganding bahu dengan Dr. M.

Telah dijelaskan awal tadi, bahawa hasrat penubuhan UI memang lama diperjuangkan, malah Allahyarham Dr. Ungku Umar pernah berpendapat perlunya UI ditubuhkan. Saranannya terkandung dalam kertaskerja 'Konsep Universiti Islam' yang dibentangkannya di 'Seminar Peradaban Islam' anjuran Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia di Kolej Islam Malaya, Kelang pada tahun 1967.

Dalam kertaskerja itu, Dr. Ungku Umar menonjolkan tentang betapa pentingnya UI ditubuhkan, selewat-lewatnya pada tahun 1970. Sayangnya, kalaulah diizinkan Allah, tegaklah UI itu satu hari nanti, tidaklah dapat dilihat oleh Allahyarham.

Berdasarkan kertas itulah Saudara Anwar Ibrahim, ketika itu Yang Dipertua PKPIM, telah menulis surat kepada Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, bertarikh 23 September, 1970 untuk menarik perhatian beliau tentang penubuhan UI. Tetapi, rancangan itu tidak menelurkan sebarang hasil, sehinggalah pengumuman Dr. M baru-baru ini.

Dalam tahun 1966, di kongres anjuran PKPIM, juga di Universiti Malaya, isu penubuhan UI dibangkitkan. Kongres memutuskan mendesak agar penubuhan UI dilaksanakan segera.

Kongres Pelajar-pelajar dan Guru-guru Agama yang berlangsung di Kolej Islam Malaya di Kelang pada tahun 1965, juga berhasrat agar Kolej Islam Malaya dijadikan asas kepada penubuhan Universiti Islam. Begitu juga Kongres Pendidikan Islam, pada tahun 1968 yang mencadangkan perkara yang sama.

Bukanlah tidak ada langsung usaha Kerajaan sebelum Dr. M itu. Ada ternampak tanda-tanda yang Kerajaan berminat, tetapi mungkin disebabkan perkara-perkara tertentu, hal itu didiamkan buat sementara waktu.

Pada 25 April, 1969, iaitu menjelang pilihanraya umum 1969, Encik Mohamad Khir Johari, selaku Menteri Pelajaran Malaysia, telah berucap:

"Saya berpendapat bahawa pada tahun 1970 kelak, serentak dengan penubuhan Universiti Kebangsaan, sudahlah tiba masanya bagi Kolej Islam dinaikkan tarafnya menjadi Kolej Universiti dan dijadikan pusat yang tertinggi sekali untuk pengajian Islam."

Malangnya, cadangan itu tidak dilaksanakan. Pengumuman yang dibuat oleh Dr. M itu adalah juga secara kebetulan dibuat

menjelang pilihanraya umum. Kita yakin bahawa pengumuman kali ini adalah pengumuman yang berisi.

Pemimpin-pemimpin negara dewasa ini, khususnya 2M, sudah betul-betul yakin yang UI akan dilaksanakan secepat mungkin. Tentulah agaknya pemimpin yang 'committed' dewasa ini tidak lagi mahu 'pisang berbuah dua kali'.

Memandangkan berpuluh-puluh kongres telah diadakan, puluhan kertaskerja dibentangkan, isu UI bukan isu yang remeh. Isu ini adalah isu yang timbul dari 'conscience' rakyat. Rakyat yang beragama Islam khususnya, sentiasa mendoakan agar UI dapat ditubuhkan segera.

Ini juga semacam 'gesture' betapa rakyat Malaysia, yang sebilangan besarnya berbangsa Melayu, beragama Islam, sedar tentang keperluan universiti berasaskan Islam demi kemajuan pelajaran dan pemikiran umat Islam negara ini dan tidak pula bermakna dengan tegaknya UI itu nanti, universiti kita yang lain akan dianaktirikan.

Ramai juga bijak pandai negara ini yang berpendapat bahawa penubuhan UI menjadi jawapan kepada penyelesaian masalah menahan landaan gelombang kebudayaan Barat. Tidak mungkin seseorang itu dapat menentang, sekiranya tidak memperkuatkan diri terlebih dahulu.

Oleh itu, bagi menahan kemaraan kebudayaan Barat yang cuba mengancam kebudayaan Islam ialah dengan membendung kemaraan ini, dengan memajukan cara berfikir umat Islam. Ini boleh dilakukan dengan mempertingkatkan pelajaran dalam bidang agama Islam.

Nampaknya pada saat-saat akhir ini, telah terbukti bahawa Islam atau keteguhan prinsip-prinsip Islam dapat bertahan atau menolak langsung kemaraan kebudayaan Barat. Berdasarkan petanda-petanda yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar Islam, sama ada di dalam atau luar negeri, jelas menampakkan tentang betapa perlunya ditubuhkan UI.

Perlakuan pelajar-pelajar di akhir-akhir ini menonjolkan 'trend' baru. Ramai pelajar Melayu yang sedar dan lantak condong kepada prinsip-prinsip Islam dalam tindak-tanduk harian mereka. Misalnya, di kebanyakan universiti atau pusat pengajian tinggi negara ini, perkara munkar seperti mengadakan majlis tari-menari dengan arak yang mengalir bebas kurang kedengaran

sekarang.

Begitulah juga dengan amalan 'ragging', kebudayaan yang bukan kebudayaan datuk nenek kita itu, sudah berkurangan. Sebaliknya, bagi memenuhi minggu orientasi, diadakan ceramah-ceramah yang kebanyakannya berunsur keislaman.

Kecondongan menghayati prinsip-prinsip Islam ini amat ketara di kalangan pelajar-pelajar perempuan. Dulu, agak susah melihat pelajar-pelajar perempuan bertudung kepala, kecuali pelajar-pelajar sekolah agama di desa. Tetapi, keadaan sedemikian menjadi 'fenomena' di pusat-pusat pengajian tinggi dan telah juga menular ke sekolah-sekolah menengah. Ini adalah kesedaran umat Islam tentang batas-batas 'halal-haram', dan diharapkan kesedaran ini akan terus berlanjutan sehingga tahap penghayatan prinsip-prinsip Islam.

Daripada petanda ini dan contoh-contoh yang lain, dengan sendirinya meminta persoalan itu segera dijawab. Dan tentunya penubuhan UI adalah jawapannya.

Para sarjana mahu menunjukkan kepada yang bukan Islam satu 'din' dan dengan tertubuhnya UI itu nanti, tidaklah semata-mata mengkaji tentang selok-belok agama sahaja, malah akan ada juga kajian-kajian mengenai sejarah, ekonomi, perubatan, dan sebagainya. Perbezaannya dengan universiti lain di tanahair kita ialah dari segi 'emphasis'. Segala pelajaran yang dikaji akan dijalinkan dengan asas-asas Islam agar dapat dimengertikan bahawa Islam bukanlah agama untuk semata-mata menjadi ustaz, tetapi adalah jalinan antara dunia dan akhirat.

Kita tidak dapat tepat mengetahui apakah bentuk dan rupanya UI yang bakal ditubuhkan. Penubuhannya masih dalam perancangan. Dan baru-baru ini, pernah Saudara Anwar Ibrahim menyeru agar cerdik pandai Islam, terutama dalam PAS tampil memberikan fikiran yang konstruktif ke arah penubuhan universiti ini. Tentulah Kerajaan 2M tidak akan menolak syor-syor yang bernas walau datang dari ahli parti pembangkang.

Yang jelas, agaknya, ialah UI tentu tidak akan menghasilkan graduan untuk semata-mata jadi 'ustaz'. Negara kita tentu akan berbangga apabila akan lahir jurutera-jurutera, pendidik-pendidik, pakar-pakar ekonomi yang segala tindakan profesional mereka berasaskan Islam. Ini bukan khayalan. Sejarah telah membuktikan bahawa Islam boleh dijadikan asas kepada perkem-

bangun ilmu pengetahuan, walau dalam bidang apa sekalipun.

Dalam kurun ke-12 dan 13 Maschi, sains dan teknologi Islam tidak dapat ditandingi oleh sebarang pihak pun. Negara-negara Islam, ketika itu, amat dihormati dan disegani musuh dan kawan, malah menjadi inspirasi kepada negara-negara bukan Islam di Eropah untuk mencontohi kejayaan yang telah dicapai oleh dunia Islam di bidang sains dan teknologi.

UI mungkin akan dapat memberikan penjelasan, dengan menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang agung. Dan UI juga diharap akan membuktikan tentang sumbangan Islam yang dinyatakan tadi. Sejarah tidak juga melupakan bahawa peradaban Islam dapat dikatakan sebagai termoden.

Bukit Frazer akan menjadi terkenal di seluruh dunia apabila UI ditubuhkan di situ nanti. Kebetulan pula UI adalah bersifat 'international'. Negara-negara Arab telah pun menjamin bahawa mereka akan membantu pelaksanaannya, sama ada dari segi kewangan ataupun bantuan-bantuan lain.

Disebabkan tarafnya yang bersifat antarabangsa, tentulah, agaknya, tidak terikat dengan dasar kebangsaan kita. Tambahan pula ada ura-ura mengatakan bahawa bahasa pengantarnya ialah bahasa Inggeris dan Arab. Bahasa Malaysia hanya digunakan dalam urusan-urusan pentadbiran.

Walaupun banyak masalah yang dihadapi dan harus diselesaikan, namun Kerajaan telah mengambil langkah positif ke arah penubuhannya. Seolah-olah menyatakan 'sekali melangkah, menubuhkan jawatankuasa peringkat antarabangsa bagi menyelaraskan rancangan raksasa ini, akan terus melangkah'.

(Tidak dapat dipastikan sama ada masyarakat Malaysia sedar atau tidak bahawa Dr. M telah mengambil langkah merintis jalan ke arah penubuhan UI enam tahun kebelakangan, iaitu pada tahun 1976. Dr. M pernah menyatakan:

"Sebagai langkah baru Kerajaan untuk menyelaraskan sistem pelajaran agama dan bahasa Arab di sekolah-sekolah dan menyesuaikan sistem pelajarannya dengan Sistem Pelajaran Kebangsaan, saya suka mengumumkan di sini bahawa Kerajaan Persekutuan telah bersetuju membenarkan Kementerian Pelajaran mengambil alih sebuah sekolah agama dari setiap negeri, mulai Januari, 1976. Langkah ini bertujuan meningkatkan mutu pelajaran di sekolah-sekolah tersebut dan meluaskan peluang kepada

penuntut-penuntut yang menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi dan mendapat pekerjaan.

Hasrat Dr. M bagi Kementerian Pelajaran mengambil alih sekolah-sekolah agama telah mendapat persetujuan kerajaan negeri, terutama Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu. Sekalipun sekolah-sekolah itu telah diambil alih dan akan menjadi sekolah menengah bantuan kerajaan, seperti sekolah-sekolah lain, tetapi ia akan memelihara keperibadiannya sebagai institusi pelajaran khas untuk menampung pelajar-pelajar yang ingin belajar agama dan bahasa dengan lebih mendalam.

Mungkin Dr. M telah sedar beberapa lama dulu bahawa penuntut-penuntut sekolah agama mendapat peluang yang agak sempit dalam bidang pelajaran dan melanjutkan pelajaran tinggi. Peluang pekerjaan dan menyambung pelajaran tinggi, kepada mereka, hanya terhad kepada bidang keagamaan sahaja, sehingga perkara ini menjadi masalah sosial dan menghalang mereka untuk mendapatkan pekerjaan.

Kesimpulannya, dengan tertubuhnya UI ini nanti, yakni universiti keenam bagi negara ini, akan terpenuhlah permintaan berbagai pihak dan dapat pula menyelesaikan beberapa masalah.

UI akan dapt memenuhi kehendak semua penduduk negara ini. UI akan dibuka kepada semua bangsa dengan tidak mengira agama. Bahasa pengantarnya bukan Bahasa Melayu, bukan bahasa Cina dan bukan juga bahasa Tamil, tetapi ialah bahasa Inggeris dan Arab.

Apakah pimpinan 2M masih tidak adil?

Berita Minggu 20 Jun 1982

EKONOMI

Pengkhianatan Amerika Harus Dikutuk

BUKANLAH menjadi hasrat kerajaan untuk menyalahkan sesiapa yang menyebabkan turunnya harga bijih timah di pasaran dunia. Kejatuhan itu telah dideritai oleh Malaysia yang bergantung kuat kepada bijih timah sebagai bahan eksport utamanya.

Tidak juga kita mahu jadi seperti Pak Pandir yang berprinsipkan, 'bukan anak aku seorang yang mati' apabila kita melihatkan bahawa bukan sahaja Malaysia yang mengalami kejatuhan harga bijih timah ini tetapi juga negara-negara pengeluar bijih yang lain, seperti Thailand dan Indonesia.

Kesannya, memang ketara seperti bencana ekonomi yang sedang menimpa.

(Laporan Tahunan Belanjawan 1981 keluaran Bank Negara Malaysia telah memperlihatkan satu suasana 'mendung', selepas mengalami zaman cemerlang tahun 70-an. Laporan itu menunjukkan kejatuhan pendapatan dalam bahan-bahan eskport penting di Malaysia.)

(Bahan-bahan penting seperti bijih timah dan getah masih lagi ditempatkan utama dalam senarai eksport penting. Di samping itu, laporan itu agak kurang menyenangkan apabila ia menunjukkan kekurangan dalam imbangan pembayaran negara dan kemerosotan 'Foreign Reserve' kita.)

Hal ini, ditambah pula dengan kecondongan kita untuk meletakkan harapan pada pinjaman luar negari bagi menstabilkan ekonomi negara sekurang-kurangnya dalam zaman berlakunya kemerosotan ekonomi negara.

Walaupun kita tidak mahu menyalahkan sesiapa, namun tak dapat tidak jari akan menuding ke arah Amerika, negara-negara terlibat dan perindustrian yang lain bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung ke atas kejatuhan harga bijih dan bahan-bahan mentah yang lain.

Amerika Syarikat mungkin dipersalahkan kerana 'kekejaman'nya menjualkan stok simpanan bijihnya ketika harga bijih di pasaran dunia sedang menurun walaupun bermacam-macam

rayuan telah dibuat terhadapnya agar tidak bersikap demikian.

Dari satu aspek yang lain, keadaan 'recession' yang berlaku ke atas negara-negara perindustrian di Eropah dan Amerika telah juga memercikkan habanya dan seterusnya menggugat kestabilan ekonomi negara kita secara langsung atau tidak.

Presiden Reagan pernah menyatakan di Washington, Amerika Syarikat telah pun memasuki zaman 'recession'. Dan dengan kemalapan yang telah menyelubungi ekonomi dunia itu menyebabkan pemerintah Amerika mengalami belanjawan yang genting, yang pada hakikatnya tidak pernah dialaminya semenjak beberapa tahun yang lampau.

Berkurangnya eksport bahan mentah dari negara Malaysia ke Amerika, bererti berkurangan jugalah pendapatan yang diterima oleh negara kita.

Selama mana kita akan mengalami derita kemelesetan ekonomi bergantung kepada tindakan negara kita, tindakan negara-negara pengeluar yang lain dan juga setinggi mana pengeluar bijih yang kebanyakannya dari negara 'selatan' (istilah yang lumrah digunakan dalam persidangan Cancun di Mexico tahun lalu).

Dan baru-baru ini, negara-negara pengeluar bijih timah iaitu Indonesia, Thailand dan Malaysia telah mengadakan rundingan di Kuala Lumpur untuk mencari jalan menaikkan harga bijih di pasaran antarabangsa.

Eksport bijih timah bergantung kuat pada sama ada peranan stok penimbal (*tin buffer stock*) akan dijalankan dengan baik bagi faedah kedua pihak negara, pengeluar dan pengguna atau semua pihak mesti berkerjasama, jika tidak skim stok penimbal akan membawa kesan buruk.

Negara-negara pengguna mesti faham hasrat negara pengeluar dan begitu juga sebaliknya.

Tetapi, apa yang berlaku ialah hakikat yang bertentangan. Misalnya pada 27 April yang lalu, hari pertama penguatkuasaan pengawalan eksport bijih timah, Pentadbiran Perkhidmatan Umum Amerika Syarikat (*United States General Service Administration*) telah menjual dengan banyaknya bijih timah di pasaran dunia.

Tindakan ini dianggap satu langkah 'tidak simpati' Amerika yang bertujuan semata-mata hendak menurunkan lagi harga

bijih yang telah sedia ada di paras bahaya.

Amerika Syarikat mula menjualkan simpanan stokpilenya pada 1 Julai, 1980 sehingga 13 Disember 1981 yang berjumlah 3,170 tan di Amerika.

Pada 14 Disember, 1981 barulah diedarkan ke pasaran dunia. Dalam jangka masa antara 14 Disember hingga 31 April, 1982, 5,845 tan bijih telah diedarkan. Ketika itu harga bijih telah sampai ke paras 'teruk'.

Dan, kesalahan sepatutnya diletakkan ke atas bahu Amerika yang bertanggungjawab tentang keadaan pasaran bijih dewasa ini.

Kelemahan pasaran bijih yang berterusan membayangkan kelebihan bahan mentah ini di pasaran dunia dan ditambah lagi oleh penjualan daripada GSA.

Majlis Timah Antarabangsa (*International Tin Council*) telah pun mengumumkan sekatan ke atas pengeluaran bijih timah yang berkuatkuasa sehingga 30 Jun, 1981 dan jumlah bijih yang seharusnya dikeluarkan oleh negara-negara pengeluar telah dihadkan kepada 25,000 tan metrik sahaja.

Tujuan ini ialah untuk mencapai kestabilan harga di pasaran bijih antarabangsa.

Kesan yang timbul berikutan dengan langkah yang diambil ialah penutupan beberapa lombong bijih di Malaysia. Hal ini berpunca dari kerendahan harga bijih, berbanding dengan harga pengeluaran yang tinggi.

Oleh kerana pengusaha-pengusaha tidak dapat menemukan antara kos pengeluaran yang tinggi dengan harga pasaran yang rendah, maka langkah singkat ialah memberhentikan operasi.

Berdasarkan kepada situasi perdagangan bijih timah seperti yang digambarkan adalah menyerupai pertarungan antara 'durian' dengan 'mentimun'. Digolek luka, menggolek pun luka.

Apa tidaknya, sedang negara-negara pengeluar bersetuju untuk menyekat pengeluaran bijihnya, Amerika Syarikat sewenang-wenangnya terus menjual simpanan stokpilenya. Berdasarkan kepada hakikat yang semacam inilah menyebabkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hampir tidak menaruh kepercayaan langsung pada kejujuran negara-negara seperti Amerika Syarikat dan England.

Beliau pernah menyatakan yang beliau hampir tidak yakin

tentang kejujuran negara 'utara' untuk berbuat sesuatu terhadap negara 'selatan'. Dan Perdana Menteri seterusnya mengesyorkan satu jalan yang boleh membuat negara-negara 'utara' itu bekerjasama dengan negara 'selatan' iaitu dengan membuktikan kepada mereka bahawa mereka akan memperolehi keuntungan sekiranya bekerjasama dengan kita.

Ketegasan Dr. Mahathir telah dibuktikannya dengan menolak jemputan untuk menghadiri persidangan Komanwel, tahun lalu, yang disifatkannya satu perjumpaan yang tidak bermakna. Begitu juga dengan kurang yakinnya beliau dengan persidangan Cancun di Mexico yang akan menumpukan bagaimana hendak memberikan pertolongan kepada negara 'selatan' iaitu negara-negara yang sedang membangun.

Yang anehnya, ketika Ronald Reagan sedang hangat berbin-cang di Cancun ketika itu jugalah 'anak buahnya' sedang asyik mengedarkan stokpile bijihnya. Jadi, Amerika mesti bertanggungjawab tentang keadaan pasaran bijih timah yang ada sekarang ini.

Pengkhianatannya terhadap keputusan perjanjian Timah Antarabangsa yang kelima seharusnya didedahkan dan mendapat kutukan dari badan-badan dunia yang lain.

Mungkin kerana sikap negara-negara yang serupa inilah menyebabkan Perdana Menteri mencadangkan kita berpaling ke timur (Jepun dan Korea). Kita sudah puas merenung ke barat tetapi tetap memalingkan mukanya kepada kita. Hidung tak mancung pipi tersorong-sorong.

Sudah puas kita berbudi namun kita masih tidak dikenang. Hampir 'kering' bijih di Kinta, hampir 'banjir' kawasan Larut dik lombong tinggal dan entah berapa banyak nyawa cucu cicit Long Jaafar yang melayang diragut oleh lombong yang ditinggalkan oleh rakyat dari negara-negara 'utara'.

Alangkah sedihnya Long Jaafar dan betapa pilunya Raja Jumaat mengenangkan nasib anak cucunya di tanah air sendiri. Sebelum datangnya orang Cina dan Inggeris ke Tanah Melayu, merekalah 'miner' yang meneroka lombong-lombong bijih Perak dan Selangor. Usaha mereka tidak harus diperkecilkan.

Sejarah telah mengabadikan bahawa perusahaan melombong bijih timah di Tanah Melayu telah bermula pada abad ketujuh belas lagi. Dan, pada ketika itu dalam kurun ke-17 dan 18, pem-

beli utama bijih timah dari Tanah Melayu ialah Belanda dan tentunya harga pasaran tidak dipengaruhi oleh GSA atau Stok penimbal.

Walaupun melombong bijih timah pada ketika itu menggunakan cara yang primitif, yang mengusahakannya adalah orang Melayu. Kawasan perlombongan bijih timah yang terkenal di Tanah Melayu pada ketika itu ialah Larut (Perak), Lukut (Selangor) dan Sungai Ujung (Negeri Sembilan).

Mengikut kata Profesor Khoo Kay Kim bahawa di bawah sistem tradisi, pada dasarnya segala kegiatan ekonomi dikuasai oleh pembesar satu-satu kawasan. Rakyat jelata menjalankan perdagangan sebagai ejen pembesar. Begitu juga apabila orang Cina mula-mula datang mengerjakan lombong mereka adalah orang upahan yang bekerja untuk pembesar-pembesar Melayu (tauke lombong). Kalau ada pun modal dari luar maka modal itu hanya dapat ditanam secara tidak langsung iaitu melalui pembesar-pembesar.

Oleh itu, bilakah pembesar-pembesar Melayu hilang fungsinya sebagai pengusaha lombong? Hal ini berlaku apabila saudagar-saudagar negeri Selat menganggap yang sistem tradisi di bawah pengawalan pembesar-pembesar Melayu tidak sesuai dengan sistem ekonomi baru yang telah dibawa dari barat, iaitu sistem yang menggalakkan 'maximization of profit' dan berasaskan pada prinsip persaingan bebas.

Dan pada pertengahan kurum ke-18, pembesar-pembesar Melayu tidak lagi *function* sebagai golongan yang memonopoli perlombongan bijih dan peranan ini telah diambil oleh saudagar-saudagar dari Negeri-negeri Selat—Cina dan Inggeris.

Golongan inilah yang terus menerus berkuasa di arena perlombongan sehingga hari ini (walaupun Inggeris hampir tidak ada).

Kemunculan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan Malaysia seolah-olah mahu menonjolkan kembali orang Melayu agar menyertai bidang perlombongan ini. Walaupun telah muncul beberapa orang tauke lombong Melayu tetapi untuk 'survival' mereka terpaksa menempuh onak dan duri yang bukan kepalang.

Ketidakhlasan setengah pelombong Cina yang berpengalaman terhadap usaha menolong memajukan Bumiputera di bidang itu dianggap sebagai petualang kepada Dasar Ekonomi Baru.

Hasil pertolongan dan bantuan yang diberikan oleh kerajaan, akhirnya muncul juga beberapa orang pelombong Melayu. Sayangnya, sedang mereka 'belajar terbang, ditimpa angin kencang'.

Mungkinkah ramai pelombong Melayu yang akan menutup lombong mereka akibat daripada keadaan pasaran bijih yang wujud ketika ini?

Nampaknya, pihak kerajaan terutama Dr. Mahathir beria-ia benar mencari jalan bagi memulihkan keadaan pasaran bijih itu. Rumusan daripada negara-negara pengeluar bijih bagi membentuk satu pakatan pengeluar-pengeluar bijih diharapkan akan menjadi kenyataan.

Malah, hal penubuhan pakatan ini memang telah lama diura-urakan. Penubuhan pertubuhan itu diasaskan kepada Pertubuhan Pengeluar-pengeluar Minyak (OPEC) yang diharapkan kewujudannya nanti akan dapat menstabilkan harga minyak.

Walaupun ada pendapat yang negatif tentang kejayaan pertubuhan seperti itu, namun seolah-olah rancangan itu akan diteruskan.

Pengalaman yang dialami oleh negara-negara pengeluar minyak di Timur Tengah elok rasanya dijadikan contoh. Pernah negara-negara pengeluar minyak Arab telah ditindas dan kekayaan minyak diperas semenjak tahun 1938 (apabila minyak mula dijumpai di Saudi) hinggalah tahun 1960-an apabila nasionalisme Arab mula bertapak di Padang Pasir dan bila keperluan minyak negara-negara Eropah dan Jepun bertambah meningkat.

Libya di bawah Muaamar Gaddafi mahukan harga minyak dinaikkan 10 peratus (1973), tetapi telah ditentang oleh syarikat-syarikat minyak Jerman Barat. Gaddafi bertindak memotong 20 peratus daripada pengeluarannya.

Harga naik melambung hingga 30 peratus dari permintaan asalnya. Kejayaan Gaddafi itu diikuti oleh negara-negara pengeluar minyak lain di Timur Tengah. Semenjak itu harga minyak terus naik.

OPEC berjaya berbuat demikian kerana dia tahu bahawa bekalan minyak dunia hanya sekadar cukup untuk keperluan. Simpanan tidak banyak. Kita belum tahu sama ada pertubuhan negara-negara pengeluar bijih akan berjaya seperti OPEC ini sekiranya taktik yang serupa dijalankan. Ini menimbulkan persoalan.

Berikutan dengan keadaan kejatuhan harga bijih dan kemerosotan ekonomi dunia yang turut melibatkan Malaysia, maka Perdana Menteri telah mengambil beberapa langkah tertentu bagi menyesuaikan keadaan 'recession' dengan perkembangan pembangunan di negara ini.)

Mengikut Dr. Mahathir, perlulah ada pindaan dan penyesuaian dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat. Hanya projek-projek 'perlu' sahaja yang akan dipertimbangkan untuk dilaksanakan. Satu kajian yang mendalam perlu dijalankan untuk menentukan projek manakah yang amat perlu disegerakan pelaksanaannya.

Satu perkara yang jelas ialah kerajaan tidak akan membatalkan projek-projek untuk kepentingan rakyat seperti perumahan rakyat (yakni bagi rakyat yang berpendapatan rendah), yang ada kaitan langsung dengan kesejahteraan rakyat, seperti rancangan mengurangkan berlakunya banjir (terutama di Kuala Lumpur yang sering dilanda banjir kilat).

Hasrat untuk membatalkan projek 'prestigious' telah dinyatakan oleh Datuk Musa Hitam, yang lebih berminat untuk meneruskan projek-projek yang boleh meninggikan taraf rakyat luar bandar yang masih lagi dalam keadaan yang masih belum dapat dibanggakan.

Sebenarnya, keadaan malang ini bukan sahaja telah menimpa negara kita malah di Thailand juga keadaan yang serupa telah berlaku. Di sana juga kabinetnya telah mengarahkan pemotongan 5 peratus ke atas peruntukan kerajaan bagi tiap-tiap satu kementerian, jabatan, biro, pertubuhan rasmi dan perbadanan kemajuan negeri tahun 1982.

Arahan kabinet itu dianggap penting untuk menyekat ekonominya dari menemui kehancuran, kemerosotan perniagaan dan untuk menutup jurang antara pendapatan sebenar dengan pendapatan yang dianggarkan. Arahan itu telah dikemukakan oleh Biro Belanjawan bagi pihak kerajaan pimpinan Prem Tinsulanonda.

Seperti langkah yang diambil oleh Malaysia, tiap-tiap ketua kementerian hendaklah menentukan projek yang seharusnya didahulukan dan meninggalkan pelaksanaan projek yang dianggap kurang memberikan manfaat kepada rakyat. Langkah ini, diharapkan agar rancangan lima tahun yang kelimanya memperolehi

kejayaan.

Satu perkara yang harus ditegaskan di sini berhubung dengan kemerosotan ekonomi ini ialah apa yang dialami oleh negara-negara Afrika. Zambia yang bergantung kepada 90 peratus kepada pengeluaran tembaga sebagai sumber pendapatan eksport terpaksa memotong perbelanjaan dan membatalkan segala projek pembangunan.

Cuma Morocco (Maghribi) negara yang cepat bertindak dan dapat mengatasi kemerosotan itu. Morocco agak berjaya memulihkan pendapatan negaranya seperti yang dialaminya tahun 1974.

Tindakan yang dijalankan oleh kerajaan negeri itu ialah memproses sendiri satu pertiga (yang sepatutnya dieksport) fosfat untuk dijadikan asid fosforik dan baja kimia. Dengan cara ini negara itu berjaya menstabilkan ekonominya.

Pakar ekonomi telah menjelaskan, salah satu cara untuk menstabilkan ekonomi bagi sesebuah negara ialah dengan mencipta cara baru pengeluaran barang-barang bagi pasaran tempatan, menggunakan idea yang innovative bukan terhadap pelaburan besar-besaran sahaja tetapi memadailah dalam bentuk kecilan dahulu.

Asas utama bagi barang industri yang dieksport ialah pasaran tempatan. Inilah bentuk yang digunakan di negara maju seperti Jepun. Tanpa asas tempatan kebanyakan pengusaha akan mendapati sukar untuk menumpukan perhatian kepada pasaran eksport.

Berita Minggu 30 Mei 1982

Langkah Elak Sepak Terajang Kuasa Barat

DENGAN tegas, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan yang Malaysia akan terus menyertai Perjanjian Timah Antarabangsa Kali ke-6, di samping akan meneruskan juga rancangan menubuhkan Persatuan Pengeluar-pengeluar Bijih (PPB).

Sebelum ini, memang telah banyak diperkatakan tentang ura-ura Malaysia tidak akan menyertai perjanjian Timah Antarabangsa ke-6 (PTA 6). Hal ini berpunca dari situasi yang kurang menyenangkan berlaku sekitar perdagangan bijih peringkat antarabangsa.

Mengikut kata Datuk Paul Leong, Menteri Perusahaan Utama, hanya 51.13% sahaja dari negara-negara pengguna bijih timah dunia yang bersedia menyertai perjanjian ini, sedangkan syarat pelaksanaan perjanjian itu memerlukan sekurang-kurangnya 65% dari negara-negara pengguna menyertainya. Sebaliknya, bagi pihak pengeluar pula, 80% dari negara-negara pengeluar telah pun bersetuju menyertainya. Sudah tentulah apabila disebut negara pengeluar, Malaysia menduduki tempat paling penting.

Walaupun Malaysia telah bersetuju menyertai PTA 6, namun ia telah mempunyai satu lagi 'alternatif' bagi menjamin masa hadapan bijih, agar tidak dapat dipermainkan oleh negara-negara pengguna, di samping menjamin pasaran dan harga yang stabil. Kita sudah biasa benar dengan 'sepak terajang' kuasa Barat, terutamanya Amerika, dalam urusan perniagaan bijih.

Jadi sebagai solusi ke arah menstabilkan pasaran itulah dicadangkan penubuhan PPB yang dimaksudkan, yang diasaskan oleh tiga negara sahabat (dalam ASEAN) dan menjadi pengeluar bijih timah dunia yang penting—Malaysia, Indonesia dan Thailand.

Berdasarkan kepada pengalaman yang silam, Malaysia merasa kurang yakin benar terhadap PTA 6, memandangkan kejujuran yang boleh dipersoalkan oleh negara-negara pengguna.

Cadangan menubuhkan PPB mendapat sokongan penuh dari

Haji Fauzi Abdul Rahman, jurutera perlombongan dan pelombong Melayu yang aktif, di samping menjadi Setiausaha Dewan Perniagaan Melayu Malaysia cawangan Pahang. Malah, awal-awal lagi beliau telah mengesyorkan tentang penubuhan PPB itu.

Dalam kenyataannya yang tersiar di *Berita Minggu* tidak berapa lama dahulu, beliau menegaskan betapa pentingnya penubuhan PPB. Asas hujah beliau pada hakikatnya bahawa Malaysia adalah pengeluar bijih timah yang terbesar di dunia, apalagi sekiranya negara-negara pengeluar yang lain (terutama negara-negara dalam ASEAN) sanggup bergabung, tentulah menjadi lebih kuat dan berkesan. Bukan itu saja, beransur-ansur kita dapat pula mempengaruhi negara-negara pengeluar yang lain.

Melalui PPB akan dapat diadakan tabung pertubuhan di samping mengadakan pusat penyelidikan dalam aspek mengurangkan kos melombong dan mempelbagaikan kegunaan bijih timah.

Beliau yakin soal peruntukan tidak menjadi penghalang kerana para pelombong sudah tentu sanggup memberikan sumbangan sebagai ahli persatuan tersebut.

Selanjutnya beliau mencadangkan juga tentang cara menghadapi kegentingan pasaran bijih dengan mempelbagaikan perniagaan melalui cara melabur dalam industri berat dan industri pembuatan, di samping meneruskan kegiatan melombong.

Rupa-rupanya cadangan dan saranan yang dilaungkan itu telah menjadi kenyataan.

(Pada 22 Jun, 1982, Malaysia, Indonesia dan negara Thai yang bertanggungjawab mengeluarkan lebih kurang 65% dari pengeluaran dunia telah sepakat menubuhkan Persatuan Pengeluar Bijih, untuk menyelaraskan hal-hal pengeluaran bijih dan permintaannya, di samping mencari pasaran-pasaran baru bagi bahan itu.)

Pada 28 dan 29 Jun, sekali lagi menteri-menteri dari ketiga-tiga negara pengeluar bijih (Malaysia, Indonesia dan Thai) telah bertemu dan memutuskan sebarang persetujuan yang telah dibuat mengenai PPB yang dirancangkan itu.

Agak tepat ramalan Haji Fauzi Abdul Rahman apabila beliau menyatakan bahawa pasti negara-negara pengeluar bijih yang lain tertarik dengan rancangan PPB. Memang telah pun ada sambutan dari negara-negara lain. Misalnya, Bolivia yang dikira sebagai negara pengeluar bijih yang keempat besarnya di dunia

berhasrat untuk berserta sama. Begitu juga negara-negara seperti Brazil, Burma, China, Australia, Nigeria dan Zambia yang berkemungkinan besar akan turut serta.

Hasrat dan keinginan negara-negara pengeluar ini untuk sama bergabung dan berganding bahu mungkin didorong oleh perasaan kecewa di atas tindakan negara-negara pengguna yang sentiasa bersikap menindas negara-negara pengeluar.

Kebetulan negara-negara pengeluar pula adalah tergolong dalam negara-negara yang sedang membangun, sedangkan negara-negara pengguna adalah yang maju dan telah sekian lama bergerak dalam perdagangan antarabangsa.

Kelemahan yang mula dirasakan oleh negara-negara pengeluar ialah tentang kurangnya usaha dan penyelidikan yang dijalankan ke arah mempelbagaikan penggunaan bijih timah. Oleh itu, adalah merupakan 'priority' dalam senarai objektif penubuhan PPB.

Keburukan menggantungkan harapan kepada bahan-bahan mentah semata-mata sebagai nadi ekonomi negara mungkin telah disedari oleh pemimpin negara kita sebelum ini.

(Cuma, baru kini Allah telah mendorong kita agar mengubah cara berfikir kita supaya berorientasi ke Timur, agar dapat diubah cara berfikir apabila melihat perkembangan ekonomi yang pesat di negara Jepun dan Korea.)

Sangat terasa peritnya apabila kita, sebagai negara pengeluar bahan mentah, menghadapi zaman meleset seperti yang kita alami sekarang. Dan tidak pula bermakna yang negara-negara industri tidak terkena bahan 'recession' ini.

Cuma 'degree'-nya tidaklah begitu teruk sebagaimana negara-negara yang mengeluarkan bahan-bahan mentah. Sebagaimana maklum, harga bahan-bahan mentah ketika ini telah sampai ke paras yang paling rendah semenjak tahun 1950.

Kesan kemelesetan dalam perusahaan bijih telah memperlihatkan penutupan lebih kurang 170 lombong dan mengakibatkan 4,000 orang hilang pekerjaan.

Dan, dianggarkan juga dengan pemotongan 15% bahan eksport yang dicadangkan oleh Majlis Timah Antarabangsa, akan menyebabkan 3,000 orang lagi hilang pekerjaan. Apatah lagi jikalau pemotongan meningkat 40% daripada eksport Malaysia.

Penubuhan PPB tidak pula bermakna bertujuan menimbulkan perselisihan dengan Majlis Bijih Antarabangsa (MBA).

Mengikut Datuk Paul Leong, PPB tidak perlu mengadakan stok penimbal. Ia akan dilaksanakan berdasarkan pasaran bersama.

Datuk Leong telah mengemukakan contoh bagaimana perdagangan dalam PPB harus dijalankan dengan mengemukakan bagaimana Pertubuhan Pelombong-pelombong Malaysia menandatangani satu kontrak dengan kerajaan India untuk membekalkan 2,000 tan bijih timah.

Malaysia mengambil langkah tegas ke arah penubuhan PPB adalah berpunca dari kekecewaan yang amat sangat akibat tindakan negara-negara pengguna, terutamanya Amerika, yang tidak bertanggungjawab. Malaysia telah lama merasai dan telah faham benar dengan 'budi' dan tindakan Amerika.

Pada 26 April 1982 lalu, harga bijih di Pulau Pinang telah jatuh ke paras \$29, iaitu turun 15 sen dari paras harga yang ditetapkan. Pada hari yang sama, MTA telah mengenakan pemotongan eksport 15%.

Bagi menambahkan lagi keruncingan pasaran, pada hari berikutnya, American General Service Administration (GSA) telah mengedarkan 100 tan bijih dari stok simpanannya.

Inilah yang dikatakan perbuatan yang tidak bertanggungjawab Amerika.

Mengikut Datuk Leong, beliau telah menganggarkan kelebihan 70,000 tan bijih di pasaran antarabangsa. Dan mengikut perkiraannya, jumlah ini akan mengambil masa dua tahun untuk diserapkan, walaupun ada pemotongan 15% bahan eksport itu dan andaian yang Amerika akan berterusan memberhentikan penjualan stok simpanannya. Hal ini tentulah menggerunkan Malaysia yang bergantung kuat pada bijih sebagai bahan eksport.

Amerika Syarikat telah mengadakan simpanan bijih dalam stok simpanannya yang berjumlah lebih kurang 200,000 tan yang mana jumlah ini melebihi daripada penggunaan seluruh dunia.

Penubuhan GSA adalah bertujuan mengadakan simpanan stok bagi semua bahan perlu untuk kegunaan menghadapi kemungkinan di waktu perang dan sebagainya. GSA lah yang bertanggungjawab di atas 'malapetaka' yang menimpa nasib perdagangan bijih timah kita.

Kita lihat seolah-olah Amerika sengaja mengenenepikan kelahir-

an MTA. Walau apapun persetujuan dicapai dan dimeterikan dalam PTA, namun kalau Amerika hendak berbuat sesuatu untuk kepentingan dirinya, maka dia akan meneruskan tanpa memikirkan kesejahteraan orang lain.

Berkaitan dengan PTA 6, Amerika Syarikat dan Rusia telah enggan menyertai perjanjian tersebut. Begitu juga Bolivia. Bagaimanapun, negara-negara Pertubuhan Ekonomi Eropah (EEC) telah menyokong pertubuhan PTA 6.

Seorang perwakilan ke Persidangan Timah Antarabangsa ke-6 telah membayangkan bahawa PTA 6 akan terus bergerak secara berkesan walaupun tidak adanya penyertaan Amerika dan Rusia.

Amerika Syarikat hanya menyertai Persidangan Timah yang ke-5 sahaja, di mana telah menelurkan suasana runcing di antara Malaysia (sebagai pengeluar utama bijih) dan Amerika Syarikat (negara pengguna yang utama).

Satu aspek lain berkaitan dengan usaha-usaha kerajaan menyelamat dan menstabilkan harga bijih timah di pasaran antarabangsa ialah cadangan agar penjualan bijih negara disalurkan melalui Pasaran Komoditi Kuala Lumpur dan tidak lagi melalui Pasaran Logam London (London Metal Exchange).

Nampaknya cadangan Datuk Paul Leong ini kebetulan sama dengan apa yang disyorkan oleh Haji Fauzi Abdul Rahman dalam *Berita Minggu*.

Haji Fauzi pernah menyatakan tentang pentingnya pasaran itu dipindahkan dari London ke Kuala Lumpur, bukan sahaja dari segi kita dapat memperkenalkan wang kita di luar negeri, tetapi juga kita dapat mengelakkan penggunaan Pound Sterling, mata wang yang akhir-akhir ini sentiasa mengalami keadaan yang paling tidak stabil.

Agaknya, tentulah kerajaan juga sudah sampai masanya memikirkan hal demikian dan, nampaknya, telah mengambil tindakan positif.

Sejarah London Metal Exchange rapat kaitannya dengan sejarah pentadbiran Inggeris di Tanah Melayu. LME diasaskan apabila kebanyakan Lombong bijih di Tanah Melayu dimiliki oleh Inggeris. Pada ketika itu LME juga mengamalkan syarat yang ketat mengenai spekulasi, tetapi apabila Inggeris sudah tidak lagi berkepentingan dalam perdagangan bijih, maka ternampak se-

olah-olah Inggeris sengaja melonggarkan syarat demikian dan menggalakkan spekulasi.

Atas alasan inilah pada pendapat pakar-pakar ekonomi, wajar benar kegiatan perdagangan bijih timah dipindahkan ke Kuala Lumpur.

Perbincangan mengenai penubuhan PPB dan PTA agak tidak lengkap sekiranya tidak disingkap tabir sejarah permulaan Perjanjian Bijih Timah yang mula-mula sekali diadakan. Moga-moga dengan melihat situasi berkenaan, dapatlah dicontohi dan diteladani yang baiknya dan dielakkan di mana dapat dielakkan.

Seperti keadaan dewasa ini, pada masa dahulu negara-negara pengeluar bijih timah, seperti Tanah Melayu, Nigeria, Indonesia dan Bolivia susah menstabilkan harga bijih.

Oleh kerana itu langkah yang diambil ialah dengan mengadakan pakatan bersama-pakatan untuk bekerjasama yang dimulakan dalam tahun 1931. Cuma bezanya, pada ketika itu Tanah Melayu dan Nigeria ditadbir oleh Inggeris dan Indonesia ditadbir oleh Belanda.

Perasmian Perjanjian Bijih Timah Antarabangsa yang pertama ialah pada 28 Februari, 1981, yang mana negara-negara berkenaan tadi bersetuju bergabung dalam satu pertubuhan, bertujuan menstabilkan harga bijih. Perjanjian yang pertama itu terus dilaksanakan dalam masa dua tahun, iaitu sehingga 31 Disember, 1933.

Kejayaan yang dicapai oleh PTA pertama itu dan juga negara-negara pengeluar adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah tentang kedudukan bijih timah yang hanya dimonopoli oleh beberapa kuasa Barat, misalnya, Inggeris dan Belanda. Dengan demikian apa juga tindakan bersama dapat dilaksanakan dengan penuh kejayaan.

Betolak dari hakikat ini, kita yakin bahawa penubuhan PPB juga akan berjaya, kerana tiga daripada negara pengeluar bijih terbesar dunia adalah tergolong dalam pertubuhan negara-negara ASEAN. Oleh itu, segala tindakan adalah berdasarkan semangat kakitangan.

Di samping itu, telah ada negara-negara lain seperti Brazil, Australia dan Zaire untuk sama-sama menyertai PPB. Jadi, berdasarkan pertimbangan demikian, tambahan pula jikalau sejarah jadi ukuran, PPB pasti akan berjaya.

Dalam keadaan kita yang sentiasa memikirkan cara bagaimana PPB dapat berjalan dengan berkesan, jangan pula dilupakan bahawa Amerika dan negara-negara pengguna yang lain tentulah juga sentiasa memikirkan bagaimana hendak mengatasi rancangan negara-negara pengeluar.

Amerika seharusnya tidak memikirkan pertandingan menangkalah, jika lawannya adalah negara yang lemah dibandingkan kekuatan yang ada padanya.

Keinsafan Amerika tentang kepentingan kebajikan orang lain harus diambil kira. Biar pun seratus Persidangan Cancun diadakan, namun kalau sikap Amerika tidak berperikemanusiaan, tidak akan maju juga negara-negara yang sedang membangun, yang kebanyakan mengharapkan kepada bahan-bahan mentah.

Biar seribu PPB ditubuhkan, namun kalau GSA dengan sewenang-wenangnya menjualkan simpanan stoknya, akan hancur juga pasaran bijih.

Semenjak zaman Tunku Abdul Rahman lagi, Tun Tan Siew Sin (ketika itu Menteri Kewangan) sentiasa 'menyembah', meminta, memujuk Amerika agar jangan menjualkan stok bijih secara berleluasa, tetapi seolah-olah Amerika kadang-kadang tidak mempedulikannya.

Dan dalam masa pemerintahan 2M, sudah nampak jelas bahawa bangsa kita hidup bukan untuk menyembah dan meminta. Kini, masyarakat kita telah bertindak secara konkrit. Ada rancangan yang kita akan jalankan menunjukkan masyarakat kita sudah boleh berfikir dengan matang, berdikari. Seolah-olah pemimpin-pemimpin kita hari ini menyatakan bahawa 'menyembah' bukan lagi solusi masalah.

Sekiranya rancangan ini juga masih gagal, kegagalan itu bukanlah disebabkan oleh kecuaiian dan kebolehan kita merancang, tetapi mungkin disebabkan oleh negara-negara maju yang terus mengkhianati negara-negara yang sedang membangun.

Terserahlah pada masyarakat dunia untuk menghakimkannya. Hendaknya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sentiasa memerhatikan hal-hal ini dengan teliti dan bertindak secara positif tanpa perasaan pilih kasih.

Dan sekiranya masih ada juga penyelewengan, maka sampailah masanya mungkin seruan Datuk Musa 'supaya kita jadi biadab' dipraktikkan. Dan biadab yang dimaksudkan Datuk Musa

itu mungkin dalam konteks keadaan yang sebegini.

Berita Minggu 18 Julai 1982

Penubuhan Persatuan Pengeluar Bijih — Inisiatif Dr. M

(CADANGAN Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad agar ditubuhkan satu pertubuhan pengeluar-pengeluar bijih rupa-rupanya menjadi kenyataan. Pada hari Jumaat 11 Jun 1983 yang lalu, ketiga-tiga menteri dari tiga negara pengeluar bijih timah yang terbesar di dunia (Malaysia, Indonesia dan Negara Thai) telah sebulat muafakat menubuhkan Pertubuhan Pengeluar-Pengeluar Bijih (PPB).)

(Buat pertama kali dalam sejarah perdagangan bijih timah antarabangsa, kita cuba melepaskan diri dari belenggu International Tin Agreement (ITA) dan London Metal Exchange yang telah sekian lama cuba mengikat kita. Selama beberapa tahun kita telah mengalami kerugian akibat dari perasaan tolak ansur yang melampaui batas, sehinggakan nyaris-nyaris kita tenggelam)

Kesedaran kita dan kerelaan Indonesia dan Negara Thai untuk berganding bahu diharapkan akan dapat menelurkan hasil yang memuaskan. Tambahan pula ketiga negara adalah dalam anggota ASEAN dan tentunya semangat ASEAN akan sentiasa menyelubungi setiap perasaan sama ada Dato' Paul Leong atau Prof. Sobroto ataupun Ob Vasuratna.

(Tertubuhnya PPB menyebabkan kita terpaksa menoleh ke belakang menyingkap tabir di mana segala idea ke arah penubuhan PPB dilahirkan. Jasa dan tenaga fikiran Dr. Mahathir sentiasa dapat pujian negara, begitu juga titik peluh dan curahan fikiran Dato' Paul Leong tidak mudah dilupa.)

Namun begitu sumbangan Haji Fauzi Abdul Rahman patut juga dikenang. Melalui akhbar inilah (18 Julai, 1982) beliau selaku jurutera perlombongan, di samping menjadi Setiausaha Dewan Perniagaan Melayu Malaysia cawangan Pahang telah menegaskan betapa pentingnya penubuhan PPB ini.

Asas hujah beliau pada hakikatnya, bahawa Malaysia adalah pengeluar bijih timah yang terbesar di dunia. Apalagi sekiranya negara-negara pengeluar yang lain sanggup bergabung, tentulah

menjadi lebih kuat dan berkesan.

Beliau seterusnya menghujahkan iaitu melalui PPB akan dapat diadakan tabung pertubuhan, di samping mengadakan pusat penyelidikan dalam aspek mengurangkan kos melombong dan mempelbagaikan kegunaan bijih timah. Yang agak penting daripada syor beliau itu ialah segala dagangan yang melibatkan penjual bijih negara disalurkan melalui Pasaran Komoditi Kuala Lumpur dan tidak lagi melalui Pasaran Logam London (London Metal Exchange).

Dato' Paul Leong mensifatkan 'such a tin market in this time zone is useful and timely as it will reduce the need to trade on the London Metal Exchange, based on a currency which has not been noted for its exchange note stability.'

Mengikut kata seorang ahli ekonomi pula: 'The London Metal Exchange was set up when the British owned most of the tin mines in Malaya. The LME had stricter regulations in those days regarding speculation their interest in stabilising tin prices has owned now that Malaysian owned the mines.'

Petikan dari *The New Straits Times* Julai, 1982.

Segala syor dan cadangan ini telah pun dimasukkan ke dalam objektif penubuhan PPB yang ditandatangani di Bangkok itu. Ketiga-tiga menteri akan mengadakan perbincangan seterusnya di Bangkok pada 29 Ogos akan datang untuk membincangkan tentang anggaran belanjawan, undang-undang tubuh pertubuhan dan hal-hal yang berkaitan.

Mengenai perdagangan yang akan disalurkan melalui Pasaran Komoditi Exchange di Kuala Lumpur dan tidak lagi melalui London Metal Exchange, segala proses ke arah pemindahan itu akan dapat disempurnakan pada penghujung tahun 1983 ataupun awal 1984.

PPB juga akan berusaha melalui penyelidikan mempelbagaikan penggunaan bijih timah. Ini adalah antara tujuan asal penubuhannya. Dengan penubuhan satu cawangan lain yang bertanggungjawab ke atas segala penyelidikan berhubung dengan penggunaan bijih timah, barulah pertubuhan ini berfungsi dengan menepati erti kata yang sebenarnya. Setakat ini terlalu kurang inisiatif dijalankan untuk meneroka lapangan baru penggunaan bijih timah.

Tambahan pula permintaan kepada bijih timah agak berku-

rangan dewasa ini. Ini telah ditegaskan sendiri oleh Dato' Paul Leong. Permintaan dunia telah jatuh dari 200,000 tan ke 165,000 tan. Keadaan begini haruslah dipandang berat oleh negara-negara pengeluar. Mungkin juga ini adalah satu cara bagi negara-negara pengguna untuk mengurangkan penggunaan bijih timah dan menggantikan dengan bahan lain yang lebih kurang sama mutunya.

Salah satu ciri PPB ialah ia tidak akan mewujudkan stok Penimbal (Buffer stock) sepertimana dalam International Tin Agreement (ITA). PPB lebih memberatkan kepada soal-soal kerjasama di antara negara-negara pengeluar bijih supaya tenaga dapat digembeleng ke arah memikirkan satu cara menstabilkan harga logam tersebut.

Walaupun PPB adalah pertubuhan negara pengeluar, namun ia tetap menjaga kepentingan pengguna keseluruhannya. Dengan sikap yang demikian kemungkinan besar negara pengeluar bijih yang lain akan mahu turut serta mendukung PPB. Sememangnya negara pengasas bertujuan untuk memasukkan seberapa banyak negara ke dalam pertubuhan itu agar pertubuhan itu nanti benar-benar kukuh.

Sebelum perjanjian penubuhan PPB dimeterai di Bangkok minggu lepas, menteri-menteri dari tiga negara pengeluar bijih yang terbesar—Malaysia, Indonesia dan Negara Thai—telah pun berbincang di peringkat awal tentang rancangan penubuhan PPB.

Apabila perkara penubuhan PPB ini diketengahkan dan media massa pula turut membuat beberapa ulasan, telah membuka mata dunia, terutama negara-negara pengeluar bijih dan juga pengguna bijih seperti Amerika Syarikat. Bolivia yang dikira sebagai negara yang keempat terbesar di dunia dalam pengeluaran bijih telah menyatakan hasrat untuk bersama-sama menganggotai PPB. Begitu juga pengakuan yang dibuat oleh negara-negara lain seperti Brazil, Burma, Australia, Nigeria dan Zambia.

Itu dahulu. Kini PPB telah dengan rasmi ditubuhkan dan yang menjadi pengasasnya ialah tiga negara ASEAN yang sanggup 'Sehidup semati' memperjuangkan cita-cita suci ini, demi kepentingan ekonomi rantau ini. Ke manakah perginya Bolivia dan negara-negara yang berura-ura hendak menyertai PPB dulu? Apakah negara-negara yang menyatakan simpati itu masih

mengamalkan sikap tunggu dan lihat tindakan negara-negara ASEAN melaksanakan tugasnya? Apakah mereka masih mahu 'diperbudak-budakkan' oleh negara-negara pengguna yang tidak begitu bertimbang rasa?

Lahirnya PPB, dengan tidak secara langsung menggambarkan perasaan ketidakrelaan negara-negara pengeluar bijih (kebetulan negara-negara yang membangun yang dianggap miskin) untuk terus diperkotak-katikkan oleh negara-negara pengguna yang kaya. Berpuluh-puluh tahun kita telah dipermainkan oleh Amerika Syarikat, Britain dan Jerman Barat kerana merekalah yang menjadi negara pengguna bijih terbesar di dunia. Terlalu lama kita sengsara. Kita mengeluarkan bijih, tetapi mereka yang kaya.

Yang anehnya hanya selepas dua puluh enam tahun kita mencapai kemerdekaan baru kita sedar tentang langkah untuk memperbaiki keadaan perdagangan bijih kita, sedangkan kita tahu bahawa bijih timah adalah nyawa kepada negara kita. Sudah lama kita tahu yang negara kita adalah pengeluar bijih timah yang terbesar di dunia. Dunia tahu di mana Lembah Kinta.

'Panggilan' Larut telah menyebabkan orang dari negara China berduyun-duyun datang dan sehingga hari ini terus menetap di sini, sedangkan rakyat yang hak ke atas bumi ini masih berdiam diri, membiarkan keadaan berlaku. Begitu jugalah halnya dengan kita membiarkan bijih kita mengalir ke tangan orang lain tanpa sekatan yang konkrit.

Kita berbuat begitu kerana kita negara kaya dengan hasil bumi kurniaan Allah. Kita tahu masih banyak lagi bijih di perut bumi kita dan kita juga tahu bahawa minyak akan memancut keluar dari dasar laut kita. Tetapi kita kadang-kadang lupa bahawa kuasa Allah boleh berbuat sesuatu dalam sekelip mata.

Apa kata kalau bijih 'lari' entah ke mana. Minyak meresap ke dalam bumi dan getah, kelapa sawit, nenas, kayu balak pupus di tanah gersang. Tak guna kita sedar pada waktu itu. Jangan ditangisi nasi yang telah menjadi bubur.

Lahirnya idea untuk menubuhkan Pertubuhan Pengeluar Bijih adalah berpunca dari wujudnya keadaan yang tidak sihat menyelubungi suasana perdagangan bijih timah antarabangsa yang telah 'mengusik' Malaysia supaya mengorak langkah ke arah satu tindakan berkesan yang boleh menjernihkan semula keadaan itu.

Malaysia selaku negara pengeluar bijih timah yang terbesar merasakan tindakan segera adalah perlu untuk menyelesaikan masalah, kerana masalah itu akan menentukan jatuh-bangun dan tenggelam-timbulnya industri bijih timah bagi negara kita.

'Recession' yang telah dan sedang menghimpit dunia kini telah menyebabkan kita berfikir dua kali tentang bagaimanakah caranya untuk memulihkan keadaan mendung yang meliputi suasana perdagangan bijih timah. Kita mula sedar apabila sejumlah 170 buah lombong bijih kita terpaksa ditutup yang menyebabkan 4,000 orang buruh hilang pekerjaan.

Sebagaimana diketahui sememangnya 'recession'lah yang banyak memberi kesan negatif kepada ekonomi negara yang banyak bergantung kepada pengeluar bahan mentah. Dalam hal ini Malaysia adalah termasuk dalam kategori yang disebutkan, terutama apabila dagangan bijih timahnya menghadapi zaman gelap.

Kesedaran kita tentang tindakan Amerika Syarikat terhadap perusahaan bijih kita bertambah mendalam berikutan dengan langkah mereka yang disifatkan tidak bertimbang rasa kepada negara-negara yang sedang membangun.

Pada 26 April 1982, harga bijih di Pulau Pinang telah jatuh ke paras \$29 iaitu turun 15 sen dari paras harga yang boleh ditetapkan. Pada hari yang sama juga Majlis Timah Antarabangsa telah mengenakan pemotongan eksport sebanyak 15%.

Bagi menambahkan lagi keruncingan keadaan pasaran, pada hari berikutnya American General Service Administration (GSA) telah mengedarkan 100 tan bijih dari stok simpanannya. Keadaan ini telah menyebabkan harga turun dengan menjunam yang sukar untuk disekat. Inilah yang dikatakan perbuatan Amerika yang tidak bertanggungjawab.

Mengikut pendapat Dato' Paul Leong, beliau telah menganggarkan kelebihan 70,000 tan bijih yang berlegar di pasaran pada ketika itu. Mengikut perkiraannya jumlah itu akan mengambil masa selama dua tahun untuk diserapkan, walaupun ada potongan 15% bahan itu dan andaian yang Amerika akan memberhentikan penjualan stok simpanannya. Sekiranya Amerika berterusan mengedarkan stok, maka masa untuk penyerapan itu mungkin lebih lama lagi.

Amerika Syarikat telah mengadakan stok simpanan bijih yang

berjumlah lebih kurang 200,000 tan yang mana jumlah ini melebihi daripada penggunaan seluruh dunia.

(Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad memandang berat tentang tindakan Amerika khususnya dan peranan negatif Majlis Timah Antarabangsa dalam usahanya menstabilkan harga bijih. Pada hari Sabtu 19 Jun, 1982, tiga orang menteri dari Malaysia, Indonesia dan negara Thai telah menemui Dato' Seri Dr. Mahathir untuk membincangkan hal yang berkaitan dengan perdagangan bijih.)

Pada masa itu Malaysia memang merasa kurang yakin dengan peranan Majlis Timah Antarabangsa ke-6, kerana MTA tentu sekali tidak dapat berbuat apa-apa mengenai harga disebabkan tidak semua negara-negara pengguna akan turut serta dalam MTA ke-6 itu.)

Juga difikirkan bahawa MTA tidak dapat berbuat sesuatu yang berkesan kepada United States General Service Administration (GSA) yang bertanggungjawab 'melonggokkan' stok simpanan mereka di pasaran antarabangsa.

Penubuhan PPB dengan tidak secara langsung adalah satu tamparan yang hebat kepada International Tin Agreement (ITA) atau Majlis Timah Antarabangsa. Penubuhan ini juga dianggap sebagai satu tindakan berikutan dari kesedaran yang mendalam negara-negara pengeluar bijih timah tentang keadaan 'daif' mereka yang telah dan sentiasa diperkotak-katikan oleh negara-negara pengguna di dunia.

Pada teorinya Majlis Timah Antarabangsa yang ditubuhkan 26 tahun yang lampau adalah satu badan yang berfungsi untuk menstabilkan harga bijih timah di pasaran antarabangsa. Caranya ialah dengan mengadakan satu 'mechanism' yang dinamakan Stok Penimbal. Peranan Stok Penimbal ialah untuk mengimbangi harga di pasaran.

Misalnya sekiranya banyak bijih berlegar di pasaran, yang menyebabkan harga turun, maka peranan Stok Penimbal ialah membeli bijih itu. Sebaliknya sekiranya bijih berkurangan di pasaran maka Stok Penimbal akan menjualkan bijihnya. Dengan cara inilah satu-satu harga dapat dikawal.

Sekiranya MTA ini berjalan dengan lancar dan licin, maka harga pasaran akan dapat dikawal, tetapi terdapat satu lagi anasir yang dikira tidak bertanggungjawab yang sentiasa mengelam-

kabutkan keadaan perdagangan. Ini ialah General Services Administration yang telah pun dibincangkan. GSA lah yang selalu 'kacau daun' dalam meruntuhkan struktur perdagangan bijih timah antarabangsa.

Media massa di Barat tentulah tidak begitu senang hati dengan penubuhan PPB. Jikalau dirujuk kepada keadaan yang berlaku di London tahun lepas, maka sikap para wartawan telah menjelaskan niat buruk mereka. Mereka telah memainkan peranan untuk 'menghasut' dan melemahkan semangat negara-negara yang pada dasarnya telah bersetuju menganggotai PPB. Daripada tindakan itu seolah-olah negara-negara pengguna dari telah mula takut dan gentar kepada PPB dan perasaan 'takut' mereka disalurkan melalui media massa.

Dengan demikian nampaklah dengan jelas bahawa penubuhan PPB adalah merupakan satu jalan penyelesaian ke arah menstabilkan harga. Tentulah pakar ekonomi negara-negara itu telah sedar dan dapat mengagak betapa berkesannya nanti peranan PPB yang mungkin juga akan mengancam ekonomi negara-negara pengguna. Mungkin mereka bimbang kalau 'sikap menahan lukah di pergentingan' mereka itu akan kita 'patahkan'.

Dalam keadaan kita sedang mencari jalan tentang bagaimana cara PPB dapat berjuang dengan berkesan, jangan pula dilupakan bahawa Amerika dan negara-negara pengguna yang lain tentulah juga sentiasa memikirkan bagaimana hendak mengatasi rancangan negara-negara pengeluar ini.

Amerika seharusnya tidak perlu memikirkan pertandingan menang-kalah, jika lawannya adalah negara yang lemah dibandingkan dengan kekuatan yang ada padanya. Biar seribu PPB ditubuhkan, namun kalau GSA dengan sewenang-wenangnya menjualkan simpanan stoknya, akan hancur juga pasaran bijih.

Dalam hal ini, Walter Stoessel, Timbalan Setiausaha Negara Amerika pernah membayangkan kebimbangannya mengenai penubuhan PPB:

'... yes only in general sense. I referred to protectionist trends in general and the tendency on the part of some producers of commodities to form cartels which went against the operation of the free market system.'

Walau apa pun orang lain kata, PPB telah ditubuhkan dan akan bergerak selaras dengan perlembagaan yang termaktub.

Kita belum tahu tentang kejayaannya tetapi setiap usaha yang murni akan berjaya. Sekiranya berjaya itu adalah satu 'Reformation' dalam usaha negara kita untuk mengubah cara berfikir masyarakat yang selalu berpaut kepada 'Traditional Assumption'. Dan kejayaan kita bolehlah disifatkan sebagai mengikut arus zaman, sekali air bah sekali pasir berubah.

Berita Minggu 30 Ogos 1982

Bank Islam

BANK Islam bukanlah institusi kewangan bentuk baru. Cuma bank ini baru hendak ditubuhkan di Malaysia. Di negara-negara seperti Pakistan dan Jordan, ia sememangnya telah establish, malah hampir menandingi bank-bank tradisional. Ini jelas membuktikan bahawa institusi kewangan yang berasaskan Islam ini boleh dipraktikkan di Malaysia.

Kerajaan yakin pada apa yang mereka buat. Sdr Anwar Ibrahim tentu akan bekerja keras menegakkan Bank Islam di samping Universiti Islam. Beliau tahu kegagalan Universiti Islam dan Bank Islam bukan saja kegagalannya mentadbirkan sesuatu projek, tetapi ada kaitannya dengan masalah bangsa dan agama. Datuk Sanusi Junid telah membuktikan kemampuan Bank Rakyat.

(Mengikut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Bank ini akan mula dilancarkan pada tahun hadapan dengan modal dibayar berjumlah \$500 juta. Dari jumlah ini, 30% akan disumbangkan oleh Kerajaan Persekutuan, 10% daripada Tabung Haji, 5% daripada PERKIM, 25% daripada Jabatan Agama Negeri, dan selebihnya akan disumbangkan oleh agensi-agensi kerajaan yang lain seperti FELDA.)

Daripada situ dapat diperhatikan bahawa penubuhan Bank Islam akan dapat mengumpulkan sumber-sumber wang yang dimiliki oleh orang Islam di negara ini. Ini adalah saluran wang orang Islam ke jalan yang diredai Allah, tanpa perasaan syak wasangka yang melibatkan mereka dicampuradukkan dengan keji atau 'riba'.

Mengikut Sdr Anwar, konsep Bank Islam selaras dengan konsep Islamiah, iaitu bank secara langsung menyertai kegiatan-kegiatan perdagangan. Bank Islam juga tidak mengeluarkan faedah (sama ada melalui syarikat atau orang perseorangan), tetapi sebaliknya, untung bersama atau rugi bersama.

Bank Islam tentu tidak akan menyediakan perkhidmatan 'Simpanan Tetap' seperti bank-bank perdagangan lain, kerana ini secara langsung melibatkan faedah yang bertentangan dengan

Islam.

Sdr Anwar telah menjamin bahawa Bank Islam tidak akan mengganggu-gugat bank-bank yang ada di Malaysia, malah akan terus seiring berjalan memajukan negara. Dari segi pelaksanaan, banyak peraturan yang sekarang dijalankan akan terus digunakan. Pastilah bahawa Bank Islam akan mempunyai peraturannya sendiri dalam beberapa kaedah prinsip berhubung dengan soal yang dibolehkan dalam syarak.

Seperti yang dinyatakan, Bank Islam bergerak berasaskan konsep untung-rugi yang dibahagi sama. Kelainannya dengan bank-bank lain ialah ia tidak mengenakan sebarang faedah atas pinjaman perniagaan. Sebaliknya, Bank Islam akan mengenakan yuran atau bayaran kepada pinjaman itu dan akan berkongsi keuntungan sekiranya untung, perniagaan yang dijalankan itu. Dan jikalau rugi, akan bersama dideritai.

Apabila Bank Islam membiayai sesuatu projek, modal yang diberikan itu tidak dikira sebagai pinjaman, tetapi dianggap 'equity participation'. Berdasarkan hakikat inilah yang menyebabkan segala keuntungan ataupun kerugian boleh dikongsi bersama antara Bank Islam dengan golongan perniagaan.

Dalam hal ini, tentu pula ramai yang mempersoalkan tentang bolehkah ia dipraktikkan. Kalau ditinjau di negara lain, Bank Islam telah dipraktikkan dan sangat-sangat diminati rakyat.

Berjaya atau tidak ia, Allah jua akan menentukan.

Pakistan telah berjaya menubuhkan Bank Islam. Pada awal tahun ini beberapa bank telah menyediakan pakatan kerjasama demi mengumpulkan modal bagi membiayai projek perindustrian berasaskan konsep-konsep yang diutarakan oleh Bank Islam, iaitu pembahagian untung rugi yang sama rata dengan mengeluarkan 'Participation Term Certificate (PTC)' yang disifatkan sebagai Sijil Penyertaan.

Langkah Kerajaan Pakistan itu semata-mata untuk meluaskan penyertaan rakyat di bidang perindustrian di samping menggalakkan pertumbuhan pasaran modal di negaranya.

Usaha ke arah menjalankan kegiatan ekonomi yang bebas daripada faedah telah diterokai oleh Presiden Zai-Ul Haq di Pakistan semenjak tahun 1979. Beliau telah merancangkan penubuhan panel yang mengandungi pakar-pakar ekonomi dan ahli-

ahli bank, guna mencari jalan bagaimana sebaiknya melaksana kegiatan ekonomi tanpa faedah.

Kemudian Pakistan telah cuba mempraktikkan satu cara kerjasama dalam bidang kewangan dengan memperkenalkan konsep penanaman modal melalui Sijil Penyertaan. Dan ini dianggap langkah yang amat baik ke arah mewujudkan satu masyarakat Pakistan yang segala tindak-tanduknya berasaskan Islam.

Dari segi lain, Pakistan telah cuba mempraktikkan konsep untung rugi dibahagi sama, dan diperkenalkan dalam Januari, 1981. Sambutan rakyat sungguh memeranjatkan. Dalam masa 137 hari saja, jumlah wang yang terkumpul ialah M\$26 juta. Wang ini telah dilaburkan. Kesan dari pelaksanaan itu, bagi enam bulan pertama pelaburan, mereka telah mengeluarkan hasil dan keuntungan antara 8.5% dan 14.5%.

Jadi, kalau di Pakistan—negara yang lebih kurang sama taraf pencapaian ekonominya dengan Malaysia—berjaya melaksanakan Bank Islam, tentulah tidak ada sebab mengapa kita masih meragui penubuhannya di Malaysia. Jikalau bank-bank lain boleh berjaya, yang kejayaannya tentu dengan pertolongan orang-orang Islam juga, maka apakah salahnya modal (walau sedikit) orang-orang Islam itu dialihkan ke Bank Islam yang akan ditubuhkan.

Duta Pakistan di Malaysia, Syed Abid Ali Bilgrami, telah menyokong penubuhan Bank Islam yang pertama di Malaysia.

Dalam pertemuannya dengan Sdr Anwar Ibrahim, beliau telah membayangkan kesanggupan Kerajaan Malaysia menimbangkan sebarang permohonan bantuan oleh Malaysia. Sdr Anwar pula menegaskan bahawa rombongan pegawai-pegawai akan dihantar ke Pakistan untuk mengkaji selok-belok perjalanan Bank Islam yang telah lama ditubuhkan di Pakistan itu.

Bagi meyakinkan lagi bahawa sebenarnya kemampuan Bank Islam telah pun terbukti dalam urusan kewangan yang kompleks, molek juga ditinjau penubuhan Bank Islam di Jordan dan operasinya.

Bank Islam di Jordan akan menyediakan semua kemudahan sepertimana yang dipraktikkan oleh semua bank dewasa ini, tetapi melancarkan sistem pembahagian keuntungan dan mengepikan faedah yang biasa 'dipraktikkan' oleh bank-bank perdagangan.

Berdasarkan satu sumber, seorang penyimpan 'saving' dalam Bank Islam yang dipraktikkan di Jordan itu, tidak diberikan jaminan kadar faedah sebagai keuntungan yang diperolehinya hasil dari pelaburannya itu, seperti amalan bank-bank biasa, penyimpan itu dijanjikan keuntungan dari projek yang dibiayai oleh Bank Islam tadi.

Satu lagi komponen dalam perjalanan sistem Bank Islam di Jordan ialah penjualan bond-bond. Bond jangka panjang disediakan untuk membiayai beberapa projek pembangunan di negara itu, seperti yang diamalkan dalam 'Simpanan Tetap'. Para pemegang bond tidak dijanjikan atau diberi jaminan bagi pembayaran khas terhadap modalnya setiap tahun. Besar kecil pendapatan yang diterima oleh pemegang-pemegang bond ditentukan oleh kadar keuntungan yang diperolehi dari projek-projek yang telah dibiayai dengan bond-bond.

Selain projek Bank Islam, Jordan juga telah menerokai bidang pelaburan lain yang mengikut prinsip-prinsip berlandaskan Islam. Misalnya, kegiatan yang dijalankan oleh 'Islamic Investment House Jordan (IIH)' perlu mendapat perhatian dan, kalau boleh, dicontohi oleh golongan perniagaan Islam di negara kita. IIH telah memulakan kegiatannya dengan penanaman modal ke dalam perusahaan perumahan yang berharga antara \$1.98 dan \$2.68 juta. Syarikat ini bukan sahaja memulakan kegiatan perdagangan bermula dari awal tahun ini. dan projek IIH yang pertama ialah di luar kota Amman. Mengikut jangkaan, projek ini akan mengandungi 350 rumah villa dan yang anehnya *architecture* rumah-rumah itu melambangkan kehidupan rakyat Islam.

Syarikat ini juga bercita-cita meluaskan kegiatan perdagangan dalam bidang pengangkutan dengan harapan satu masa nanti ia akan dapat peluang bergerak dalam perusahaan pengangkutan apabila sektor ini berkembang luas sama ada di Kuwait atau Jordan ataupun Iraq dan Saudi Arabia.

Keunikan IIH ini ialah tentang skopnya yang sangat luas fungsinya hampir menyamai Bank Islam. Sebagai contoh, IIH juga akan menerima simpanan-simpanan biasa, dan kadangkala bertindak sebagai wakil-wakil pelaburan dalam projek-projek tertentu sebagaimana diarahkan oleh penyimpan-penyimpan ataupun oleh syarikat-syarikat swasta.

'Islamic Investment House' juga bertindak sebagai pakar pe-

runding kewangan dan akan mengkaji dan menyiasat projek itu sebelum ia dilancarkan. Satu projek yang dibiayai oleh Bank Islam seharusnya mendapat penelitian yang wajar sebelum tindakan diambil. Tetapi, walaupun IHH menjalankan beberapa kegiatan yang berbagai dalam perkembangan ekonomi Jordan, namun kegiatan mutlakunya ialah penglibatan diri secara langsung dalam berbagai projek negara.

Apakah rasional sebenarnya penubuhan Bank Islam ini? Ada yang berpendapat bahawa pembahagian tanggungjawab dan risiko di antara pemilik modal dan pemilik kilang atau pengusaha, ternyata telah meningkatkan perimbangan nilai usaha manusia. Ini juga menjadi perangsang tambahan bagi pelaburan kecil dan pengusaha untuk bekerja lebih giat dan tekun menjayakan perniagaannya. Semakin cepat usahanya mampu menghasilkan keuntungan, semakin cepat pula ia memiliki perusahaannya sendiri tanpa ikatan bank lagi.

Penyediaan kewangan bagi pengusaha tempatan seharusnya dapat meningkatkan kecenderungan yang lebih sihat bagi pembangunan sosio-ekonomi berbanding dengan sistem yang ada hari ini.

Dalam aspek lain pula, Bank Islam di samping menitik-beratkan bidang kewangan, juga tidak ketinggalan menumpukan kebidang rohani. Dalam operasi Bank Islam, terdapat unsur kerohanian yang mendatangkan berkat kepada harta, serta menjadikan harta itu berkhidmat kepada masyarakat dengan jalan yang diredai Allah, dan bukan sebaliknya.

Kerajaan akan membentangkan rang undang-undang Bank Islam dalam persidangan Parlimen Oktober nanti. Bank Islam akan dibuka kepada orang-orang Islam dan juga kepada bukan Islam. Dan semua bentuk pinjaman untuk pelaburan akan ditapis melalui Jawatankuasa Penasihat syarikat.

(Perdana Menteri juga tidak menggalakkan bank-bank perdagangan lain membabi buta mengikuti operasi Bank Islam. Dalam hal ini, bank-bank lain perlu meneliti dan mengkaji perjalanan Bank Islam, sebelum menentangnya.)

(Perdana Menteri juga menegaskan bahawa rancangan penubuhan Bank Islam ini timbul setelah adanya kajian-kajian yang menyeluruh yang dipengerusikan oleh Raja Tan Sri Mohar Raja Badiozaman (Penasihat Ekonomi PM).)

Cadangan awal penubuhan Bank Islam muncul apabila Pengerusi Gabungan Persatuan Bank-bank Islam Antarabangsa, Putera Mohamed Al-Faisal, melawat negara ini dua tahun lalu. Arab Saudilah negara tunggal yang mengesyorkan penubuhan bank ini di sini. Pakar-pakar perunding Arab telah pun datang ke Malaysia membincangkan konsep Bank Islam, dan beliau menyeru agar negara ini mencontohi Bank Islam di Mesir, Sudan dan Kuwait.

Oleh kerana Bank Islam yang bakal ditubuhkan ini perkara yang baru, maka akan ada berbagai masalah, terutama mengenai pegawai yang kurang berpengalaman. Bagaimanapun, telah ada ura-ura kerajaan hendak menghantar pegawai-pegawai ini berkursus di luar negeri agar dapat sebanyak sedikit menimba pengalaman untuk diarahkan di tanahair.

Di Cyprus, terdapat institut yang melatih pegawai-pegawai mengendalikan operasi Bank Islam, bernama 'The International Institute for Islamic Banking and Economics'. Institut ini telah pun melancarkan kursus pertamanya mengenai Bank Islam, September lalu. Kursus setahun itu boleh menempatkan sekurang-kurangnya seratus pelajar. Sementara itu pula, kursus dua minggu untuk lebih kurang 80 peserta, terutamanya dari Afrika Barat, akan diadakan di Guine.

Institut ini telah diasaskan pada tahun 1981 oleh Gabungan Universiti Istanbul Islamabad, Al-Azhar dan Raja Abdul Aziz dari Saudi Arabia. Institut ini bercadang melatih sekurang-kurangnya 100 peserta setiap tahun.

Berita Minggu 8 Ogos 1982

Estet Padi

R.O. WINSTEDT, pegawai Inggeris yang juga terkenal sebagai penulis buku dalam zaman pentadbiran Inggeris di Tanah Melayu, pernah menyatakan bahawa tujuan Inggeris mendirikan sekolah-sekolah ialah untuk memberi pelajaran kepada kanak-kanak Melayu 'agar mereka menjadi petani yang lebih baik daripada datuk neneknya.'

Dan apabila ditilik kembali keadaan petani sebelum dan sesudah negara ini merdeka, nampak jelas bahawa rancangan Inggeris untuk mencipta petani moden itu, gagal. Faktor kegagalan itu tidak lain dan tidak bukan, berpunca dari sikap Inggeris yang mahu melepaskan batuk di tangga sahaja.

Sejak kita mencapai kemerdekaan, banyak dijalankan usaha meninggikan taraf kehidupan petani di desa. Tidak kurang pula rancangan raksasa Kerajaan seperti Rancangan Muda dan Kumbu, dan tidak kurang juga ditubuhkan agensi kerajaan guna menolong petani memajukan perusahaannya.

(Pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed, mengenai konsep 'Estet Padi' adalah satu lagi babak baru yang diterokai untuk memajukan petani. Belum begitu jelas bentuk dan cara pelaksanaannya, tapi, yang ketara ialah konsep estet padi dapat dipraktikkan dan dapat mengeluarkan hasil yang baik)

(Ahli kaji sosial dan ekonomi telah mengemukakan berbagai punca kemiskinan yang banyak mengancam petani, khususnya di Dunia Ketiga. Di antara sebabnya, terdapat pendekatan yang kurang mengutamakan penggunaan sains dan teknologi sebagai faktor utama menyebabkan masalah ini, iaitu penggunaan cara yang meluas dalam pertanian)

Dalam hal ini, petani di Malaysia memang berleluasa menggunakan cara tradisi. Walaupun ada penggunaan cara moden, namun ia masih terlalu terhad.

Bagi mengatasi masalah ini, mereka, dikatakan, perlu menggunakan baja dan menggantikan cara tradisional ke cara moden

berasaskan kemajuan teknologi. Hanya dengan cara ini, kemiskinan dapat dibasmi.

Seperkara yang tidak boleh diabaikan ialah bagaimanakah petani itu mendapat alat-alat moden ini? Kebanyakan mereka tidak mampu membeli baja dan alat-alat teknologi pertanian moden lain.

Kajian di India membuktikan bahawa petani yang benar-benar progresif adalah mereka yang bermodal membeli alat-alat pertanian moden itu.

(Pengenalan konsep 'Estet Padi' ini akan menggerakkan petani ke arah itu. Kemajuan teknologi tidak menguntungkan, sekiranya digunakan di sawah yang sempit seperti kini, bertani secara peseorangan. Jadi, konsep estet yang menyatukan menjadi ladang yang luas, sangatlah sesuai)

(Mengikut konsep 'estet' yang diura-urakan itu, sawah para petani di sesuatu kawasan tertentu, disatukan menjadi ladang yang luas. Ia ditadbirkan seperti 'estet' oleh pengurus yang dilantik.)

Pemilik-pemilik tanah hanyalah sebagai pemegang saham yang akan mendapat bayaran dividen setiap tahun. Di samping itu mungkin pemilik tanah ingin juga menjadi pekerja di ladang itu, dengan gaji yang ditentukan oleh majikan.

Dengan demikian pengurusan estet padi itu adalah selaras dengan teknik-teknik pengurusan moden yang melibatkan institusi kerajaan dan bukan kerajaan yang lain seperti bank, Jabatan Pertanian, FAMA dan seumpamanya.

Program pembangunan pertanian bertujuan ke arah penggunaan teknologi yang banyak menggerakkan tenaga manusia dan tidak bertujuan menggantikan tenaga manusia dengan jentera sepenuhnya.

Ini berkait rapat dengan masalah hubungan manusia dan tanah. Adalah perlu diwujudkan hubungan yang boleh menggalakkan seseorang itu berusaha lebih kuat, melabur tenaga untuk keuntungan sendiri dan bukannya menambahkan kekayaan orang lain.

Harus disedari sekiranya sains dan teknologi itu benar-benar hendak digunakan bagi menyelesaikan masalah kemiskinan, matlamat pencapaiannya ialah menghapuskan perbezaan antara yang kaya dengan yang miskin dan bukannya menambahkan pe-

ngeluaran demi keuntungan pihak-pihak tertentu saja dalam masyarakat yang sedang membangun.

Dengan adanya sistem kawalan yang sistematis berdasarkan konsep 'estet' yang juga menjadi struktur organisasi, akan dapat diselenggarakan penggunaan benih-benih bermutu, baja, racun serangga dan bekalan air ke atas 'estet' yang luas itu. Di samping itu pihak pengurusan akan mengumpulkan hasil-hasil padi, menyimpan dan mengedarkannya.

Organisasi pemasaran adalah perlu bagi bahan-bahan pertanian seperti padi. Ini ada kaitan juga dengan sistem pengangkutan yang baik. Dengan adanya 'central control' ditambah pula dengan sistem pengangkutan yang baik, tentulah akan tidak berlaku padi dibiarkan berlonggok yang kesannya apabila dijual, murah harganya.

Konsep 'estet' dianggap tindakan kerajaan yang baik yang akan dapat menolong menyelesaikan beberapa masalah petani. Di samping itu pengenalan konsep 'estet' padi akan melemahkan hujjah yang mendakwa bahawa pemecahan tanah dalam Islam menghalang kemajuan ekonomi.

Sistem pembahagian ini juga dikatakan menyudahkan pelaksanaan reformasi tanah. Undang-undang pusaka dalam Islam hanya menentukan kadar pembahagian.

Islam tidak mewajibkan bahagian-bahagian itu dipecah-pecahkan dan setiap unit tanah tidaklah semestinya dikerjakan oleh pemiliknya masing-masing. Sebaliknya, Islam mengharuskan bahagian-bahagian tanah itu ditinggalkan tanpa dipecah-pecah.

Di kalangan masyarakat Melayu (Islam) di negara ini, pembahagian harta pusaka dengan cara membahagikan tanah adalah amalan yang berleluasa. Dengan demikian, menurut Prof. Ungku Aziz, "akibat pembahagian tanah adalah sukar untuk menggunakan alat-alat moden yang menghasilkan pengeluaran yang tinggi."

Hakikat ini berpunca dari setiap petani mengusahakan sawahnya cara perseorangan dan tidak mengikut jadual kerja tertentu.

Jikalau ditinjau dari sudut lain, konsep 'estet padi' akan menggerakkan perusahaan tanah yang sekian lama diabaikan. Banyak tanah sawah di negara ini yang tinggal usang.

Puncanya ialah ketiadaan bekalan air yang memuaskan, musuh padi yang menjadi-jadi, perpindahan beramai-ramai anak

muda ke bandar-bandar yang menyebabkan tidak ada orang yang mengusahakan sawah, dan faktor-faktor lain.

Jadi, sekiranya 'estet padi' diperkenalkan, maka segala permintaan untuk sistem pengairan yang sesuai, pengawalan musuh yang berkesan, sudah tentu dapat dilaksanakan.

Tanah milik ramai orang juga sudah diusahakan dan kerap kali diabaikan.

Datuk Sri Mahmud bin Mat dalam 'Land Subdivision and Fragmentation'—Intisari, Vol. 1, No. 2, Malayan Sociological Research Institute Ltd' telah menghuraikan tentang suatu keadaan:

"Bila sekeping tanah itu kepunyaan ramai orang dengan bahagian-bahagian kecil yang banyak, tidak seorang pun dari mereka yang betul-betul menguasai sesuatu bahagian tanah itu.

"Justeru itu dengan ketiadaan persetujuan rasmi pemilik-pemilik yang ramai itu, tanah tersebut dibiarkan dan tidak diusahakan, mereka tidak mahu membayar hasil tanah tersebut.

"Ini boleh dilihat di akhir-akhir tahun bila tanah itu diiklankan untuk jualan disebabkan hasil tanah yang tidak terbayar."

Bolehkah konsep 'estet padi' ini menyelamatkan keadaan seperti yang diuraikan di atas?

Kemungkinannya dapat dilakukan kerana pemilik tanah yang ramai itu dengan sendirinya didaftarkan menjadi pemilik saham yang tergolong dalam pentadbiran 'estet'. Kesemua pemilik saham adalah bertanggungjawab pada pengawalan pusat—tidak seorang pun antara ahli yang ramai itu dapat menguasainya.

"Tanah itu bukan sahaja perlu didapati, tapi ia hendaklah diberikan kepada mereka yang ingin menjadikannya produktif. Ia janganlah dijadikan bahan spekulasi. Ia mesti digunakan secara produktif untuk faedah semua. Pemilikan tanah janganlah dimonopoli oleh segelintir manusia sahaja.

Demikian pendapat Conrado F. Estrella dalam 'Land Reform: The Mandate of Our Time—The Land Reformer, Vol. 11, No. 2, June 1971—Quezon City, Philippines.

Sememangnya, konsep 'estet padi' yang diutarakan oleh Dr. Mahathir adalah bergerak ke arah tujuan sebagaimana yang diuraikan dalam para di atas iaitu untuk produktif, di samping mengelakkan tanah tidak dimonopoli oleh segelintir manusia.

Telah jelas diketahui banyak sawah tergadai atau berpindah

ke tangan orang tengah yang tidak bertanggungjawab. Jadi, mungkin langkah menyelamatkannya ialah dengan dilaksanakan sistem 'Estet Padi'.

Berkaitan dengan penggunaan tanah yang ekonomik, Dr. S. Waseem Ahmad pula menyatakan, "Saiz purata bagi sawah padi ialah tiga ekar. Taraf pemegang ekonomik yang ideal (bagi getah dan kelapa sawit), menurut rancangan FELDA, ialah 10 ekar."

Pendapat ini dilahirkan dalam 'Institutional Reform is The Crucial Factor Necessary for a Successful Development Programme in Malaysia—Ekonomi, Vol. 9—December 1968, Journal of the Economic Society, University of Malaya, Kuala Lumpur.

Sekiranya penggunaan sawah yang ekonomik ialah tiga ekar, mengikut pendapat di atas, berapa ramaikah orang Melayu yang bertanah seluas itu? Kebanyakan petani kita hanya mempunyai tanah 'sekangkang kera' yakni kurang dari tiga ekar.

Jadi dengan demikian, kebanyakan tanah sawah petani diusahakan dengan yang tidak ekonomik.

Mengikut Dr. S. Waseem Ahmad lagi, "Banci pertanian tahun 1960 menunjukkan bahawa hampir 70% petani desa di Persekutuan Tanah Melayu memiliki kurang dari 5 ekar dan hampir 50% kurang dari tiga ekar."

Kita tidak dapat memastikan tentang kebaikan dan keburukan konsep 'estet padi'. Setakat ini, kita hanya dapat meramalkan faedah yang akan diperolehi sekiranya dilaksanakan konsep itu.

Antara faedah atau keuntungan yang bakal diperolehi ialah kemungkinan berkurangnya perpindahan anak muda desa mengadu nasib di kota. Tujuan belia pergi ke kota untuk mencari rezeki yang lebih. Tidak boleh kita menyalahkan belia desa yang bersikap demikian.

Berbanding dengan pendapatan yang diperolehi hasil menoreh getah, dirasakan, menjadi buruh kontrek atau pekerja kilang, sudah tentu mendapat pendapatan yang lebih sedikit.

Yang penting lagi pada mereka ialah ke kota untuk 'makan gaji' dan taraf orang 'makan gaji' adalah lebih sedikit dari pesawah atau penoreh getah atau penternak. Dan tentulah lebih selamat bagi ibu bapa menyerahkan anak dara mereka kepada orang yang 'makan gaji'.

Oleh itu, jika 'falsafah' demikian jadi pegangan, maka konsep

'Estet Padi' akan dapat menawan belia untuk 'makan gaji' di 'estet padi' dalam keadaan yang terkawal dari segi kebajikan buruh 'estet'.

Berdasarkan pengalaman lampau, terbukti bahawa petani memerlukan arahan dan bimbingan pekerjaan. Sebagai contoh, pesawah dari Kelantan lebih suka 'makan gaji' mengerjakan sawah tuan tanah di Kedah.

Sikap suka 'makan gaji' menjadi asam garam hidup masyarakat kita. Oleh itu apalah salahnya petani diarah bekerja di atas tanahnya sendiri mengikut konsep yang sistematik.

Kejayaan rancangan Felda adalah contoh bagaimana orang Melayu boleh melakukan sesuatu sekiranya bersistem. Skim Felda memang telah menunjukkan kemajuan yang besar. Terbukti kejayaannya sama ada tanaman getah atau kelapa sawit. Dan tidak mungkin pula padi akan gagal sekiranya diukur dari pengalaman getah dan kelapa sawit itu.

Di Indonesia, pernah Belanda menjalankan sistem pertanian bernama 'Culture System' atau Sistem Tanaman Paksa. Memanglah rancangan itu telah menyiksa rakyat Jawa, tetapi kesannya dapat melatih orang Jawa bekerja keras.

Rancangan pertanian Belanda itu disusun dan dikawal oleh Belanda. Dan petani Jawa adalah buruh yang dijadikan 'abdi' Belanda mengerjakan tanah untuk kepentingan ekonomi Belanda.

Sebelum diperkenalkan rancangan pertanian 'Sistem Culture' itu, Van Den Bosch telah menyatakan bahawa tujuan 'Sistem Culture' ialah untuk melatih petani Jawa mengerjakan tanah mereka dengan cara yang sistematik. Walaupun itu hanya tipu helah Belanda, namun sedikit sebanyak terdapat juga kebenarannya.

Dan jika ditinjau tentang pengenalan konsep 'estet padi', ia tidaklah bertujuan mengikut jejak Belanda di Indonesia. Tetapi hanya sekadar memperkenalkan program bentuk baru yang agak bersesuaian dengan peredaran zaman, di samping dapat menyelesaikan masalah petani khususnya dan negara umumnya.

Semoga kemurnian rancangan itu diredhai Allah Yang Maha Kuasa.

MAHATHIR

Senyum Mu

**Menawan seluruh benua
dari kawasan Artic, Antartic hingga ke Khatulistiwa
Dari si kecil anak di tengah padang pasir Sahara
hingga ke ibu tua di Mali**

Suara mu

**menggegarkan menara di Bangsa-Bangsa Bersatu
memeranjatkan peserta lena di Cancun
merobah wajah tradisi persidangan komanwel yang utuh**

Langkah mu

**langkah petani turun ke bendang
langkah nelayan menuju lautan
langkah buruh mencari sesuap pagi sesuap petang**

Pena mu

**menukarkan suasana gelora yang dulunya tenang
mencengkam hati dan nadi seluruh insan
membuat mereka terjaga dulunya lena
membuat mereka hiba yang dulunya gembira**

Dikau seorang pahlawan

**tidak berbeza dengan Hang Tuah yang bersenjatakan keris
tidak berbeza dengan Mat Kilau yang bencikan Inggeris
zaman mereka zaman pedang jadi perhiasan
zaman mu zaman pengetahuan alat pertarungan**

24 JUL 1986